05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALISIS ADAPTASI NOVEL TAMIL *LOCKUP* KE FILEM TAMIL *VISARANAI*

KANESAN A/L RAMASAMY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALISIS ADAPTASI NOVEL TAMIL *LOCKUP* KE FILEM TAMIL *VISARANAI*

KANESAN A/L RAMASAMY

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (v )
Kertas projek
Sarjana penyelidikan
Sarjana penyelidikan dan kerja kursus
Doktor falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ___11 OGOS 2021_

**i. Perakuan pelajar**:

Saya, **KANESAN A/L RAMASAMY** dari **FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi / tesis yang bertajuk **ANALISIS ADAPTASI NOVEL TAMIL *LOCKUP* KE FILEM TAMIL *VISARANAI*** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

_____

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **Dr. ILANGKUMARAN A/L SIVANADHAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS ADAPTASI NOVEL TAMIL *LOCKUP* KE FILEM TAMIL *VISARANAI*** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian /sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA.**

__11 OGOS 2021_____

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. ILANGKUMARAN SIVANADHAN
Senior Lecturer
Department of Modern Languages
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UPSI/IPS-3/BO31
Pind.: 00 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**
***INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES***

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK**
***DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk/ Title : ANALISIS ADAPTASI NOVEL TAMIL LOCKUP KE FILEM TAMIL VISARANAI

No. Matrik / 0DWULF¶V 1R : M20171000688

Saya / I : KANESAN A/L RAMASAMY

(Nama pelajar / 6WXGHQW¶V1DPH )

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan diUniversiti PendidikanSultanIdris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaansepertiberikut :-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/LaporanKertasProjekiniadalahhakmilik UPSI.
   *The thesis is the property of UniversitiPendidikan Sultan Idris*
2. PerpustakaanTuankuBainun dibenarkanmembuatsalinan untuktujuan rujukansahaja.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antaraInstitusiPengajian Tinggi.
   *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidakdibenarkanmembuat penjualansalinan Tesis/Disertasi ini bagikategori **TIDAK TERHAD**.
   *The Library are not allowed to make anyprofit IRU µ2SHQ $FFHVV¶ 7KHVLV'LVVHUWDWLRQ*
5. LOD WDQGDNDQ¥EDJLSLOLKDQ NDWHJRULGLEDZDK 3OHDVH WLFN ¥ IRU FDWHJRU\ EHORZ

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | **SULIT/*CONFIDENTIAL*** | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Containsconfidentialinformationunderthe OfficialSecretAct1972* |
| ☐ | **TERHAD/*RESTRICTED*** | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research wasdone.* |
| ☐ | **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS*** | |

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 11 OGOS 2021

DR. ILANGKUMARAN SIVANADHAR
Senior Lecturer
Department of Modern Languages
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University

(TandatanganPenyelia/ Signature of Supervisor )
& (Nama & Cop Rasmi/ Name & Official Stamp )

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengannyatakansekalisebabdantempohlaporanini perlu dikelaskansebagai **SULIT**dan **TERHAD**.
*Notes: Ifthethesisis CONFIDENTIALorRESTRICTED,pleaseattachwiththeletterfromtheorganizationwithperiodand reasonsforconfidentialityorrestriction.*

Dilampirkanbersama di dalam Tesis/Disertasi/LaporanKertasProjek(cakera padat),selepas lampiranPengakuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuhan kerana telah memberikan saya peluang, kekuatan serta ketabahan untuk menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada penyelia saya, Dr. Ilangkumaran Sivanadhan yang telah membimbing dan menyumbang buah fikiran bernas secara berterusan dengan penuh kesabaran dan prihatin. Bimbingan dan tunjuk ajar yang berharga ini telah membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah-pensyarah daripada Program Bahasa Tamil, UPSI, pegawai-pegawai daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), yang turut membantu dalam menyiapkan penyelidikan saya. Tidak terlupa juga kepada pensyarah dari Universiti Sains Malaysia iaitu, Dr. Saravanan P. Veeramuthudan dan Dr. Wan Hasmah Wan Teh yang turut membantu dalam menyiapkan penyelidikan saya. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak perpustakaan dalam dan luar negara yang telah memberi ruang dan kerjasama semasa mencari bahan kajian serta membuat rujukan dalam menyiapkan penyelidikan saya.

Terima kasih yang tidak terhingga turut diucapkan kepada isteri yang amat dikasihi, Pn.Nagajothi Arumugam kerana sentiasa mengorbankan masa dan tenaga serta memberi sokongan moral dan memahami saya sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan juga keempat-empat orang cahaya mata iaitu K. Harini, K. Kathir Velan, K. Yaalinie dan K. Maha Patchaiammal yang sentiasa bersama menjadi penyokong bagi melengkapkan kajian saya.

Terima kasih yang tidak terhingga turut di ucapkan kepada ibubapa saya yang amat dikasihi En. D. Ramasamy dan Pn. V. Letchmy yang sentiasa yang inginkan anaknya maju dalam bidang pendidikan.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan saya yang sentiasa berganding bahu untuk menyiapkan penyelidikan ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan saya, guru-guru yang sentiasa membantu secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan kajian saya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# ABSTRAK

Tujuan kajian ini untuk menganalisis kandungan atau tema dan persoalan yang dipaparkan dalam dua genre kreatif, iaitu novel Tamil *Lockup* oleh penulis M. Chandarakumar yang diadaptasi ke filem Tamil *Visaranai*. Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif bagi iaitu penelitian tentang unsur persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua media ini sama ada berlaku sama ada pengekalan, pengguguran, dan penambahan naratif, watak dan perwatakan, dialog, latar dan sebagainya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif berdasarkan teori adaptasi Mc Franlane yang melibatkan empat peringkat adaptasi iaitu naratif, verbal ke visual, enunsiasi dan keseluruhan. Seterusnya sinopsis novel bagi setiap bab diterangkan bagi menunjukkan persamaan dan perbezaan diantara unsur naratif, watak, enunsiasi dan unsur keseluruhan dengan filem yang diadaptasikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa adaptasi yang dihasilkan oleh pengarah filem menunjukkan kesetiaan novel dengan unsur-unsur adaptasi. Selain itu, adaptasi filem berkenaan berupaya menghuraikan naratif yang digambarkan oleh pengarah, bersesuaian dengan situasi dalam novel bagi meningkatkan minat dan tabiat membaca dikalangan masyarakat.Kesimpulannya bahawa adaptasi memainkan peranan penting dalam bahan penulisan yang diterbitkan. Adaptasi karya sastera akan menjadi satu usaha yang sangat indah dan membanggakan apabila ia mampu menterjemahkan dan menceritakan kembali karya tersebut dalam bentuk baharu untuk dipersembahkan kepada khalayak. Implikasinya, adaptasi dapat membuka ruang bagi mencari, menaakul serta meneroka suatu penemuan baharu yang mencabar dan bermakna dalam bidang penulisan dan penyelidikan yang berkaitan dengan adaptasi dalam karya sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**ADAPTATION ANALYSIS OF TAMIL NOVEL *LOCKUP* TO TAMIL FILM *VISARANAI*.**

## ABSTRACT

The purpose of this study is to analyse the content or themes and questions featured in two creative genres, namely the Tamil novel *Lockup* by author M. Chandarakumar adapted into the Tamil film *Visaranai*. This study was conducted to achieve the objective of clarifying the study of the elements of similarities and differences in these two media. The novel is adapted into a film, taking place whether retention, abortion, and addition of narrative, characters, dialogue, setting and so on. This study uses a descriptive qualitative approach based on Mc Franlane's theory of adaptation which involves four elements of adaptation namely narrative, verbal to visual, enunciation and overall. Moreover, a synopsis of the novel for each chapter is described to show the similarities and differences between the narrative elements, characters, enunciations and overall elements with the adapted film. The results of this study found that the adaptations produced by the film director showed the novel's fidelity with the elements of adaptation. The findings of this study also show that the film adaptation is able to describe the narrative described by the writer, in accordance with the situation in the novel to increase interest and reading habits among the community. Thus, it can be concluded that adaptation plays an important role in published writing material. The adaptation of a literary work will be a very beautiful and proud endeavour when it is able to translate and retell the work in a new form to be presented to the audience. The implication is that adaptation can open space for finding, reasoning and exploring a new discovery that is challenging and meaningful in the field of writing and research related to adaptation in literary works.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN

**PERAKUAN PELAJAR** **ii**

**PERAKUAN PENSYARAH** **ii**

**PENGHARGAAN** **iv**

**ABSTRAK** **vi**

**ABSTRACT** **vii**

**KANDUNGAN** **viii**

**SENARAI JADUAL** **xvii**

**SENARAI RAJAH** **xviii**

**SENARAI LAMPIRAN** **xix**

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Pernyataan Masalah 8

1.4 Objektif Kajian 10

1.5 Soalan Kajian 11

1.6 Kepentingan Kajian 11

1.7 Batasan Kajian 14

1.8 Sumber Kajian 15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.9 Definisi Operasional 15

1.9.1 Adaptasi 16

1.9.2 Novel 16

1.9.3 Filem 17

1.9.4 Unsur-unsur Adaptasi Novel ke Filem 18

1.9.4.1 Peringkat Naratif 18

1.9.4.2 Peringkat Verbal ke Visual 18

1.9.4.3 Peringkat Enunsiasi 19

1.9.4.4 Peringkat Keseluruhan 19

1.10 Kesimpulan 20

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pendahuluan 21

2.2 Perkembangan Adaptasi 22

2.3 Karya Novel M. Chnadrakumar 22

2.4 Pengarah Filem Vetrimaaran 24

2.5 Teori Adaptasi 25

2.6 Tinjauan Kajian Terdahulu 27

2.7 Kesimpulan 37

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan 38

3.2 Reka Bentuk Kajian 39

3.2.1 Kerangka Kajian 41

3.3 Kaedah Kajian 42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.3.1 Kaedah Kajian Analisis Teks 42

3.3.2 Kaedah Kajian Kepustakaan 43

3.4 Bahan Kajian 43

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 44

3.5.1 Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data Primer 44

3.5.2 Kaedah dan Teknik Pengumpulan Sekunder 44

3.5.3 Pembacaan dan Penelitian Bahan Kajian 45

3.5.4 Pemilihan Data Kajian 46

3.5.5 Mencari Makna Bahan Kajian 46

3.5.6 Menyusun dan Mengkategorikan Bahan 47

3.5.7 Membuat Rumusan 47

3.6 Kaedah Penganalisisan Data 47

3.7 Teori Kajian 48

3.7.1 Peringkat Naratif 51

3.7.2 Peringkat Verbal ke Visual 51

3.7.3 Peringkat Enunsiasi 51

3.7.4 Peringkat Keseluruhan 52

3.8 Kerangka Teori 53

3.9 Kesimpulan 53

**BAB 4 ANALISIS DATA**

4.1 Pendahuluan 54

4.2 Analisis Adaptasi Bab Satu Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 55

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



4.2.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Satu 55

4.2.2 Analisis Adaptasi Bab Satu Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 55

4.2.3 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 57

4.3 Analisis Adaptasi Bab Dua Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 61

4.3.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Dua 61

4.3.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 63

4.4 Analisis Adaptasi Bab Tiga Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 67

4.4.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Tiga 68

4.4.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 70

4.5 Analisis Adaptasi Bab Empat Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 73

4.5.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Empat 74

4.5.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 75

4.6 Analisis Adaptasi Bab Lima Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 82

4.6.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Lima 77

4.6.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 79

4.7 Analisis Adaptasi Bab Enam Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 81

4.7.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Enam 82

4.7.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 83

85


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.8 Analisis Adaptasi Bab Tujuh Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 86

4.8.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Tujuh 88

4.8.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 90

4.9 Analisis Adaptasi Bab LapanNovel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 91

4.9.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Lapan 92

4.9.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 95

4.10 Analisis Adaptasi Bab Sembilan Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 95

4.10.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Sembilan 96

4.10.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 98

4.11 Analisis Adaptasi Bab Sepuluh Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 99

4.11.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Sepuluh 100

4.11.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 102

4.12 Analisis Adaptasi Bab Sebelas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 102

4.12.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Sebelas 103

4.3.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 105

4.13 Analisis Adaptasi Bab Dua Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 105

4.13.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Dua Belas 107

4.13.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



4.14 Analisis Adaptasi Bab Tiga Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 109

4.14.1 1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Tiga Belas 114

4.14.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 111

4.15 Analisis Adaptasi Bab Empat Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 113

4.15. 1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Empat Belas 113

4.15.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 114

4.16 Analisis Adaptasi Bab Lima Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 118

4.16.1 1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Lima Belas 119

4.16.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 120

4.17 Analisis Adaptasi Bab Enam Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 122

4.17.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Enam Belas 1222

4.17.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 124

4.18 Analisis Adaptasi Bab Tujuh Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 125

4.18.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Tujuh Belas 126

4.18.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 127

4.19 Analisis Adaptasi Bab Lapan Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 129


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.19.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Lapan Belas 130

4.19.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 132

4.20 Analisis Adaptasi Bab Sembilan Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 132

4.20.1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Sembilan Belas 134

4.20.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 136

4.21 Analisis Adaptasi Bab Dua Puluh Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 136

4.21.1 1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Dua Puluh 138

4.13.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem 139

4.22 Analisis Adaptasi Bab Dua Puluh Satu Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 140

4.22.1 1 Naratif Novel Tamil Lockup Bab Dua Puluh Satu 141

4.13.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

4.3 Menghuraikan Kepentingan Adaptasi Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 143

4.3.1 Budaya Menbaca 143

4.3.2 Amalan Adaptasi Novel ke Filem 144

4.3.3 Pengiktirafan Kepada Penulis dan Pengarah 146

4.3.4 Sumber Pendapatan kepada Industri Perfileman dan Pencetakan. 147

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.3.5 Pemikiran yang Kreatif 148

4.3.6 Sumber Dokumentasi 149

4.3.7 Perindustrian Perfileman Tamil di Arena Antarabangsa 150

4.3.8 Memupuk Nilai Hak Asasi Manusia 151

4.3.9 Budaya dan Identiti Kaum 152

4.3.10 Peningkatan Kajian-kajian Adaptasi 154

4.23 Kesimpulan 155

**BAB 5 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

5.1 Pendahuluan 156

5.2 Dapatan Kajian 157

5.2.1 Peranan Adaptasi Novel ke Filem 158

5.2.2 Unsur-unsur yang dihuraikan dalam peringkat Naratif Novel Tamil Lockup ke Filem Tamil Visaranai 159

5.2.2.1 Unsur-unsur Naratif yang Dikekalkan 160

5.2.2.2 Unsur-unsur Naratif yang Digugurkan 161

5.2.2.3 Unsur-unsur Naratif yang Ditambahkan 162

5.2.3 Unsur-unsur yang dihuraikan dalam peringkat Verbal ke Visual Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*. 163

5.2.3.1 Unsur-unsur Verbal ke Visual yang Dikekalkan 163

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.2.3.2 Unsur-unsur Verbal ke Visual yang Digugurkan 165
5.2.3.3 Unsur-unsur Verbal ke Visual 165

5.2.4 Unsur-unsur yang dihuraikan dalam peringkat Enunsiasi Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai* 166

5.2.4.1 Unsur-unsur Enunsiasi yang Dikekalkan 166

5.2.4.2 Unsur-unsur Enunsiasi yang Digugurkan 167

5.2.4.3 Unsur-unsur Enunsiasi yang Ditambahkan 167

5.3 Perbincangan 168

5.4 Cadangan Kajian Masa Depan 169

5.5 Kesimpulan 170

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rujukan 171

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI JADUAL


| No.Jadual | Muka surat |
|---|---|
| 3.1 Peringkat Adaptasi Novel | 53 |
| 4.1 Analisis Adaptasi Bab 1 | 59 |
| 4.2 Analisis Adaptasi Bab 2 | 67 |
| 4.3 Analisis Adaptasi Bab 3 | 77 |
| 4.4 Analisis Adaptasi Bab 4 | 84 |
| 4.5 Analisis Adaptasi Bab 5 | 90 |
| 4.6 Analisis Adaptasi Bab 6 | 97 |
| 4.7 Analisis Adaptasi Bab 7 | 105 |
| 4.8 Analisis Adaptasi Bab 8 | 111 |
| 4.9 Analisis Adaptasi Bab 9 | 117 |
| 4.10 Analisis Adaptasi Bab 10 | 123 |
| 4.11 Analisis Adaptasi Bab 11 | 128 |
| 4.12 Analisis Adaptasi Bab 12 | 135 |
| 4.13 Analisis Adaptasi Bab 13 | 141 |
| 4.14 Analisis Adaptasi Bab 14 | 148 |
| 4.15 Analisis Adaptasi Bab 15 | 150 |
| 4.16 Analisis Adaptasi Bab 16 | 160 |
| 4.17 Analisis Adaptasi Bab 17 | 166 |
| 4.18 Analisis Adaptasi Bab 18 | 172 |
| 4.19 Analisis Adaptasi Bab 19 | 178 |
| 4.20 Analisis Adaptasi Bab 20 | 184 |
| 4.21 Analisis Adaptasi Bab 21 | 190 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Kerangka Kajian | 42 |
| 3.2 | Teori Kajian: Adaptasi Novel Tamil Lockup ke Filem Visaranai | 50 |
| 3.3 | Kerangka Teori | 52 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# LAMPIRAN

A Muka hadapan Novel Lockup

B Link filem Visaaranai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Pengkaji menjalankan analisis di antara novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai*. Diikuti subtopik-subtopik seperti pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

## 1.2 Latar belakang kajian

Media dan seni telah mendominasi apabila filem menjadi tumpuan ramai pada awal tahun 1890-an. Perkembangan pesat teknologi media ini bukan sekadar hiburan sahaja malahan memperkembangkan budaya dunia, pendidikan, perhubungan antarabangsa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemikiran luas dan menjadi penyaluran seni. Perkara ini terbukti melalui kenyataan Bordwell & Thompson (2008) bahawa perfileman adalah sebahagian daripada kehidupan manusia yang sukar untuk membayangkan dunia tanpanya. Hal ini demikian kerana filem bukan hanya berperanan sebagai medium hiburan tetapi juga memainkan peranan yang penting dalam memahami emosi, minda dan bentuk kehidupan para penonton (Mahadi J Murat, 2006). Pada peringkat awal perkembangan teknologi media, novel dan filem tidak pernah dianggap mempunyai satu perkaitan. Rudolf Arnheim (1966), menjelaskan bahawa filem hanya dilihat sebagai satu medium untuk memaparkan realiti dan ianya bukan satu seni.

Kesimpulannya, novel biasanya berpusatkan alam sebagai bahan mentah cerita manakala filem pula berpusatkan persekitaran manusia untuk mengolahkan naratifnya. Walaupun novel dan filem dianggap dua platform yang berbeza pada awal sejarah perkembangannya tetapi pandangan tokoh-tokoh filem dunia mengukuhkan ada wujud persamaan antaranya.

Pengadaptasian novel ke filem bukan sesuatu yang baharu. Kaedah adaptasi kian lama digunakan dalam transformasi tulisan ke media. Amalan adaptasi novel ke filem telah berlaku di negara Barat seawal tahun 1902. Antara tahun 1935 dan 1945, sebanyak 976 filem atau 17.2 peratus filem di Hollywood diadaptasi daripada novel. Dua filem yang paling diingati sepanjang zaman dalam sejarah perfileman dunia ialah *Birth of a Nation* dan *Gone with The Wind*. Filem *Appocalypse Now* arahan Francis Ford Coppola diadaptasi daripada novel *Heart of Darkness* karya Joseph Conrad. Novel tersebut menceritakan pengalaman Conrad sendiri mengenai masalah penghambaan orang kulit hitam yang berlaku di Congo pada awal abad ke-19 (Rasdan Ahmad, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pada abad ke-21 ini, bidang perfileman telah berkembang menjadi satu bidang kajian tersendiri seperti bidang akademik yang lain (Short, 1981). Perkembangan ini telah membuka ruang terbaharu untuk menerima filem sebagai satu khazanah dalam dunia penyelidikan. Filem diterima sebagai sumber akademik yang membuatkan para sejarawan untuk menerima serta memanfaatkan filem dalam kajian dan pengajaran tentang sejarah (Rosenstone, 2007).

Jika dirujuk pada sejarah perkembangan filem, setiap negara mempunyai bentuk perkembangan unik yang dipengaruhi oleh ideologi, sosial, budaya dan ekonomi tersendiri (James Chapman, 2003). Industri perfileman di negara India juga tidak terkecuali daripada aspek ini. India adalah negara yang kedua terbesar dalam bidang penghasilan filem dunia (Shampa Banerjee & Srivastava, 2013). Filem-filem yang dihasilkan di negara India adalah popular di kebanyakan negara di benua Asia termasuklah Malaysia, Afrika, Fiji dan juga negara-negara lain di Eropah dan Amerika (Selvaraj Velayutham, 2008).

Filem pertama yang telah dihasilkan di negara India adalah berjudul *Raja Harichandra*. Filem ini adalah filem bisu. Filem ini telah dihasilkan pada tahun 1913 oleh Dadasaheb Phalke. Filem *Raja Harichandra* diadaptasi berdasarkan sebuah cerita klasik India yang berkaitan dengan seorang Raja yang bernama Harichandra yang tidak berbohong dalam kehidupannya dalam apa jua keadaan (Ashish Rajahyaksha & Cherchi Usai, 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di Malaysia pula, filem *Laila Majnun* merupakan filem Melayu pertama yang ditayangkan di Tanah Melayu pada tahun 1933. Filem ini juga ialah filem adaptasi pertama di Malaysia. Cerita Sanskrit mengenai kisah percintaan Laila dan Majnun yang tidak direstui oleh keluarga mereka. Filem ini telah diarahkan oleh pengarah warga India B.S. Rajhans (Jamil Sulung, 2008).

Menurut pendapat di atas, maka terbukti bahawa filem adaptasi adalah satu titik permulaan untuk perkembangan pemikiran kreativiti di negara India dan Malaysia. Sekiranya fenomena adaptasi ini berterusan, ia akan melahirkan ramai penulis novel dan pembikin filem di Malaysia. Kajian-kajian mengenai unsur-unsur adaptasi akan membantu penulis dan pembikin filem mendapat idea serta isu-isu semasa di Malaysia sentiasa dititikberatkan. Maka, kajian ini adalah berasaskan penyelidikan terhadap adaptasi novel Tamil *Lockup* yang ditulis oleh M. Chandrakumar ke filem Tamil *Visaranai* yang diarahkan oleh Vetrimaaran.

Peredaran dan keperluan semasa merapatkan jurang perbezaan antara novel dan filem. Penulis novel Joseph Conrad dalam prakata novelnya, *The Nigger of the Narcissus* (1897) menceritakan bahawa,

> "*My task which I am trying to achieve is, by the power of the written word, to make you hear, to make you feel – it is before all, to make you see*." (Joseph Conrad, 1989)

Pandangan Joseph Conrad mempunyai persamaan dengan pengarah filem, D.W. Griffith yang menghasilkan filem-filem adaptasi novel seperti *Just Meat* (karya Jack

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


London), *Resurrection* (karya Leo Tolstoy) dan *The Cloister and The Hearth* (karya Charles Reade), menyatakan

> "*The task I'm trying to achieve above all is to make you see*."
>
> (James Chandler, 2013)

Francois Truffaut, pengarah, penulis lakon layar dan pengkritik filem negara Perancis menegaskan,

> "*I don't want to make film for the people who don't read*".

Manakala, Alexander Astruc merupakan seorang lagi pengarah dan pengkritik filem negara Perancis juga memberi pandangan bahawa,

> "*The filemmaker/author writes with his camera as a writer writes with his pen*." (Annette Insdorf, 1997)

Seterusnya novel *Sense and Sensibility* pula diadaptasi sebagai siri televisyen pada 1971 arahan Rodney Bennet. Pada tahun 1995 pengarah filem Ang Lee beranggapan sesebuah karya adaptasi sastera pasti akan berjaya selepas mengadaptasikan filem *Sense and Sensibility*. *Sense and Sensibility* juga turut diadaptasi dalam versi Tamil yang diberi judul, *Kandukondain Kandukondain* yang diterbitkan pada tahun 2000.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Francesco Casetti (2008), dalam penulisannya yang bertajuk *Adaptation and Misadaptations: Film, Literature and Social Discourses*, menyatakan bahawa adaptasi ialah satu penonjolan semula.

Filem-filem adaptasi terpaksa mengambil risiko antara dua fenomena berjaya atau gagal. Keadaan ini lebih parah berbanding dengan filem lakon layar bukan adaptasi. Pendapat Mary C. Johnson (1993) menyokong spekulasi sekiranya novel diadaptasi keputusannya gagal dan senario adaptasi ini tidak akan sehebat novel.

Pada masa yang sama terdapat banyak filem adaptasi yang berjaya. *Birth Of A Nation* (1915) arahan Griffith yang diadaptasi daripada novel *The Clansman* oleh Thomas Dixon dianggap filem bisu terbaik di dunia sehingga kini. Filem *Gone With The Wind* (1939) arahan Victor Fleming yang diadaptasi daripada novel Margaret Mitchell pula masih dianggap filem bunyi terbaik. Novel ini pernah meraih Anugerah Pulitzer dalam kategori kesusasteraan dan gubahan muzik di Amerika Syarikat oleh Universiti Colombia pada tahun 1937.

Sementara itu, Roman Polanski pula mengekalkan imaginasi Thomas Hardy apabila mengadaptasikan novel *Tess* (1980) serta dapat menyampaikan perasaan yang sama ditunjukkan dalam novel tersebut. Novel *Avery Corman* juga diadaptasi oleh pengarah filem Robert Benton dengan naratif yang sama dengan novelis dalam filem berjudul *Kramer vs Kramer* (1979). Pengarah, pelakon utama dan penulis lakon layar filem ini telah meraih Anugerah Oscar untuk filem ini. Malahan novel yang dianggap tidak selesai ditulis oleh John Fowles juga diadaptasi dengan tajuk *The French*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Lieutenant's Woman* (1981) yang diarahkan oleh Karel Reisz dianggap sebagai salah sebuah filem yang matang.

Mengikut buku Coppola adaptasi ini juga menaikkan imej novel-novel yang sebelumnya dianggap kurang popular. Filem *The Godfather* (1972) arahan Francis Ford Coppola diadaptasi dengan imaginasi pengarah yang cukup matang telah menaikkan imej novalisnya Mario Puzo. Kejayaan itu menghasilkan Francis Ford Coppola mengarahkan *The Godfather 2* (1974) dan *The Godfather 3* (1990).

Pada masa yang sama, filem Melayu yang diadaptasikan daripada novel tempatan sering mendapat kritikan negatif. Contohnya novel Langit Petang (1982) arahan Shahrom Mohd. Dom mendapat kritikan daripada penulis novelnya A. Samad Said bahawa pengarah hanya meminjam judul novelnya untuk filem tersebut. Plot cerita yang telah diubah oleh pengarah membuatkan aliran cerita novel dengan filem tidak sama. Begitu juga dengan Khadijah Hashim mendakwa novelnya Mira Edora (1988) lebih menarik daripada adaptasinya oleh Zulkifle M. Osman. Malah filem Hollywood yang diadaptasi daripada novel pula mendapat sambutan yang baik di negara kita. Contohnya, filem seperti *Lord of the Ring*, *Jurassic World*, *Cinderella*, dan *Star Wars* dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, menurut Wan Mohd Muzri Ramli, trend adaptasi membuahkan perkembangan sihat dan positif sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian, beliau berpendapat adaptasi ialah promosi percuma kerana membantu dalam menyebarkan novel dengan lebih luas. Senario ini boleh menarik minat pembaca baharu kerana ramai penonton yang sebelumnya tidak membaca novel tersebut akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membacanya. Hal ini membantu industri buku untuk terus berkembang maju. Tambahan pula, persaingan novel untuk diadaptasi kian sengit dan mendorong penulis melahirkan novel terbaik mengikut cita rasa pembaca dan penonton. Justifikasinya, dalam Anugerah Pilihan Pembaca POPULAR-BH 2016 enam novel dari Karya seni dan Penulis dicalonkan berdasarkan pasaran jualan tertinggi di POPULAR. Daripada enam novel tersebut, empatnya ialah novel yang diadaptasi ke filem (Berita Harian, 2016).

Namun, tidak ada satu titik permulaan untuk perkembangan fenomena adaptasi novel Tamil tempatan dalam filem Tamil Malaysia. Sejarah perfileman Tamil di Malaysia bermula pada tahun 1968. Filem pendek yang berjudul *Ratta Pei* telah diterbitkan oleh Mu. Bahruthin (Makkal Osai, 2009). Filem berjudul *Naan Oru Malaysian* ialah filem yang pertama diarahkan oleh pengarah dan pelakon terkemuka tempatan Suhan Panjatcharam pada tahun 1991. Namun tiada sebarang filem Tamil yang diadaptasi daripada novel yang dihasilkan di Malaysia sehingga kini.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Pada awalnya bidang perfileman tidak diterima sebagai bahan akademik ataupun bidang kajian, malah hanya dilihat sebagai industri hiburan sahaja (Richard & Robert, 2009). Penerbitan beberapa buku bersifat akademik seperti *A Million and One Night* (1926), *The Filem till Now* (1930*), History of The American Film Industry* (1931) dan *The Rise of American Film* (1939) telah membuka ruang untuk memberi keyakinan kepada para sejarawan dan ahli akademik menerima filem sebagai bahan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


akademik (Marantz Cohen, 2001). Keyakinan ini telah dijelaskan dalam satu persidangan yang dianjurkan oleh Kolej Universiti London bertajuk Persidangan Filem dan Sejarawan (James Chapman, 2013). Sebuah jawatankuasa University Historians Film Committee juga telah lama ditubuhkan di Kolej Universiti London untuk mempromosikan bahan-bahan filem sebagai sumber kajian-kajian akademik, khususnya dalam bidang sejarah (Paul Smith, 1976).

Perkembangan globalisasi teknologi media seperti radio, televisyen dan filem memainkan peranan sebagai agen perubahan dan pembentuk pendapat umum yang berkaitan sastera politik, sosial dan budaya. Globalisasi ini telah mengubah persepsi masyarakat dari aspek budaya, sejarah dan politik serta aliran maklumat yang dapat diperoleh secara bebas tanpa sebarang kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

U-Wei Saari (2017) menyatakan bahawa masyarakat sebenarnya tidak menyedari terdapat banyak novel yang baik. Beliau berpendapat sedemikian kerana kekurangan amalan membaca menyebabkan berlakunya kekurangan adaptasi novel ke filem. Sementara itu, pengkritik filem, A Wahab Hamzah juga senada dengan U-Wei. Beliau menegaskan, pengadaptasi mesti menjadi pembaca yang tekun terlebih dahulu sebelum mengadaptasi novel ke filem (Berita Harian, 2017).

Menteri Pendidikan Malaysia YB Mazlee Malik juga menyatakan bahawa generasi muda di Malaysia tidak gemar membaca dan amalan tersebut memerlukan satu pendekatan baharu (Berita Harian, 2018). Maka besarlah harapan masyarakat bahawa ada pelbagai rancangan yang tertentu untuk memupuk amalan membaca kepada semua golongan masyarakat. Ramai pemuda yang mengarah filem tempatan juga boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendapatkan pemikiran yang luas sekiranya mengamalkan sikap membaca novel-novel atau bahan bacaan yang relevan. Dalam pada itu, pernyataan Menteri Pendidikan telah membuka ruang untuk perkembangan dunia penulisan dengan adanya filem-filem adaptasi. Tontonan filem-filem yang diadaptasi akan mencungkil minat masyarakat untuk memupuk amalan membaca.

Kini, kriteria-kriteria yang menentukan konsep yang betul dan sesuai untuk fenomena adaptasi adalah satu permasalahan yang perlukan penyelesaian. Penulisan bukan sahaja aktiviti mencatat, menulis, melapor, merakam atau mentafsir. Penulisan merangkumi keupayaan berimaginasi, berfikiran waras, berhujah, mengukir fakta, dan membentuk perspektif (Morris Beja, 1979).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji berhasrat untuk mengkaji Adaptasi Novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai*. Objektif kajian ini telah digubal berdasarkan pernyataan masalah kajian. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

i. Mengenal pasti peringkat-peringkat adaptasi novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai*.
ii. Menganalisis empat peringkat perkembangan konsep adaptasi berdasarkan novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai*.
iii. Menghuraikan kepentingan adaptasi novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.5 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memberi jawapan untuk beberapa soalan penyelidikan seperti berikut:

i. Apakah perinkat-peringkat adaptasi novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai*?

ii. Bagaimanakah empat peringkat adaptasi novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai* dianalisis?

iii. Apakah kepentingan adaptasi novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan filem sebagai dokumentasi kepada sejarah dan peradaban manusia dapat dilihat dengan wujudnya kesepaduan antara pelbagai disiplin ilmu. Peranan sasterawan, sejarawan, seniman, ahli sosiologi, ahli politik dan sebagainya jelas dilihat apabila persoalan tentang manusia digabung dan digarap menerusi paparan filem. Misalnya, visualisasi dalam filem *Titanic* (1998) berjaya memaparkan persoalan sejarah dengan menggunakan kisah percintaan sebagai pemangkin kepada sejarah tenggelamnya kapal mewah Titanic. Begitu juga dengan filem *Pearl Harbour* (2001) dihasilkan oleh Micheal Bay yang turut menggunakan pendekatan yang sama, iaitu memaparkan kisah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


percintaan untuk mendepani latar sejarah tatkala serangan Jepun dilancarkan ke atas Pelabuhan Pearl, Hawaii, Amerika Syarikat.

Di sebalik persembahannya sebagai suatu bentuk visual, filem berjaya secara tidak langsung menyingkap semula sesuatu peristiwa untuk dipaparkan kepada penonton hari ini. Tindakan ini merupakan satu aliran dalam budaya popular dan penerbitan filem mengetengahkan fiksyen sebagai pemangkin bagi menarik perhatian penonton. Hal ini mampu memberi imbangan kepada penonton dalam aspek lain yang dipersembahkan seperti budaya, bahasa, kemasyarakatan, dan isu-isu semasa.

Pada dasarnya filem ialah cabang seni yang perlu diberi perhatian. Walaupun usaha pengembangan industri filem Tamil di Malaysia masih tidak nampak kemajuannya seperti negara barat, India dan Melayu Malaysia, namun kemunculan beberapa pengarah muda membuka ruang ke arah pemantapan industri ini. Filem Tamil di Malaysia belum mempunyai filem adaptasi untuk dijadikan sumber sastera. Manakala negara-negara barat serta perindustrian filem Melayu Malaysia telah memiliki sumber sastera berupa adaptasi novel ke filem.

Sejak dahulu lagi di Amerika Syarikat, konsep adaptasi novel ke filem memang popular dan maju dari segi nilai komersial, mahupun estetika. Novelis Tamil dan penerbit filem Tamil tempatan harus melihat amalan ini secara lebih mendalam dengan penuh komitmen. Hal ini akan membantu kedua-dua cabang seni dari segi kemajuan komersial. Justeru, ia dapat menyumbang dari segi ekonomi negara dan perkembangan sastera sejajar dengan negara-negara barat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Konklusinya, masyarakat Tamil Malaysia sebenarnya tidak menyedari bahawa, mereka memiliki satu keistimewaan yang bernilai, iaitu sastera Tamil yang mempunyai sumber pemikiran dan kehidupan yang kaya dengan pelbagai personaliti dan identiti kaum Tamil. Sastera Tamil seperti novel sememangnya membawa manfaat kepada kaum Tamil sekiranya diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat. Banyak novel Tamil ditulis oleh penulis tempatan Malaysia tetapi tidak ada sebarang usaha untuk dijadikan adaptasi. Adaptasi novel ke filem dipercayai akan membawa manfaat kepada golongan masyarakat yang kurang berpendidikan. Tulisan yang diadaptasi ke visual dipercayai membantu penonton memahami situasi yang ditulis oleh novelis dengan jelas dan mudah. Justeru, pengkaji berharap agar adaptasi novel ini boleh dijadikan satu medium perhubungan di antara penulis, pembaca, pengarah filem dan penonton. Hal yang sedemikian boleh menyemai semangat untuk menceburi kerjaya dunia penulisan dan perfileman untuk generasi muda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini merupakan satu usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Tamil yang beranggapan bahawa sastera Tamil tidak penting dan tidak boleh dikomersialkan. Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini diharap menjadi suatu input yang boleh berkongsi bersama serta menjadi perintis kepada para pengkaji lain yang ingin melakukan kajian terhadap unsur adaptasi. Justeru, dua bidang yang berbeza dapat memupuk amalan penulisan dan menggalakkan generasi muda menceburi diri dalam industri perfileman tanah air. Senario adaptasi adalah satu bidang yang kurang mendapat perhatian dan sambutan daripada masyarakat Tamil Malaysia. Pengkaji berharap kajian ini dapat menyumbangkan lagi bahan dokumentasi ilmu terhadap konsep adaptasi novel Tamil Malaysia dalam industri filem Tamil Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di Malaysia, kajian dan bahan rujukan dalam bidang kesusasteraan Tamil dan industri perfileman Tamil yang memperkatakan adaptasi masih dianggap sebagai satu bidang yang baharu. Bagi masyarakat Tamil Malaysia, kesusasteraan lebih berfokus kepada empat genre utama iaitu novel, cerpen, puisi, dan drama.

Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai rujukan para siswazah dan bakal pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan dalam bahasa-bahasa lain. Kajian ini juga diharapkan memberi kesedaran dan mendorong para peminat kesusasteraan untuk mengenali konsep adaptasi novel dalam filem Tamil dengan lebih dekat lagi.

Secara keseluruhannya, dalam kajian ini pengkaji telah menekankan ciri-ciri adaptasi novel Tamil ke filem Tamil akan membawa satu transformasi dalam bidang sastera Tamil berbentuk visual untuk rujukan masa depan masyarakat Tamil.

## 1.7 Batasan Kajian

Pengkaji telah membataskan kajian ini terhadap sebuah novel Tamil *Lockup* hasil M. Chandrakumar yang diadaptasi ke filem Tamil *Visaranai* pada tahun 2016 oleh pengarah popular Tamil Vetrimaran. Pengkaji menjalankan kajian terperinci tentang kepentingan adaptasi antara novel dan filem. Kajian ini hanya menumpukan sebuah novel Tamil yang diadaptasikan ke filem Tamil dalam tempoh terkini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini mengkaji dan meneliti hasil dan kepentingan adaptasi bahan sastera ke bahan media. Selain itu, teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori adaptasi Mc Farlane. Empat konsep adaptasi, dikaji dianalisis maknanya berdasarkan teori ini.

Kaedah analisis dilakukan melalui empat peringkat adaptasi dengan memfokuskan setiap bab yang terkandung dalam novel. Sebanyak dua puluh satu bab novel dikaji dengan keseluruhan filem. Antara peringkat-peringkat yang dikaji adalah naratif, verbal ke visual, enunsiasi dan keseluruhan.

## 1.8 Sumber Kajian

Kajian ini menggunakan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini adalah novel dan filem. Manakala penggunaan sumber sekunder ialah bahan-bahan cetak seperti tesis, journal, buku, bahan ilmiah berkaitan dengan adaptasi.

## 1.9 Definisi Operasional

Bagi memahami dan menghayati kajian ini, pengkaji akan menerangkan definisi bagi perkataan dan rangkai kata penting yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji akan menekankan definisi bagi setiap unsur yang digunakan dalam kajian ini. Misalnya pengkaji akan memberikan definisi bagi adaptasi, novel, filem dan teori adaptasi Mc Farlane berdasarkan model Engelstad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.1 Adaptasi

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi keempat 2015) adaptasi adalah didefinisikan sebagai penyesuaian dengan keadaan yang baharu atau berbeza. Penyesuaian melibatkan penyusunan semula keseluruhan atau sebahagian karya daripada suatu bahasa, budaya, medium, atau genre yang lain. Adaptasi yang melibatkan bahasa dan budaya ialah karya terjemahan dan saduran. Adaptasi yang melibatkan medium dan genre ialah novel atau cerpen kepada filem atau televisyen, atau daripada novel ke drama.

### 1.9.2 Novel

Novel ialah cereka yang berpatutan panjangnya, dengan menonjolkan watak-watak dengan aksi masing-masing sebagai cerminan kepada kehidupan di dunia nyata (Shorter Oxford English Dictionary, 2018). Novel ialah fiksyen yang diolah secara realistik sehingga pembaca benar-benar merasai peristiwa yang dipaparkan menerusi aksi tokoh-tokoh yang bergerak menerusi hukum sebab dan akibat merupakan manifestasi kepada kehidupan harian manusia. Mengikut kamus *Kriyavin Tarkalat Tamil Akarati* (2011) novel bermaksud sumber sastera yang cerita berdialog panjang. Perkataan novel ialah istilah bahasa Inggeris yang digunakan mengikut sebutan baharu Tamil. Perkataan novel yang disebut dalam bahasa Inggeris boleh juga diterjemahkan dengan tepatnya dalam bahasa Tamil sebagai *puthinam*. Lexican Tamil menerangkan istilah *puthinam* sebagai pembaharuan dan dalam bahasa Inggeris pula sebagai novelty (Tamil Lexicon, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, Hashim Awang (1998) menyatakan bahawa novel merupakan prosa cereka yang panjang. Novel menceritakan kisah hidup manusia suatu ruang dan masa tertentu untuk memaparkan persoalan hidup yang menarik berdasarkan genre sastera yang diminati, novel mempunyai kedudukan yang istimewa. Lazimnya, novel didefinisikan sebagai wacana yang mengandungi pengintegrasian elemen-elemen intrinsik seperti plot, tema, latar, gaya dan elemen-elemen lain yang sekali gus membezakan daripada karya yang lain.

### 1.9.3 Filem

Filem atau wayang gambar merujuk kepada dokumentasi filem yang memaparkan kisah sebenar tentang sesuatu perkara atau peristiwa. Sejarah perkembangan industri perfileman didapati lahir apabila terciptanya teknik fotografi dan projektor oleh adik-beradik Lumiere, Louis dan Auguste. Mereka telah berjaya menayangkan filem pertama pada 28hb Disember 1895, di Grand Cafe, Paris (Bordwell & Thompson 2008). Kemudiannya industri ini berkembang ke benua-benua lain termasuk ke benua Asia. Di Asia, tiga buah industri perfileman iaitu di India, Jepun dan China adalah penting (Geoffrey Nowell-Smith, 1996). Industri perfileman India menduduki tahap tertinggi di benua Asia dan tempat kedua di arena antarabangsa. Dalam pada itu, industri perfileman Hindi serta Tamil yang menghasilkan filem-filem Hindi dan Tamil adalah amat popular (Aishah Raja Dhayaksha & Cherchi Usia, 1997). Maka, industri perfileman Tamil menjadi inspirasi dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia untuk menerbitkan filem di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.4 Unsur-unsur Adaptasi Novel ke Filem

Salah satu hubungan istimewa yang menghubungkan karya sastera novel ke filem ialah proses adaptasi. Menurut Desmond (2006), definisi adaptasi adalah mengambil sumber daripada karya asal dan mengubahsuai mengikut kesesuaian. Adaptasi juga menurutnya adalah sebuah proses menginterpretasi dan mencipta semula untuk disesuaikan dalam bentuk visual. Sememangnya adaptasi adalah sebuah proses yang sangat kompleks tetapi ianya merupakan perkara yang mencabar pengarah dalam menjayakan pembikinan filem adaptasi. Proses yang kompleks ini boleh dilihat dan difahami melalui empat peringkat dalam mengadaptasi sesebuah cerita novel ke filem. Empat peringkat itu termasuklah peringkat naratif, peringkat verbal ke visual, peringkat enunsiasi dan peringkat keseluruhan (Engelston, 2005). Berdasarkan kesemua peringkat ini, dapatlah dilihat perhubungan antara novel Tamil *Lockup* dengan filem Tamil *Visaranai*.

#### 1.9.4.1 Peringkat Naratif

Peringkat ini meneliti aspek cerita untuk melihat soal kesetiaan cerita yang telah dialihkan kepada bentuk skrip filem. Dalam konteks ini, penelitian dilakukan untuk menentukan sama ada filem *Visaranai* ini setia dengan karya asal yang dihasilkan oleh M. Chandrakumar.

#### 1.9.4.2 Peringkat Verbal ke Visual

Analisis pada peringkat ini, tertumpu kepada kesan yang diperoleh daripada tranformasi verbal ke visual. Dalam bahagian ini, penelitian akan membicarakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


beberapa kesan daripada gambaran dalam filem yang meliputi watak dan perwatakkan serta tempat atau suasana realiti.

### 1.9.4.3 Peringkat Enunsiasi.

Pada peringkat enunsiasi bermaksud perbincamgan dan penelitian terhadap sesebuah karya adaptasi mengambil maklum bahawa sesuatu yang terdapat dalam novel tidak dapat dipindahkan secara langsung ke dalam filem, sebaliknya boleh menggunakan medium atau unsur lain seperti suara latar, mimik muka, teknik '*close-up*', muzik, cahaya, warna, pergerakkan kamera dan penyuntingan.

### 1.9.4.4 Peringkat Keseluruhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat ini meneliti tema karya sastera dan media dalam sudut pengajaran dan pesanan yang berlainan. Maka pemikiran yang berbeza boleh dikesan menerusi karya masing-masing. Secara keseluruhannya, kesemua peringkat ini dibincangkan sama ada ceritanya dikekalkan, dikeluarkan atau digugurkan, dan ditambahkan atau diubahsuaikan dengan alasan yang releven.

## 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, liputan kajian yang diketengahkan adalah tentang amalan adaptasi daripada novel ke filem untuk menjadi panduan kepada pembikin filem Tamil tempatan. Kajian ini membantu mengkaji penglibatan golongan novelis Tamil dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dunia adaptasi filem Tamil. Hal ini juga membantu meneliti dan menilai isu perkembangan konsep adaptasi novel ke filem Tamil dan membezakan senario, masalah dan kerja adapatasi. Melalui pelaksanaan objektif-objektif tersebut pengkaji mendapati kajian ini penting kerana memberi gambaran yang jelas mengenai adaptasi novel Tamil di Malaysia dan akan memberikan kesedaran kepada pembikin filem Tamil untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap pengekalan sastera novel kepada generasi muda pada masa akan datang lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan meneliti dan mengemukakan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah merujuk kepada beberapa kajian lepas dari dalam dan luar negara yang boleh membantu meneruskan kajian ini. Walau bagaimanapun kebanyakannya terdiri daripada kajian-kajian luar negara. Pengkaji dapati kajian-kajian mengenai adaptasi sastera ke media di Malaysia hanya berbahasa Melayu dan bilangannya terhad sahaja. Dalam hal ini, pengkaji perlu melihat kepada dua aspek utama sastera dan media bagi penyelidikan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.2 Perkembangan Adaptasi

Sebelum sesuatu kajian dimulakan ulasan kesusasteraan yang bermaksud kajian lepas perlu dilakukan terlebih dahulu (Lawrance Neuman, 2003). Ulasan tentang kajian lepas akan memberikan suatu panduan tentang sesebuah kajian untuk mengenali dan mengukuhkan perkara yang dicadangkan dengan kajian sebelum dan kajian semasa (Ranjit Kumar, 2011). Ulasan kesusasteraan juga berfungsi menghubungkan kajian semasa dengan ilmu relevan yang terbentuk pada sezaman (Norman Blaikie, 2010). Justeru itu, ulasan kajian lepas ini akan menentukan sama ada kajiannya dapat diteruskan atau ditukar kerana banyak penemuan beliau sudah ada dalam bidang tersebut (Corrine Glesne, 2011).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Keprihatinan terhadap isu ini telah ditekankan menerusi bentuk tulisan seperti jurnal di dalam dan luar negara. Bahan-bahan kajian yang dikumpul telah dinilai untuk mendapat satu penemuan umum terhadap konsep adaptasi. Ulasan kajian-kajian ini dibincangkan untuk membantu pengkaji mendapat hasil melalui penemuan. Ulasan kesusasteraan ini telah dilakukan dalam dua aspek yang berlainan. Aspek pertama ialah bahan sastera seperti novel dan aspek keduanya pula melibatkan media.

## 2.3 Karya Novel M. Chandrakumar

Chandran, yang nama penuhnya M. Chandrakumar, ialah pemandu kereta auto berusia lima puluh tujuh tahun dari Coimbatore Tamil Naadu. M. Chandrakumar dilahirkan pada 30 Jun 1962. M. Chandrakumar terdesak berhenti sekolah atas kemiskinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keluarganya. M. Chadrakumar ialah pengarang novel Tamil *Lockup*, yang mana novel ini telah diadaptasikan ke filem Tamil *Visaranai*. Filem ini ialah, sebuah filem dokudrama yang diarahkan oleh Vetrimaaran dan dilakonkan oleh Thinesh sebagai watak utama. Filem ini ialah, filem Tamil pertama yang telah bertanding dalam Festival Filem Antarabangsa Venice.

Jalan cerita ini yang ditulis pada tahun 2006, merupakan pengalaman sebenar M. Chandrakumar semasa berusia dua puluhan dan bekerja di sebuah hotel berhampiran kampung di Guntur, Andhra Pradesh. M. Chandrakumar dan tiga orang kawannya diberkas oleh polis dan ditahan dalam lokap selama 13 hari atas kes sangsi. Setiap peristiwa yang berlaku di situ telah memberi satu pengalaman yang perit kepada penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas dibebaskan, M. Chandrakumar kembali ke kampung halamannya, Coimbatore dan memutuskan untuk memandu kereta auto untuk memenuhi keperluan hidupnya. Akan tetapi, M. Chandrakumar tidak dapat melupakan pengalaman traumatik yang berlaku selama dua minggu di lokap. Setelah beberapa tahun kemudian, M. Chandrakumar menceritakan peristiwa itu kepada rakannya Nyani. Nyani pula tertarik akan hal ini dan meminta M. Chandrakumar untuk menulis peristiwa itu sebagai sebuah novel. Hasilnya pengalaman beliau berjaya dijadikan sebuah novel yang diberi judul *Lockup*. Novel seratus empat puluh empat muka surat tersebut diterbitkan pada tahun 2006, menggambarkan kekejaman pihak polis terhadap pihak bawahan dan menindas tanpa belas kasian. Novel ini menerima anugerah 'Dokumentari Terbaik Hak Asasi Manusia' pada bulan Jun 2006 oleh Badan Hak Asasi Manusia India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Novel Tamil *Lockup* ini telah diberikan kepada pengarah filem Vetrimaaran oleh salah seorang kawan M. Chandrakumar yang bekerja bersamanya di unit perfileman. Pengarah kemudian menghubungi M. Chandrakumar untuk mendapatkan kebenaran mengadaptasi novel ini ke filem Tamil. Justeru, M. Chandrakumar yang lebih dikenali sebagai *Lockup* Chandran di kalangan pemandu auto Coimbatore mendapat penghormatan dan kredit dalam filem ini.

Sebagai ahli kesatuan pekerja, M. Chandrakumar mempunyai pandangan yang serius mengenai pelbagai isu, terutamanya yang berkaitan dengan golongan tertindas dan kelas pekerja. Setiap insiden yang dilihat oleh M. Chandrakumar. dijadikan catatan hariannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.4 Pengarah Filem Vetrimaaran

Ayah Vetrimaaran V. Chitravel ialah seorang saintis veterinar dan ibunya Megala Chitravel ialah seorang novelis yang terkenal. Vetrimaaran dilahirkan di Cuddalore dan berpindah ke Ranipet, pinggir bandar Vellore. Beliau belajar sehingga ke gred sepuluhnya di Ranipet. Kemudian, beliau menyertai Kolej Loyola, Chennai pada tahun 1994, dalam jurusan Kesusasteraan Inggeris. Beliau melanjutkan pengajiannya sehingga tahun 1999 lalu melanjutkan kerjaya dalam industri perfileman.

Pada tahun 1999, Vetrimaaran bertugas sebagai penolong pengarah kepada pengarah popular Balu Mahendra dalam rancangan *Kadhai Neram* di saluran *Sun TV*. Rancangan *Kadhai Neram* yang menampilkan lima puluh dua episode drama yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diadaptasi daripada cerpen. Vetrimaaran membaca kira-kira lima puluh hingga enam puluh cerpen dalam seminggu dan membentangkan sinopsis kepada Balu Mahendra, supaya membuat pilihan cerpen yang terbaik untuk diadaptasi ke drama.

Pada Disember 2018, Vetrimaaran telah mengarahkan filem adaptasi terbaharu *Asuran*. Filem ini diadaptasi berdasarkan novel Tamil bertajuk *Vetkai* yang ditulis oleh penulis popular Poomani. Pada tahun 2020, Vetrimaaran memulakan kerja-kerja persediaan filem adaptasi terbaharu berdasarkan sebuah novel terbaharu. Hal yang demikian membuktikan bahawa Vetrimaaran merupakan seorang pengarah yang berdedikasi menerbitkan filem adaptasi novel seperti gurunya Balu Mahendra.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.5 Teori Adaptasi

George Bluestone memperkenalkan teori asas adaptasi novel ke filem pada tahun 1957. Linda Hutcheon (2006) mengembangkan teori adaptasi melalui pelbagai media, seperti dari filem dan opera, ke permainan video, muzik dan sebagainya. Pandangan Siobhan O'Flynn (2006), juga menyokong hal ini dengan memberi tumpuan kepada adaptasi teks dalam konteks media digital. Siobhan O'Flynn menganggap kesan praktik dan sifat transmedia dalam bentuk dan amalan adaptasi, serta mengkaji lanjutan naratif perkembangan cerita di seluruh platform media, termasuk adaptasi tulisan ke format digital.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Adaptasi filem adalah hasil daripada sumber sastera seperti novel, cerpen, dan puisi dan sebagainya ke genre atau medium lain seperti filem, panggung atau permainan video. Hal ini juga boleh melibatkan penyesuaian karya sastera yang sama dalam genre atau sederhana bagi tujuan yang berbeza. Adaptasi filem adalah satu pemindahan karya secara keseluruhan atau sebahagian kepada filem. Perkembangan akademik baru-baru ini oleh para sarjana seperti Robert Stam (2014) berkonsepkan adaptasi filem sebagai proses dialog. Tambahan lagi, dialog menarik kerana jelas berfungsi sebagai kisah dan mempunyai watak menarik yang melakukan perkara-perkara menarik. Ini amat penting apabila menyesuaikan diri dengan kerja dramatik, filem, permainan panggung, dan teleplay.

Adaptasi kerja sastera ke filem adalah satu usaha kreatif yang tidak diragukan, tetapi tugas tersebut memerlukan bentuk pentafsiran yang selektif. Ia harus serentak dengan keupayaan untuk mencipta semula serta mengekalkan mood yang telah terbentuk tetapi juga usaha mencipta semula kerja seni yang baharu di samping memastikan suasana moodnya berada dalam keadaan asal (Mc Farlane,1996).

Kesimpulannya, teori adaptasi menerokai perkembangan berterusan dengan penyesuaian kreatif, dan berpendapat bahawa amalan menyesuaikan diri adalah imaginasi cerita. Teori adaptasi ialah panduan yang ideal untuk bidang pengajian yang sentiasa berubah dan merupakan ilmu penting bagi sesiapa yang berminat unsur adaptasi dalam konteks kajian sastera dan media. Bentuk umum penyesuaian filem adalah penggunaan novel sebagai dasar dari sesebuah filem. Sumber-sumber lain yang diadaptasikan dengan filem termasuk seperti bukan fiksyen, autobiografi, buku-buku komik, kitab suci, drama, dan sumber sejarah. Dari zaman awal pawagam, di Eropah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


abad kesembilan belas, adaptasi dari sumber-sumber yang pelbagai ini telah menjadi amalan mana-mana pembikinan filem.

## 2.6 Tinjauan Kajian Terdahulu

Kajian tesis Falsafah Kedoktoran yang telah dilakukan oleh Sillalee S. Kandasamy pada tahun 2015 berjudul Filem-Filem Tamil di Malaysia: Suatu Pemerhatian Terhadap Ketaksamaan Sosial. Kajian ini menumpukan perhatian kepada filem-filem Tamil di Malaysia yang menggambarkan masalah sosial di kalangan penduduk India di Malaysia. Kajian-kajian filem Tamil Malaysia yang dikaji memfokuskan isu-isu seperti masalah sosial dan keruntuhan moral dalam kalangan orang India, pembentukan institusi keluarga, kehidupan orang India di ladang, penindasan terhadap wanita dan penderitaan yang disebabkan kemiskinan serta kepentingan pendidikan, masalah-masalah lain seperti sistem kasta, minuman keras, gangguan seksual dan sebagainya merupakan topik-topik perbincangan dalam kajian ini. Oleh sebab itu, kajian ini juga dapat membincangkan isu-isu sosial masyarakat India di Malaysia dari segi sudut masalah sosial dan juga dalam kehidupan sosial mereka melalui adaptasi kehidupan masyarakat Tamil dalam filem Tamil.

Kajian tesis Falsafah Kedoktoran berjudul Pembangunan Modal Insan dan Motivasi Kerja dalam Industri Perfileman di Malaysia: Satu Kajian ke Atas Industri Filem Cereka oleh Abdul Razak Mohaideen pada tahun 2016 merupakan satu lagi kajian yang menganalisis tentang industri perfileman di Malaysia. Kajian ini juga telah menganalisis tentang perkembangan modal insan dari segi aspek kreativiti, aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


minat, aspek kecekapan kerja, aspek motivasi diri dan aspek halangan. Kesemua aspek tersebut telah diteliti berdasarkan faktor modal insan dalam kriteria penglibatan dalam dunia perfileman Malaysia. Hasil dapatan kajian ini memberi satu penemuan bahawa filem cereka di Malaysia belum lagi dianggap sebagai sebuah kerjaya yang berjaya.

Seterusnya, adalah kajian tesis Falsafah Kedoktoran oleh Rosmawati Binti Mohamad Rasit yang bertajuk Hubungan Penontonan Filem Da'wah dengan Pembentukan Personaliti Pro-sosial Remaja pada tahun 2013. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji hubungan filem yang berunsur dakwah dalam membentuk personaliti pro-sosial di kalangan remaja Muslim Malaysia. Ini lebih berunsurkan hubungan di antara pendedahan filem dengan personaliti pro-sosial dan faktor-faktor peramal daripada faktor media filem. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara pendedahan filem, mesej dakwah dalam filem dan penontonan filem berunsur dakwah dengan personaliti pro-sosial. Kajian ini menunjukkan personaliti pro-sosial menerima kesan secara langsung dari filem berunsur dakwah. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan wujud masa depan yang cerah melalui filem berunsur dakwah kepada para remaja.

Ketiga-tiga kajian tesis Falsafah Kedoktoran di atas adalah berkaitan dengan bidang perfileman. Kajian Sillalee S. Kandasamy melihat filem sebagai bahan yang mengukur masalah sosial di kalangan masyarakat India di Malaysia manakala Rosmawati Binti Mohamad Rasit melihat filem sebagai bahan didikan agama. Walau bagaimanapun kajian Abdul Razak Mohaideen pula berkaitan dengan Pembangunan Modal Insan dan Motivasi Kerja dalam Industri Perfileman di Malaysia. Ketiga-ketiga kajian tesis ini tidak menyentuh adaptasi secara langsung tetapi dapat memberikan satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


gambaran kepada kajian semasa dalam usaha menganalisis adaptasi novel dalam filem sebagai bahan kajian akademik. Ketiga-tiga kajian ini juga memberikan satu panduan kepada pengkaji dalam usaha mengkaji filem dan memberikan pemahaman secara terperinci terhadap teknik menganalisis filem sebagai kesan adaptasi novel ke filem sebagai media pendidikan.

Mengikut kajian Sarjana Rajamorgan Veerappan berjudul, *Kalidasa's Shakuntala and The Malay Classic Movie Dewi Murni: A Comparative Study* (2007) merupakan sebuah kajian kesenian dari Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya. Kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti sama ada plot cerita filem Dewi Murni diadaptasikan daripada karya *Shakuntala* yang telah dihasilkan oleh Kalidasa atau sebaliknya. Penemuannya menunjukkan bahawa terdapat banyak persamaan antara filem Dewi Murni dan karya Shakuntala. Walau bagaimanapun filem ini telah direka berdasarkan sosiobudaya, pemikiran dan tradisi kehidupan tempatan.

Di samping itu, satu kajian Sarjana oleh Othman Hizairi pada tahun 2000 bertajuk Adaptasi Novel ke Filem: Analisis Perbandingan Antara Filem Melayu dan Filem Barat telah membincangkan analisis definisi dan konsep serta teknik adaptasi secara mendalam. Kajian ini menganalisis secara keseluruhan konsep adaptasi filem Melayu dan Filem Barat. Kajian ini menerangkan bahawa filem yang diadaptasi dari novel memberikan ilmu dalam dua media yang berbeza. Kajian ini berpandukan analisis daripada beberapa perspektif berbeza tentang isu adaptasi novel ke filem. Ia memberi ruang yang khusus untuk memahami konsep, sejarah, prinsip adaptasi, dan kajian kes. Tujuan utama kajian ini adalah untuk memberikan ilmu kefahaman tentang isu-isu adaptasi novel ke filem. Pengkaji telah menyatakan negara Malaysia sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


negara ‘fasa membangun’ dan Amerika Syarikat sebagai negara ‘fasa maju’. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa masalah atau atribut dalam konteks Malaysia. Sementara dalam konteks Amerika Syarikat, terdapat beberapa contoh baik yang boleh dipelajari oleh Malaysia. Kajian ini menyatakan novel yang baik akan menghasilkan filem yang berkualiti sekiranya diadaptasi dengan betul dan ini akan menyegerakan kemampuan apresiasi tinggi masyarakat umum terhadap karya sastera serius dan filem nasional.

Seterusnya, menurut Kajian Sarjana Sastera oleh Fatimah Muhd Shukri pada tahun 2014 bertajuk Dramaturgi Filem: Peletakan Produk dalam Naratif Filem-Filem Melayu dan Hollywood. Kajian ini berfokus kepada perbandingan pada naratif filem-filem Melayu dan Hollywood dari segi teori dramaturgi dengan imej, bahan dan teks. Kajian ini telah dilakukan terhadap lima buah filem Melayu dan lima buah filem Hollywood yang diterbitkan sekitar tahun 1994 hingga 2012. Cabaran yang dinyatakan dalam kajian ini termasuklah sejarah perkembangan filem dunia dan Malaysia.

Ketiga-tiga kajian Sarjana di atas juga adalah berkaitan dengan bidang perfileman. Kajian Rajamorgan Veerappan dapat mengupas unsur adaptasi yang dilakukan antara satu budaya ke budaya lain manakala Othman Hizairi membuat kajian antara filem tempatan dengan filem Hollywood yang diadaptasi daripada novel. Walau bagaimanapun kajian Fatimah Muhd Shukri pula berkaitan dengan naratif filem tempatan dan filem Hollywood. Ketiga-ketiga kajian tesis ini menyentuh adaptasi secara langsung dengan memberikan satu gambaran kepada kajian semasa dalam usaha menganalisis adaptasi novel dalam filem sebagai bahan kajian akademik. Ketiga-tiga kajian Sarjana ini juga memberikan satu panduan kepada pengkaji dalam usaha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengkaji filem dan memberikan pemahaman secara terperinci terhadap teknik menganalisis filem sebagai kesan adaptasi novel ke filem sebagai media pendidikan.

Selain itu, terdapat juga beberapa bahan ilmiah seperti artikel yang harus diberi perhatian dalam kajian adaptasi ini. Jurnal bertajuk Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat oleh Hani Salwah Yaakup menceritakan bahawa filem bukanlah sesuatu yang baharu dalam industri perfileman. Sejak zaman awal pengenalan filem masyarakat, naskah yang baik mahupun laris terjual diangkat menjadi adaptasi filem. Namun demikian, naskah yang diadaptasikan ini seringkali diselar kerana kurang atau tidak mampu mengangkat kesamaan penceritaan seperti naskah novelnya. Hal berkenaan kajian akan dilihat menerusi kepentingan pemaparan watak dan perwatakan serta elemen naratif (Jurnal Komunikasi Malaysian Jilid 34(2) 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Transformasi Lintas Genre: dari Novel ke Filem, dari Filem ke Novel oleh Heru S.P. Saputra dalam jurnal *Humaniora Volume 21*, menjelaskan bahawa adaptasi tulisan dapat melakukan pengurangan penambahan atau perubahan bervariasi dalam novel ke filem. Ada juga puisi, cerpen, kartun dan komik diadaptasikan. Transformasi dari novel ke filem dan dari filem ke novel juga dikaji. Dalam penemuannya, beliau menyatakan bahawa konsep adaptasi ini boleh dilakukan secara dua hala iaitu dari novel ke filem dan dari filem ke novel.

Artikel berjudul *The History of Filem Adaptation in Malaysia: The Long Journey of Its Rise and Fall* (Sejarah Filem Adaptasi di Malaysia: Sebuah Perjalanan Jatuh Bangun yang Panjang) vol 31(2018) mengatakan, sejak Anugerah Akademik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diperkenalkan pada tahun 1927, lebih kurang tiga per empat anugerah untuk filem terbaik dimenangi oleh filem adaptasi. Keadaan ini adalah bukti bahawa filem adaptasi adalah satu bentuk seni yang lama mendapat perhatian masyarakat dunia dan menjadi corak naratif yang terkenal pada abad ke-19 dan ke-20 di Eropah. Maka, ini mengambil inisiatif untuk menelusuri sejarah filem adaptasi secara umum dengan memberi tumpuan kepada filem adaptasi di Malaysia. Dapatan kajian mendapati sejarah filem adaptasi di Malaysia melalui liku-liku perjalanan yang panjang bermula pada tahun 1933. Industri filem di Malaysia berdepan dengan pelbagai masalah termasuk lambakan filem import dari Indonesia dan faktor komersialisme yang tidak menjamin keuntungan. Walau bagaimanapun sekitar tahun 2006 usaha mengadaptasi karya sastera ke filem terus diperkasa melalui bengkel dan pertandingan anjuran badan kerajaan di Malaysia seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Seterusnya hasil penulisan artikel oleh Kanesan Ramasamy bertajuk *Tamil Naavalkalait Taluvi Uruvakkappadum Tamil Tiraippadanggal Oor Aaiyu* (Kajian Adaptasi Novel Tamil ke Filem Tamil) MJSSH Online: Vol 2 (2018) juga dirujuk. Artikel ini mengkaji tentang novel-novel Tamil yang diadaptasikan sebagai filem Tamil dalam dunia perfileman Tamil. Kajian ini membincangkan perkembangan teknologi membantu novel yang berbentuk tulisan diadaptasikan dalam bentuk digital berupaya filem. Cerita-cerita yang mendapat sambutan pembaca diadaptasikan sebagai filem untuk membantu para penonton yang terlepas peluang membaca novel tidak tertinggal untuk dapat menghayati sumber sastera Tamil. Dapatan kajian ini menerangkan istilah-istilah seperti dialog, perkembangan cerita, pemilihan lokasi bahagian-bahagian cerita novel yang dikekalkan, digugurkan dan ditambahkan. Pengkaji telah mengambil dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


buah novel iaitu novel bertajuk *Mullum Malarum* yang ditulis oleh Umachandran dan *Onbatu Rupai Nottu* yang ditulis oleh Thangar Bachan. Novel *Mullum Malarum* telah diarahkan oleh Mahendran manakala novel *Onbatu Rupai Nottu* diarahkan oleh penulis novel sendiri Thangar Bachan sebagai sebuah filem adaptasi. Mahendran telah menukarkan aliran cerita novel Mullum Malarum mengikut kehendak dan cita rasa sendiri kecuali watak dan tema manakala, Thangar Bachan berpegang kepada skrip novel sepenuhnya supaya filem yang diarahnya memberi impak yang sama seperti novel asal yang ditulisnya. Difahamkan, inilah perbezaan di antara penulis novel dan pengarah yang mengadaptasikan novel. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengarah filem untuk mengadaptasikan novel yang dipilihnya dapat menarik sambutan para penonton dan pembaca novel.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Rujukan terhadap artikel-artikel ini memberi satu gambaran kepada pengkaji untuk meneruskan kajian ini dengan beberapa idea. Artikel-artikel ini membantu pengkaji untuk menimba ilmu adaptasi dalam aspek kajian dan kerangka kajian. Istilah-istilah yang digunakan untuk tujuan adaptasi juga membantu pengkaji memahami aliran kajian semasa yang akan dibuat. Terbukti di sini bahawa konsep adaptasi filem dari pelbagai sumber sastera telah wujud sejak awal perindustrian filem.

Selain itu terdapat juga beberapa buah buku yang harus diberi perhatian dalam kajian tentang filem. Dalam pada itu, buku-buku seperti *Film History; Theory and Practice* (1985) yang telah dihasilkan oleh Allen Robert Clyde dan Gomery Douglas, buku berjudul, *World Cinema: A Short History* (1973) yang dikarang oleh David Robinson dan buku berjudul, *Film History* (2003) yang ditulis oleh Thompson Kristin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan Bordwell adalah tiga buah buku yang dirujuk untuk mengetahui tentang sejarah perkembangan dunia filem.

Seterusnya, *Tamil Cinema 80* yang dikarang oleh Bala Bharathi (2012) ialah sebuah buku berkonsepkan kajian yang memberi maklumat tentang perkembangan perfileman Tamil dari tahun 1931 sehingga 2011. Buku ini memberikan satu gambaran mengenai filem adaptasi cerita bersiri bertajuk *Sivalaperi Pandi* yang ditulis oleh penulis terkenal Saubah. Cerita bersiri ini diadaptasi ke filem bertajuk sama pada tahun 1994 oleh penulis skrip layar K. Rajesvar. Cerita ini adalah berpandukan kisah sebenar yang berlaku di daerah Nellai Tirunelveli. Maka, K. Rajesvar telah melawat tempat tersebut selama tiga bulan untuk mendapatkan gambaran sebenar termasuk perwatakan Pandi dan watak-watak lain seperti isteri, anak, penduduk tempatan, serta kisah sebenar Pandi menjadi seorang penjenayah yang akhirnya dibunuh oleh polis. Tambahan lagi langkah ini perlu dilakukan untuk mengenali kisah ini secara terperinci untuk membawa cerita bersiri yang telah mendapatkan sambutan hangat daripada pembaca untuk diadaptasi ke visual. Penulis lakon layar sedar filem ini akan mendapat kritikan negatif sekiranya kisah ini diadaptasi mengikut cita rasa penulis. Begitu juga pengarah filem ini Pratab K. Pothan yang berasal dari Kerala yang tidak tahu persekitaran perkampungan Sivalaperi, namun bertindak memahami dialek daerah Nellai dan hidup bersama orang kampung untuk menghayati persekitaran dan cara hidup masyarakat tersebut. Dapatan ini menunjukkan perlunya ada komitmen dari pihak yang ingin mengadaptasi sesuatu bahan sastera ke media.

Buku yang berjudul, *Understanding Indian Movies: Culture, Cognition and Cinemati Imagination* (2008) yang ditulis oleh Patrick Colm Hogan pula menceritakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tentang industri perfileman di negara India dan mengkaji dari perspektif tradisi, emosi, budaya, dan tema. Buku ini memberikan satu idea bahawa filem adalah kisah sebenar yang dipaparkan di tirai secara realiti kehidupan sosial seseorang. Penulis berpendapat mental dan fizikal yang sepadan dengan perwatakan seseorang pelakon akan menghidupkan suasana sebuah cerita dengan baik.

Seterusnya buku berjudul *Cinimaavin Ulagam* (2004) (Dunia Perfileman) oleh pengarang Athoor Gopala Krishnan dan *Cinemas of the World* (2003) oleh Jamea Chapman membicarakan industri perfileman dari sudut pandangan dari segi kajian akademik. Kedua-dua buku ini telah membantu membina dasar bagaimana industri perfileman berkembang maju sebagai suatu bidang akademik. Buku ini membincangkan mengenai kepentingan sastera dan media untuk memajukan dunia perfileman. Buku ini dapat membantu pengkaji untuk penulisan bahagian konsep filem sebagai sebuah bahan kajian akademik.

Selain itu buku berjudul *Film and Reality* (1974) yang ditulis oleh Armes Roy turut dirujuk. Buku ini menyentuh tentang unsur seperti emosi, muzik, lakon layar, pelakon, plot cerita, adegan dan sebagainya yang wujud dalam sesebuah filem memaparkan realiti kehidupan seperti yang ditulis dalam sesebuah cerita. Buku ini juga mendedahkan bahawa unsur sosiologi yang wujud dalam sesuatu masyarakat dikatakan memainkan peranan yang penting dalam penggambaran realiti kehidupan sebuah masyarakat dalam filem.

Buku berjudul *Tamil Cinimaavil* (2007) (Dalam Cinema Tamil) dan *Tamil Cinima: Sila Nikalvukal Pathivukal* (2008) (Tamil Cinema: Beberapa Kenangan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Catatan) yang ditulis oleh J. Bismi menceritakan tentang konsep cerita filem Tamil yang perlu diikuti dan perlu disingkirkan. Buku ini menjelaskan bahawa sesebuah cerita yang berkesan membuat penggambaran di lokasi sebenar masyarakat tersebut berada. Pengarah perlu memberikan penekanan emosi yang sesuai untuk setiap watak untuk menghidupkan perwatakan yang dibawa oleh seseorang pelakon. Pengarang percaya hal ini yang menghidupkan cerita dan memberi satu imaginasi kepada penonton untuk mendalami setiap watak dalam filem. Justeru perkara itu dapat membantu penonton menghayati aliran cerita dengan memahami budaya sesebuah masyarakat yang tidak dikenali. Penulis juga mengatakan tema filem perlulah mempunyai daya tarikan supaya menarik minat penonton. Penulis telah mengkritik filem-filem Tamil yang memerlukan sesuatu perubahan yang positif dari segi penulisan cerita yang baik.

Selain itu, buku berjudul *Pesum Porchithiram* (2009) (Seni Berkarya) oleh Amsan Kumar membincangkan sastera dan filem yang berkembang dalam satu masa yang sama. Pengarang menyatakan filem adalah gabungan sastera seperti novel, cerpen, puisi, hikayat, muzik, drama, seni dan sebagainya. Cita rasa antara sastera dan media perfileman telah diutarakan oleh dengan mengatakan ada titik pertemuan di antara sastera dan filem sekiranya adaptasi dilakukan dengan betul. Walau bagaimanapun pengarang bersetuju bahawa sastera tidak boleh diadaptasikan dalam media perfileman sepenuhnya. Tambahan pengarang, sesebuah karya sastera memerlukan adaptasi yang betul dan tepat supaya karya asal tidak dipandang rendah. Pengarang juga menyentuh kepentingan seni perfileman sebagai penghibur dan perindustrian komersial.

Rujukan terhadap buku-buku ini memberikan satu gambaran dan ilmu untuk memahami pemahaman yang mendalam kepada pengkaji dalam usaha melakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kajian adaptasi ini. Hal ini membantu pengkaji untuk mendapatkan pandangan para penulis yang menyentuh serba sedikit maklumat filem-filem Tamil yang diadaptasi untuk kemajuan unsur adaptasi di arena dunia.

## 2.7 Kesimpulan

Pengkaji tidak menemui kajian yang mengupas secara tepat mengenai isu-isu berkaitan adaptasi dari segi teorikal, sejarah dan prinsip adaptasi. Justeru kajian-kajian yang telah dibuat dengan konsep adaptasi lebih merujuk kepada genre lain. Meninjau konteks tempatan, langsung tidak ada penemuan kajian berbentuk akademik dalam Bahasa Tamil di Malaysia atau di luar negara mengenai adaptasi. Mengikut idea-idea ini, para pengkaji telah menemui beberapa hasil karya yang penting dalam bidang ini yang harus diambil perhatian. Didapati tidak ada satu usaha berupa kajian mendalami serta meneliti tentang konsep adaptasi dan isu-isu berkaitan dengan adaptasi daripada novel ke filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan metodologi yang merangkumi reka bentuk kajian, kaedah-kaedah pengumpulan data, teori kajian dan prinsip-prinsip berkaitan dengan kajian yang dijalankan secara terperinci. Metodologi didefinisikan sebagai satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kajian. Metodologi juga merangkumi perhubungan antara teori dan penyelidikan. Penganalisisan data kajian pula berbentuk deskriptif kualitatif. Bab ini juga membincangkan hubungan teori dalam konteks penyelidikan kualitatif dengan pembentukan kerangka kajian. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk menganalisis unsur-unsur adaptasi novel Tamil dalam filem Tamil. Di samping itu ,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengkaji juga menghuraikan maklumat secara terperinci berkenaan novel dan filem Tamil yang telah dipilih. Kesimpulannya, proses metodologi adalah satu proses penghuraian fakta-fakta penting yang terkandung dalam sesebuah kajian.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan pelan yang diguna oleh seorang pengkaji bagi mengumpul dan menganalisis data (Bryman, 2008). Sementara itu, Creswell (2009) pula berpandangan, reka bentuk kajian ialah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah penyelidikan, strategi kajian dan kaedah kajian. Reka bentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah lebih berfokus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang telah diwujudkan. Pengkaji berpendapat pandangan Creswell lebih bermanfaat daripada Bryman.

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah penggunaan kaedah kualitatif. Pada peringkat permulaan, penyelidik mengumpul maklumat kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perkara ini bagi mengelakkan berlakunya pertindihan tajuk antara kajian. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti permasalahan kajian dan seterusnya membina objektif kajian. Selepas itu, kerja pengumpulan data dimulakan. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kajian kepustakaan. Kesemua data ini diproses dan dianalisis dengan lebih mendalam bagi merealisasikannya setelah meneliti maklumat dan data-data yang diperoleh. Kemudian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


data-data yang telah diproses ini, diselitkan dalam kajian penyelidik, sebagai hasil kajian dan seterusnya diakhiri dengan kesimpulannya.

Kualitatif adalah sebuah kaedah kajian yang mempunyai maksud yang lebih luas dan sukar diberikan pendefinisian yang khusus (Monique Hennik, Inge Hutter & Ajay Bailey, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif untuk mengkaji unsur-unsur adaptasi yang terkandung dalam novel ke filem. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah disebut dalam bab satu. Kaedah kajian yang dipilih merupakan satu usaha untuk memberi penerangan rapi tentang pengetahuan dan pandangan umum berkenaan filem yang diadaptasi oleh penulis. Kaedah kualitatif juga dikatakan lebih berfokus kepada kajian tentang kandungan. Dalam hal ini, kaedah kualitatif membantu pengkaji membuat penyelidikan tentang bagaimana sesuatu perkara berlaku dalam keadaan tertentu. Kajian kualitatif lebih memberikan tumpuan kepada bagaimana proses itu berlaku dan hasil dapatannya (Sabitha Marican, 2005). Oleh sebab kajian semasa mengambil unsur adaptasi maka kaedah kualitatif sesuai digunakan. Hal ini sedemikian kerana proses serta hasil adaptasi dapat dikaji secara berkesan menerusi kaedah ini.


Kaedah kualitatif akan memudahkan pengkaji dalam kerja-kerja mencari dan menerangkan fakta bukan berbentuk numerikal. Selain itu, kaedah kualitatif deskriptif ini dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk mengumpul data yang berkualiti dan tepat serta memberi peluang membuat analisis dalam kajian berdasarkan sampel yang diperoleh. Dalam usaha pengkaji mengkaji novel dan filem adaptasi Tamil. Pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif, iaitu membuat analisis dalam bentuk deskripsi. Didapati, matlamat utama reka bentuk kajian adalah untuk memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penerangan yang padat tentang sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau meneroka sesuatu bidang yang belum atau jarang dibuat kajian. Oleh yang demikian, pendekatan ini menekankan kepada proses pengumpulan data secara sistematik. Pengkaji juga perlu memastikan bahawa para pembaca dapat memahami perspektif kajian dengan tepat. Kerangka kajian ini digambarkan dalam rajah 3.1.

### 3.2.1 Kerangka Kajian




*Rajah 3.1* Kerangka Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis teks iaitu novel dan filem. Melalui kaedah ini data yang dikumpulkan adalah dalam bentuk teks, audio dan visual. Pengumpulan data bagi proses penyelidikan yang lebih menumpukan kepada proses daripada hasil. Data dianalisis secara induktif. Kajian penyelidikan pendekatan sejarah seharusnya berurusan dengan data yang telah sedia wujud. Maka, kita tidak boleh mencipta dan memanipulasi atau melakukan perubahan terhadap sebarang data yang telah wujud sekian lama.

### 3.3.1 Kaedah Kajian Analisis Teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah memilih kaedah teks novel sebagai kaedah kajian utama dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana kaedah ini meliputi analisis kandungan bertujuan membuat penelitian yang tepat pada bahan pilihan bagi kajian ini. Bahan kajian utama ialah novel Tamil *Lockup*. Pilihan ini telah mendorong pengkaji untuk menganalisis novel ini dengan menggunakan teori adaptasi.

Pengkaji menjalankan kajian berdasarkan teks novel M. Chandrakumar berjudul *Lockup*, boleh dikatakan sebagai bahan kajian ini berdasarkan sumber terkini kerana belum ada kajian lain tentang adaptasi novel Tamil ke filem. Pengkaji menjalankan kajian ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Namun demikian pengkaji juga telah merujuk pelbagai sumber teks iaitu buku, risalah, majalah, ilmiah serta kajian lepas yang menyentuh sedikit sebanyak tentang kajian yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bahan daripada laman web juga digunakan sebagai bahan rujukan. Usaha pencarian sumber telah membantu pengkaji untuk mendapatkan penjelasan dan gambaran menyeluruh tentang objektif serta persoalan yang akan dikaji.

### 3.3.2 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kaedah kajian kepustakaan digunakan bagi mengumpul data dan maklumat berkaitan bidang kajian ini. Kebanyakan bahan rujukan, maklumat dan data yang diperoleh di kebanyakan perpustakaan tempatan dan luar negara untuk meneruskan kajian ini. Seterusnya, pengkaji telah berusaha mengumpul maklumat dan data berkenaan kajiannya daripada beberapa perpustakaan di dalam dan luar negara. Penyelidik juga menambahkan sumber data dan fakta dengan melayari internet. Melaluinya, penyelidik dapat memperoleh jurnal-jurnal dan bahan-bahan rujukan tambahan yang dapat membantu untuk menyempurnakan kajian ini. Selepas bahan-bahan rujukan yang diperlukan dicari dan dijumpai, pengkaji mula membaca dan meneliti setiap maklumat yang ada dalam rujukan-rujukan itu.

## 3.4 Bahan Kajian

Pemilihan bahan kajian mempengaruhi keseluruhan kajian bagi mencapai objektif sesuatu kajian. Bahan yang dipilih oleh pengkaji ialah novel dan filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data serta kaedah analisis dalam kajian. Kaedah analisis membantu pengkaji menjalankan kajian secara sistematik dan kualitatif. Beberapa langkah analisis telah dibina dan diikuti oleh pengkaji. Antaranya ialah pembacaan dan penelitian bahan kajian dan pemilihan data yang perlu untuk kajian, mencari makna bahan kajian, menyusun dan membuat rumusan dalam bentuk jadual.

### 3.5.1 Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data Primer

Pemerhatian teks dan visual digunakan untuk mendapatkan data primer. Kaedah ini dilakukan dengan cara *stop motion* iaitu berhenti seketika dan mencatat adegan penting untuk kajian. Untuk bahagian ini *video compact disc* dan youtube diguna pakai. Kaedah *stop motion* amat sesuai untuk kajian ini kerana hal ini dapat membantu pengkaji untuk mengidentifikasikan adegan-adegan yang diadaptasi daripada novel. Dalam kaedah ini masa adegan tersebut dicatat untuk pengkaji menjustifikasikan unsur adaptasi novel. Mencatat masa dan adegan ini membantu pengkaji untuk melihat semula adegan tersebut pada bila-bila masa. Hal ini dapat menjimatkan masa pengkaji dan juga memberikan penelitian yang jelas tentang bahan kajian. Filem ditonton beberapa kali oleh pengkaji. Pendokumentasian pemerhatian secara terus terhadap novel dibuat. Proses pemerhatian visual melalui filem merupakan suatu metodologi yang amat berkesan dalam pengumpulan data serta maklumat penyelidikan dan sesuai bagi penerokaan adaptasi yang dihasilkan oleh Vetrimaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.5.2 Kaedah dan Teknik Pengumpulan Sekunder

Seterusnya, bahan-bahan sumber sekunder juga dikenal pasti dan didokumentasikan. Bahan- bahan akademik dan autoriatatif yang dihasilkan oleh para sarjana yang berkaitan dengan subjek kajian, diteliti dan direkod dalam bentuk nota. Kajian kepustakaan dijalankan untuk mendapatkan bahan sokongan awal penyelidik bagi melicinkan proses kajian ini. Kesemua sumber bahan membantu dalam bahagian analisis untuk membuat interpretasi yang logik dan relevan dengan subjek kajian. Selain itu, teori yang sesuai dengan kajian ini juga diidentifikasi berdasarkan teori adaptasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.5.3 Pembacaan dan Penelitian Bahan Kajian

Bahan kajian utama pengkaji ialah novel Tamil yang diadaptasi. Maka pengkaji pada awalnya membaca novel-novel yang diadaptasi ke filem secara menyeluruh bagi memahami isi kandungannya. Kemudian pengkaji memilih sebuah novel Tamil yang dianggap sesuai untuk kajian novel Tamil yang berjudul *Lockup*. Dalam hal ini, pengkaji berusaha untuk meneliti setiap aspek yang terkandung dalam novel tersebut. Cara ini telah membantu pengkaji memahami kandungan dan membantu meneruskan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.5.4 Pemilihan Data Kajian

Langkah selanjutnya ialah mengenal pasti dan memilih novel-novel yang diadaptasi ke filem Tamil. Pengkaji telah memilih sebuah novel Tamil yang dijadikan sebagai bahan kajian utama. Pemilihan tersebut dibuat mengikut kerangka kajian yang telah dibentuk. Kajian dan penelitian seterusnya ialah unsur-unsur adaptasi yang terdapat dalam teks dan media.

Aktiviti pemilihan data kajian melalui maklum balas daripada beberapa pihak seperti para cendekiawan, ilmuwan, sasterawan, dan penggemar filem merupakan satu hasil yang penting bagi seseorang pengkaji. Kualiti kandungan maklum balas akan menentukan nilai penyelidikan pengkaji secara menyeluruh. Segala data yang diperoleh adalah pandangan dan idea yang bernas serta kukuh daripada pihak tertentu yang arif tentang tajuk kajian pengkaji. Proses pengumpulan data maklum balas akan menentukan kualiti penyelidikan keseluruhan. Sekiranya pihak yang memberi maklum balas kurang tepat maka ini akan menjejaskan hasil atau dapatan sesebuah kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih tesis, kajian, jurnal dan buku.

### 3.5.5 Mencari Makna Bahan Kajian

Seterusnya, pengkaji menyusun semua bahan kajian yang telah dipilih iaitu adaptasi novel Tamil ke filem Tamil. Pengkaji kemudiannya mencari dan meneliti unsur-unsur yang berkaitan dengan adaptasi. Kerja-kerja meneliti adaptasi akan mendorong pengkaji membuat rujukan pelbagai bahan sumber utama dan sampingan. Melalui cara ini pengkaji pasti mendapat satu penjelasan yang kukuh untuk meneruskan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.5.6 Menyusun dan Mengkategorikan Bahan

Penyiasatan akan dilakukan terhadap data-data yang telah didokumentasikan. Data-data yang dikumpulkan daripada sumber primer dan sumber sekunder akan dipertimbangkan untuk memastikan kerelevanan dengan objektif kajian semasa. Data-data yang telah didokumentasi, diklasifikasi dan dibahagikan mengikut sistem yang telah terancang dalam kajian semasa. Langkah-langkah ini dapat memastikan bahan kajian dicatat secara betul dan tepat.

### 3.5.7 Membuat Rumusan

Rumusan digunakan untuk menggabungkan penemuan-penemuan kajian dari setiap unit kecil yang terkandung dalam kajian semasa. Setiap penemuan tersebut akan disusun mengikut kehendak kajian semasa. Seterusnya, penemuan kajian tersebut dihuraikan secara ringkas dan tepat. Usaha ini dibuat berdasarkan panduan objektif kajian yang sudah pun ditetapkan. Proses penggabungan serta pencapaian kesimpulan secara menyeluruh dicapai berdasarkan kaedah deduktif.

## 3.6 Kaedah Penganalisisan Data

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data serta kaedah analisis. Ini membantu pengkaji menjalankan kajian secara sistematik dan kualitatif. Oleh yang demikian beberapa langkah telah disusun dan diikuti oleh pengkaji. Antaranya adalah pembacaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan penelitian bahan kajian, pemilihan data seperti novel yang diadaptasi yang perlu untuk menyusun, menganalisis, dan membuat rumusan.

Langkah terakhir pengkaji adalah dengan membuat rumusan menyeluruh berdasarkan data-data yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Pengkaji akan memberikan penerangan ringkas tentang perkara yang telah dibincang serta menyatakan senario adaptasi dalam setiap bab menerusi kajian ini. Proses ini amat penting untuk memudahkan pemahaman para pembaca.

## 3.7 Teori Kajian

Teori boleh dilihat dalam semua bidang seperti bidang sastera, sains, matematik, politik, pertanian, pembangunan dan sebagainya. Terdapat beberapa jenis teori yang kerap didengar atau dibaca. Antaranya ialah teori moral, teori komunikasi, teori feminisme, teori relevan, teori sosiologi, teori perbandingan, teori pengkaedahan, teori adaptasi dan lain-lain lagi. Maka dalam kajian ini, pengkaji telah memilih teori adaptasi dengan harapan dapat memberi penjelasan yang utuh tentang unsur-unsur adaptasi novel Tamil. Oleh yang demikian, pengkaji akan menerangkan teori adaptasi yang digunakan dalam kajian ini secara lebih terperinci.

Di Barat, terdapat beberapa orang sarjana yang telah menggariskan dan mencadangkan beberapa kaedah yang bersesuaian. Misalnya, Morris Beja, Geoffrey Wagner, Dudley Andrew serta Michael Klein dan Gillian Parker. Menurut Beja (1979) terdapat dua kaedah adaptasi yang boleh dikenali. Kaedah yang pertama adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengekalkan kewibawaan karya asal tanpa sebarang penambahan atau pewarnaan. Kaedah ini akan menjadikan filem tersebut menyamai Berlin Alexanderplatz karya Alfred Doblin yang diadaptasi oleh Rainer Werner Fasbinder yang memakan masa 16 jam kerana terlalu jujur dengan karya asalnya. Manakala kaedah yang kedua pula adalah menjurus kepada gaya pengubahsuaian yang bebas bagi menghasilkan sebuah karya yang baik dan berwibawa.

Selain itu, Mc Farlane (1996), pula menggariskan tiga kaedah adaptasi. Pertama kesetiaan terhadap dorongan utama naratif, iaitu makna di sebalik karya yang dijadikan sandaran. Pengarah filem boleh setia kepada makna, mesej atau semangat karya sastera yang digunakan. Maksudnya pengarah tidak perlu memberi tafsiran atau pandangannya terhadap makna yang terkandung di dalam karya tersebut. Kedua, pendekatan yang mengekalkan asas struktur naratif, dalam masa yang sama memberi tafsiran semula bagi signifikan. Kaedah kedua ini bermaksud adalah perlu mengekalkan semangat teks atau karya dalam usaha mengadaptasi karya sastera ke filem. Namun, dalam masa yang sama pengarah filem perlu memberi tafsiran yang sesuai terhadap karya. Seterusnya, kaedah yang ketiga pula adalah dengan menganggap sumber asal sebagai bahan mentah untuk menghasilkan karya yang baharu. Sumber asal di sini merujuk kepada karya sastera yang dijadikan bahan mentah atau landasan kepada pengarah untuk menghasilkan karya yang berbeza. Dengan perkataan lain, karya sastera menyediakan idea kepada pengarah sama ada daripada segi watak, jalan cerita, pemikiran dan sebagainya. Terserah kepada pengarah itu sendiri untuk mengolah bahan mentah yang sedia ada menjadi karya lain dalam bentuk filem arahannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kaedah yang dianjurkan oleh Beja, Michael Klein dan Gillian (1979) kelihatan lebih jelas dan terarah. Beja (1979) menganjurkan dua kaedah, iaitu setia kepada karya asal tanpa sebarang perubahan dan mengubah suai secara bebas untuk menghasilkan karya yang berbeza dalam medium yang berlainan. Manakala, Michael Klein (1979) dan Gillian Parker (1979) pula menganjurkan tiga kaedah adaptasi yang lebih baik. Biarpun kaedah pertama tetap menganjurkan kesetiaan pada karya asal yang menjadi dorongan cerita, tetapi kaedah yang kedua dan ketiga agak berlainan daripada apa yang dianjurkan oleh Beja. Kaedah kedua ini menganjurkan pengarah untuk memberi tafsiran semula yang sesuai di samping mengekalkan semangat karya atau meleraikan sumber karya. Manakala, kaedah ketiga pula menjadikan karya sastera sebagai bahan mentah semata-mata dalam usaha menghasilkan karya yang lain (Wan Hasmah, 2014).

Daripada, semua kaedah adaptasi yang dicadangkan oleh keempat-empat sarjana di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kesemua kaedah tersebut memberi ruang yang bebas kepada pengkaji untuk melakukan kajian adaptasi dengan sebaik mungkin. Maka pengkaji telah memilih empat peringkat, iaitu peringkat naratif, peringkat verbal ke visual, peringkat enunsiasi dan peringkat keseluruhan melalui tiga langkah iaitu dikekalkan, digugurkan dan ditambahkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 3.2* Teori Kajian: Adaptasi Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.7.1 Peringkat Naratif

Peringkat ini meneliti aspek cerita untuk melihat soal kesetiaan cerita yang telah dialihkan kepada bentuk skrip filem. Dalam konteks ini, penelitian dilakukan untuk menentukan sama ada filem Visaranai ini setia dengan karya asal yang dihasilkan oleh M. Chandrakumar.

### 3.7.2 Peringkat Verbal ke Visual

Analisis pada peringkat ini, tertumpu kepada kesan yang diperoleh daripada transformasi verbal ke visual. Dalam bahagian ini, penelitian akan membicarakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


beberapa kesan daripada gambaran dalam filem yang meliputi watak dan perwatakan serta tempat atau suasana realiti.

### 3.7.3 Peringkat Enunsiasi

Pada peringkat enunsiasi bermaksud perbincangan dan penelitian terhadap sesebuah karya adaptasi mengambil maklum bahawa sesuatu yang terdapat dalam novel tidak dapat dipindahkan secara langsung ke dalam filem, sebaliknya boleh menggunakan medium atau unsur lain seperti suara latar, mimik muka, teknik 'close-up', muzik, cahaya, warna, pergerakan kamera dan penyuntingan.

### 3.7.4 Peringkat Keseluruhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peringkat ini meneliti tema karya sastera dan media dalam sudut pengajaran dan pesanan yang berlainan. Maka pemikiran yang berbeza boleh dikesan menerusi karya masing-masing.

Secara keseluruhannya, kesemua peringkat ini dibincangkan sama ada ceritanya dikekalkan, dikeluarkan atau digugurkan, dan ditambahkan atau diubahsuaikan dengan alasan yang relevan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.8 Kerangka Teori




*Rajah 3.3* Kerangka Teori

## 3.9 Kesimpulan

Pelbagai pendekatan dan kaedah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang sesuai. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kajian teks, kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan yang berlandaskan kaedah kualitatif deskriptif. Kesempurnaan sesuatu kajian adalah berkait rapat dengan ketepatan kaedah kajian yang bersistematik. Secara kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat memberi sedikit ruang dan gambaran secara khusus di samping membantu pengkaji memperoleh hasil kajian yang lebih mantap dan berkualiti. Dengan kaedah ini pengkaji juga dapat meninjau dua perkara utama dalam kajian ini iaitu berkenaan penulisan novel dan unsur-unsur adaptasi filem Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 4

# ANALISIS DATA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara terperinci analisis data yang telah dilakukan serta dapatan yang diperoleh dari analisis data yang telah dijalankan. Bab ini menerangkan adaptasi novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil yang berjudul *Visaranai* berdasarkan analisis kualitatif. Penerangan adaptasi dilaksanakan dalam bentuk jadual berdasarkan empat peringkat adaptasi iaitu, naratif, verbal ke visual, enunsiasi dan keseluruhan. Peringkat-peringkat ini dianalisis secara terperinci dengan tiga unsur, iaitu unsur novel yang dikekalkan dalam filem, unsur novel yang digugurkan dalam filem dan unsur yang ditambahkan dalam filem. Dapatan-dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ini dirumuskan dalam bahagian keseluruhan untuk mengesan jenis adaptasi yang dilakukan antara media tulisan dan filem.

## 4.2 Analisis Adaptasi Bab Satu Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab satu novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan pengenalan watak-watak utama dan sampingan dalam novel. Naratif bab satu ini juga menggambarkan suasana kehidupan harian watak-watak tersebut. Naratif ini terkandung di antara muka surat tiga belas hingga tujuh belas dalam novel.

### 4.2.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumar memulakan cerita dengan pengalamannya bekerja di gerai teh berhampiran Pawagam Kowri Sangkar di bandar Guntur. Gerai teh itu baru mula beroperasi sebulan lalu. Tuan Mani telah membawa Kumar yang sebelum ini bekerja di gerai teh Kampung Lham untuk bekerja dengannya. Tuan Mani seorang yang kurus dan bermisai nipis bersesuaian dengan gaya orang Madras. Tuan Mani memakai dhoti dan tali pinggang yang mempunyai zip. Beliau menyimpan rokok bidi, kotak mancis dan lain-lain di dalam zip tali pinggang itu. Beliau juga sentiasa kelihatan menyinsing lengan baju dan menyelit sebentuk jarum besar pada kolar baju sebagai senjata. Kawan Tuan Mani yang digelar Tamilkarar merupakan seorang yang berani dan sentiasa bercerita tentang keberanian dan hero filem Tamil popular iaitu M.G.R dengan Kumar. Mereka berdua yang telah membawa dan memberikan kerja kepada Kumar di gerai teh itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kumar kini berasa bebas. Imbasan ini membawa cerita bahawa Kumar telah mempunyai tiga orang kawan rapat sebelum mula bekerja di gerai teh itu. Seorang bernama Nelson dan berumur kurang lima tahun berbanding Kumar. Kumar mengenali Nelson sejak berada di Madras. Mereka berdua yang menaiki keretapi ke Hyderabad dari Saitaped, Madras. Mereka berdua turun di Vijayavada dan mendapati bahawa peluang mendapat kerja dan upah harian lebih mudah di Guntur berbanding Vijayavada. Maka, mereka berpindah ke bandar Guntur. Mereka berdua tinggal di Taman Bunga Gandhi dan dapat mengenali Tuan Syed Karim yang mempunyai kedai bersebelahan Balai Polis Lala Pettai. Tuan Syed Karim merupakan seorang yang terpengaruh di situ. Dia seorang yang prihatin dan penyayang terhadap buruh dan orang yatim yang berada di situ. Dia sentiasa menghulurkan bantuan seperti makanan dan ubatan kepada sesiapa yang sakit dan sentiasa bersedia menyelesaikan masalah mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumar mendapat dua orang kenalan lagi semasa bekerja di gerai teh Tuan Syed Karim. Seorang bernama Ravi dan berumur dalam lingkungan tiga puluhan dan seorang yang dalam lingkungan belasan tahun, bernama Moideen. Ravi mahir dalam melakukan pelbagai pekerjaan yang dipandang rendah oleh kebanyakan masyarakat. Antaranya ialah sebagai pemandu beca, pelayan di kedai makanan, kuli harian dan sebagainya. Dia merupakan seorang yang peramah, berani dan sentiasa menjaga kebersihan diri. Kumar beranggapan bahawa Ravi mempunyai ikatan dengan dunia jenayah dahulu kala, tetapi Ravi bersikap jujur, rajin dan tidak peduli akan kesusahannya. Moideen ialah seorang yang malas, tetapi cekap membuat pelbagai kerja suruhan. Dia tiada keyakinan diri yang kukuh tentang kehidupan tetapi mempunyai iltizam yang tinggi. Moideen menyatakan bahawa telah hampir sepuluh tahun sejak dia lari dari rumahnya. Dalam tempoh tersebut, dia telah menjelajah hampir seluruh negara India dan dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pandai bertutur dalam tujuh bahasa. Kefasihan Moideen bertutur dalam ketujuh-tujuh bahasa menyebabkan rakan-rakannya tidak dapat mengesan bahasa ibundanya. Nelson pula merupakan seorang yang paling muda antara mereka. Dia bersikap rajin atau malas mengikut 'mood'nya.

Mereka tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap walaupun bekerja. Mereka biasanya bekerja di sekitar bandar dan tidur di masjid berdekatan Balai Polis Lala Pettai atau di Taman Bunga Gandhi. Mereka sentiasa berkongsi cerita mengenai filem baharu atau peristiwa harian yang dilalui. Mereka juga sentiasa sembang mengenai seorang gadis berumur empat belas tahun yang membeli sarapan di gerai teh sebagai heroin filem.

Pada ketika itu, telah hampir setahun sejak Kumar melarikan diri daripada keluarganya. Dia belajar sehingga darjah sepuluh. Dia pernah bekerja sebagai mekanik, gemar membaca buku dan bersikap berat mulut. Umurnya dalam lingkungan dua puluhan. Dia sentiasa rajin dan menginginkan kehidupan yang bebas. Kumar teringin untuk hidup seperti biasa tanpa memiliki sebarang unsur kejahatan atau ketamakan. Dia aktif membina badan dan menjaga kesihatan. Kumar berjiwa komunis walaupun tidak menyertai parti itu sama sekali kerana tidak menyukai politik.

### 4.2.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab satu novel Tamil *Lockup* mengalami banyak perubahan dalam filem bermula dengan babak pengenalan Kumar dan kawan-kawannya pada minit kedua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hingga minit kelima. Hanya terdapat beberapa persamaan dalam jalan cerita bab ini dengan filem Tamil *Visaranai*. Contohnya, watak Kumar diperkenalkan sebagai watak utama yang menjadi pembawa cerita dalam novel dan juga filem. Segala naratif babak novel dan filem digambarkan dari sudut pandangan tersendiri. Adalah menjadi aspek penting untuk kekalkan watak Kumar sebagai watak utama di dalam filem kerana menurut novel watak ini merupakan watak yang kuat yang berpendirian teguh.

Berdasarkan novel Tamil *Lockup*, bab satu mengisahkan cara kehidupan, bentuk fizikal dan perwatakan Kumar, Tuan Mani, Tamilkarar, Tuan Syed Karim serta kawan-kawan Kumar iaitu Ravi, Moideen dan Nelson. Manakala, babak pengenalan filem menunjukkan Kumar, Ravi dan Moideen tanpa menerangkan perwatakan mereka dengan panjang lebar seperti di dalam novel. Beberapa peristiwa yang tidak terdapat dalam bab satu novel Tamil *Lockup* telah ditambahkan dalam filem. Contohnya, filem dimulakan dengan menunjukkan babak Kumar mandi pada awal pagi dan bersembang dengan Ravi yang baru bangun dari tidur di Taman Bunga Gandhi. Ravi menyindir Kumar dengan mengatakan Kumar bersiap sedia untuk berjumpa gadis idamannya Shanti. Kumar menafikan sindiran Ravi dan memberitahu bahawa hari sebelumnya (semalam) telah berlaku sedikit perselisihan faham antara mereka. Tambahnya lagi, majikannya Tuan Mani meminta dia membuka kedai pada awal pagi kerana ketibaan perayaan *Ayuda Poojai*. Moideen yang baru bangun tidur ingin bertolak bersama Kumar. Kumar memberitahu Moideen bahawa dia sudah terlewat. Babak-babak ini adalah penting bagi penonton filem untuk mengenal watak dan perwatakan mereka dengan lebih jelas. Seterusnya, Ravi meminta Kumar mengelakkan pengawal keselamatan disebabkan mereka belum membayar wang untuk menginap di situ. Walau bagaimanapun, Kumar terserempak dengan pengawal keselamatan dan dimarahi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


olehnya. Kumar berjanji akan membayar wang tersebut pada petang itu dan membelikan minuman keras untuknya. Kumar mengayuh basikal lalu beredar dari situ dan singgah di sebuah gerai teh untuk minum teh. Seterusnya, dia ke kedai gunting rambut untuk menyisir rambut lalu beredar dengan laju ke rumah majikannya. Babak-babak seperti di atas ditambah dalam filem untuk mencerminkan rutin harian dalam kehidupan Kumar dan kawan-kawannya.

Pada peringkat verbal ke visual pula, bukan semua watak perwatakan dan lokasi yang terdapat dalam bab satu diadaptasikan ke filem. Watak Tamilkarar, Tuan Mani, Tuan Syed Karim, Nelson dan Shanti yang disebut dalam bab ini tidak muncul dalam filem sehingga minit ke lima. Watak sampingan seperti pengawal keselamatan yang garang ditambahkan semasa menunjukkan perjalanan Kumar ke tempat kerjanya. Hanya lokasi seperti Taman Bunga Gandhi dan bandar Guntur dikekalkan dalam novel dan filem. Tambahan pula, pengenalan bab ini dalam novel dan filem dimulakan di Taman Bunga Gandhi. Lokasi Kampung Lham yang dikelilingi oleh bukit bukau dan sungai yang diceritakan dalam bab ini telah digugurkan dalam filem. Begitu juga beberapa lokasi seperti Madras, tempat asal Kumar dan Nelson serta stesen keretapi Vijayavada juga tidak ditunjukkan dalam filem kerana lokasi-lokasi ini tidak ada kepentingan dalam filem. Novel juga telah mengisahkan bahawa Kumar bekerja di sebuah gerai teh berhampiran pawagam Kauri Sangkar tetapi filem memaparkan Kumar bergegas untuk membuka kedai runcit di bandar Guntur.

Pada peringkat enunsiasi, terdapat tiga perkara yang terdapat dalam novel dikekalkan dalam filem. Contohnya, kehidupan Kumar dan kawan-kawannya tidak mampu memiliki rumah atau tempat yang selesa untuk menginap. Ravi dan Moideen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kelihatan terbaring atas rumput dalam kesejukan dengan berselimut sahaja. Seterusnya, mereka juga terpaksa bersembunyi daripada pengawal keselamatan kerana tidak membayar wang untuk menumpang di Taman Bunga Gandhi. Situasi-situasi ini menunjukkan Kumar dan kawan-kawannya berada dalam kehidupan susah seperti yang diceritakan dalam novel. Taman Bunga Gandhi yang diceritakan pada awal novel sebagai tempat tinggal Kumar dan kawan-kawannya ditunjukkan melalui rakaman jauh papan tanda Taman Bunga Gandhi. Sebegitu juga dengan lokasi bandar Guntur di negeri Andhra Pradesh yang diceritakan dalam novel ditunjukkan dalam filem melalui paparan skrin. Pemandangan Kampung Lham yang diceritakan dalam novel digugurkan dalam filem. Hal ini kerana filem menggambarkan suasana Taman Bunga Gandhi sebagai gantiannya. Beberapa enunsiasi yang tidak terdapat dalam novel ditambahkan dalam filem. Contohnya, Kumar kelihatan kesejukan semasa keluar dari bilik air. Babak ini dirakamkan pada awal pagi yang nyaman di Taman Bunga Gandhi itu. Tambah lagi, lampu jalan yang terang dan laluan jalan yang gelap dan diselubungi embun dirakamkan ketika perjalanan Kumar ke kedai untuk memberi kesan realistik kepada suasana waktu awal pagi.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan peringkat naratif bab satu diubah hampir keseluruhannya dalam filem. Pada peringkat verbal ke visual didapati beberapa watak perwatakan dan latar tempat dikekalkan. Lima watak bab ini digugurkan dan satu watak sampingan baharu ditambahkan dalam filem. Dua lokasi dikekalkan manakala dua lokasi baharu ditambahkan daripada tujuh lokasi yang diceritakan dalam bab ini. Dalam peringkat enunsiasi, cara kehidupan Kumar dan kawan-kawannya ditunjukkan melalui tempat tinggal mereka dan perbualan Kumar dengan pengawal keselamatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Melalui analisis ini, didapati bahawa bab satu novel Tamil *Lockup* ini mempunyai adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.3 Analisis Adaptasi Bab Dua Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab dua novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa penahanan Kumar, Ravi dan Moideen dalam novel. Naratif bab dua ini juga menggambarkan suasana siasatan dilakukan terhadap mereka. Naratif ini terkandung di antara muka surat lapan belas hingga dua puluh satu dalam novel.

### 4.3.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perniagaan biasanya bermula pada pukul sembilan pagi. Hal ini kerana gerai teh itu terletak di hadapan Pawagam Kauri Sangkar. Majikannya Tuan Mani bersama kawannya telah keluar pada masa itu atas beberapa urusan luar. Kelihatan sebuah beca berhenti berhampiran gerai teh itu. Seorang yang tidak dikenali telah masuk ke gerai itu lalu menarik kolar baju Kumar dengan kasar. Kumar terkejut dan bertindak menolak tangan lelaki itu. Pegangan lelaki itu bertambah kuat apabila Kumar cuba tolak-menolak. Kumar yang tidak menyangka situasi itu menanyakan tujuan lelaki itu bertindak sebegitu. Pada masa yang sama, Ravi yang kelihatan duduk di basikal beca telah memanggil nama Kumar dan memberitahu lelaki tersebut ialah seorang pegawai polis. Kumar berasa segan dan meminta pegawai polis itu supaya jangan berkelakuan sebegitu dengan cuba melepaskan tangan yang memegang kolar bajunya. Pegawai polis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


itu telah menarik Kumar keluar dari gerai teh itu. Kumar kelihatan bingung dan menanyakan Ravi tujuan mereka ditahan. Ravi tidak dapat menjawab tujuan mereka ditahan. Moideen pula kelihatan senyap sepanjang perjalanan.

Mereka telah dibawa ke Balai Polis Kotta Pettai. Kumar, Ravi dan Moideen berdiri di hadapan meja sub-inspektor. Mereka berdiri berdekatan antara satu sama lain. Sub-inspektor kelihatan sedang berbual dalam bahasa Telugu dengan seorang pegawai polis perempuan bernama Sindhu. Kumar tidak memahami bahasa Telugu kerana baru lapan bulan berada di situ. Dia tidak berpeluang menguasai bahasa Telugu kerana ramai orang berbahasa ibunda iaitu berbahasa Tamil tinggal di kawasan itu. Tambahnya lagi, kawan-kawan Kumar dan majikannya juga berketurunan Tamil. Siasatan telah dimulakan oleh sub-inspektor. Kumar dan kawan-kawannya kelihatan amat ketakutan. Mereka menyebut nama masing-masing apabila ditanya oleh sub-inspektor. Apabila sub-inspektor memekik sambil bangun dari kerusi, Ravi jatuh tertiarap kerana keadaan sungguh menakutkan. Kumar dan Moideen berdiri dengan mengikat tangan dengan perasaan terkejut. Kumar menyedari jantungnya berdenyut dengan kuat. Moideen memberitahu bahawa dia tidak tahu apa-apa pun dengan nada yang gementar sambil menangis. Ravi pula memberanikan diri dan bertanya tujuan mereka ditahan kepada sub-inspektor. Sub-inspektor yang naik angin meminta cota kepada pegawai polis yang berdiri di situ. Kumar dan Moideen ditolak ke belakang, manakala Ravi dibelasah teruk oleh sub-inspektor. Sub-inspektor itu memarahi Ravi dengan nada tinggi sambil menguatkan dirinya untuk meneruskan membelasah Ravi. Ravi meraung kesakitan. Sub-inspektor berhenti memukulnya kerana keletihan membelasah Ravi. Ravi juga kelihatan tidak bermaya dan hanya separuh sedar. Sub-inspektor yang masih tidak berpuas hati telah memijak kaki Ravi dengan kuat. Ravi terus meraung kesakitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sub-inspektor mengarahkan pegawai polis untuk memasukkan Kumar, Ravi dan Moideen ke dalam lokap untuk disiasat pada waktu malam nanti. Seorang pegawai polis melemparkan cota ke arah peha Kumar dan Moideen. Pukulan itu bagaikan terkena serpihan api. Kumar segera berlari ke lokap dengan menggigit giginya untuk menahan kesakitan sambil menarik nafas panjang. Moideen pula mencuba mengelak dirinya daripada pukulan itu tetapi cota terkena juga pada bahagian pinggang dengan amat kuat sekali. Dia juga turut meraung kesakitan. Kumar baru tersedar bahawa sesuatu yang buruk sedang berlaku terhadap mereka.

### 4.3.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab dua novel *Lockup* ini mempunyai beberapa persamaan dengan filem Tamil *Visaranai*. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa babak dalam filem Tamil *Visaranai* digugurkan dan ditambahkan untuk kelancaran dan kesinambungan perjalanan filem.

Beberapa persamaan dari segi aspek naratif antara bab dua dalam novel dan filem dikekalkan dari minit ke enam hingga minit ke dua belas. Babak novel yang menceritakan Kumar bersiap sedia untuk memulakan perniagaan diadaptasikan sepenuhnya dalam filem. Novel dan filem menceritakan babak Kumar membuka kedai untuk memulakan perniagaannya. Contohnya, mengikut bab dua dalam novel, Kumar sedang bersiap sedia membuka gerai teh pada pukul sembilan pagi manakala dalam filem Kumar membuka kedai runcit pada awal pagi yang masih gelap. Seterusnya, babak pegawai polis yang berpakaian biasa seperti orang awam telah menahan Kumar dan kawan-kawannya dalam novel. Babak ini diadaptasi sepenuhnya dalam filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Babak ini disambung dengan mengisahkan Kumar menolak tangan lelaki yang menarik keluar daripada gerai teh dalam novel manakala dalam filem Kumar telah menampar di bahagian leher lelaki yang menariknya daripada kedai runcit. Justeru, babak Ravi yang memberitahu bahawa lelaki itu ialah pegawai polis seperti dalam novel juga dikekalkan dengan suasana yang sama dalam filem. Tambahan pula, persamaan bab ini dalam novel dan filem ditunjukkan melalui babak Kumar bertanyakan tujuan mereka ditahan kepada Ravi. Babak ini menceritakan Kumar, Ravi dan Moideen menaiki beca ke balai polis dalam novel manakala babak ini ditukarkan mereka menaiki auto dalam filem. Seterusnya, Kumar menanyakan tujuan mereka ditahan sebelum menaiki beca dalam novel. Manakala dalam filem pula Kumar menanyakan hal itu dalam perjalanan mereka ke balai polis. Moideen bergerak bersama Kumar dan Ravi dalam kedua-dua medium ini. Babak sub-inspektor yang memulakan siasatan kali pertama dikekalkan seperti novel dalam filem. Babak-babak ini telah diadaptasi sepenuhnya kerana babak ini adalah babak permulaan persoalan kepada para pembaca novel dan penonton filem untuk mengetahui titik permulaan masalah mereka.

Beberapa babak novel digugurkan dan diubah bersesuaian dengan media perfileman. Babak Kumar, Ravi dan Moideen dipukul oleh pegawai polis sejurus selepas siasatan atau pengenalan diri telah digugurkan dalam filem. Berdasarkan novel siasatan dilakukan oleh sub-inspektor terhadap mereka setiba mereka di balai polis. Mengikut filem pula mereka terus dibelasah dengan cota oleh seorang sub-inspektor yang berada di balai polis. Babak ini dirakam seperti sub-inspektor memang tersedia maklum dan menunggu untuk ketibaan Kumar, Ravi dan Moideen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Beberapa babak yang tidak terdapat dalam novel bab dua ini telah ditambahkan dalam filem. Babak Tuan Mani memarahi Kumar yang lewat datang ke rumah untuk mengambil kunci kedai runcit ditambahkan di dalam filem. Bab ini dalam novel menceritakan Tuan Mani dan kawannya keluar atas urusan sendiri malah dalam filem pula Tuan Mani berada di rumah bersama isterinya semasa Kumar ditahan. Contohnya, Babak Tuan Mani memarahi Kumar yang terlewat, dihalang oleh isterinya yang berada di dalam rumah. Babak Muthuvel, seorang pegawai polis Tamil Nadu bersama empat orang kawannya yang datang ke kedai runcit dan bersembang dengan Kumar ditambahkan dalam filem. Watak Muthuvel ditambahkan atas keperluan watak ini untuk membantu Kumar dan kawan-kawannya di mahkamah untuk mereka dibebaskan mengikut filem. Babak pemandu auto diugut apabila meminta tambang kepada pegawai polis yang menahan Kumar dan kawan-kawannya juga telah ditambahkan dalam filem. Babak ini dalam novel hanya menceritakan Kumar dan kawan-kawannya dibawa tanpa digari ke balai polis manakala filem menunjukkan mereka telah digari. Sub-inspektor yang dikatakan memukul Ravi dalam bab ini sebenarnya memukul kesemua mereka dalam filem. Babak Moideen yang berlari ke arah belakang balai polis apabila tidak dapat menahan kesakitan dan dipukul dengan baldi oleh seorang pegawai polis juga ditambahkan dalam filem untuk memberikan satu gambaran terhadap pihak polis yang tidak berperikemanusiaan. Babak Inspektor Sham Sunder yang tiba di balai polis pada waktu pagi dan meminta pegawai polis wanita bernama Sindhu memberikan manisan kepada Kumar dan kawan-kawannya juga adalah satu penambahan dalam filem untuk memberi satu kelegahan kepada penonton.

Dari aspek verbal ke visual pula, watak Tuan Mani, Kumar, Ravi, Moideen, pegawai polis dan sub-inspektor dikekalkan seperti novel manakala watak kawan Tuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mani digugurkan. Watak-watak seperti pegawai polis Tamil Nadu Muthuvel dan pegawai polis perempuan Sindhu tidak wujud dalam novel ini tetapi telah ditambahkan dalam filem untuk membantu watak Kumar dan kawan-kawannya kecuali watak Inspektor Sham Sunder yang belum diceritakan dalam bab ini. Lokasi bandar Guntur dikekalkan dalam filem seperti dalam novel manakala gerai teh, tempat Kumar bekerja juga ditukarkan sebagai kedai runcit dalam filem. Tambahan pula, Balai Polis Kotta Pettai yang dikatakan dalam novel digantikan dengan Balai Polis Krishna Puram dalam filem. Babak-babak ini adalah bersesuaian untuk membantu menggambarkan aspek verbal ke visual dalam filem.

Dari aspek enunsiasi, emosi setiap watak diterangkan dengan panjang lebar dalam novel manakala reaksi muka mereka yang ketakutan ditunjukkan melalui rakaman close-up dalam beberapa babak. Contohnya, teknik close-up muka Kumar digunakan apabila menunjukkan dia terkejut kedengaran suara Ravi yang mengatakan orang yang menariknya ialah seorang pegawai polis. Kekuatan pukulan sub-inspektor kedengaran melalui bunyi Ravi meraung dalam kesakitan. Papan tanda Balai Polis Krishna Puram ditambahkan untuk menunjukkan lokasi Balai Polis Kotta Pettai pada novel telah diubah dalam filem. Seterusnya, bilangan jumlah tahanan juga disebut melalui dialog pegawai polis yang mengira bilangan keseluruhan tahanan yang berada di balai polis itu. Dialog itu memberi gambaran awal bahawa ramai tahanan berada dalam lokap. Nelson juga dikira dengan disebut tahan baharu berada di bilik atas balai polis untuk kefahaman para penonton selepas kemunculannya pada hari kemudian. Muzik yang nyilu juga dimainkan dalam babak-babak yang menunjukkan kerisauan dan kekeliruan Kumar, Ravi dan Moideen. Suasana waktu awal pagi dan subuh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ditunjukkan dalam babak balai polis untuk menerangkan peredaran masa. Pencahayaan latar belakang ditetapkan mengikut waktu dan tempat. Contohnya, cahaya kegelapan di bawah tangga di mana Kumar, Ravi dan Moideen bersembunyi membawa maksud sesuatu yang buruk akan berlaku. Sari kata telah ditambahkan untuk menterjemahkan bahasa Telugu ke bahasa Tamil untuk kefahaman penonton Tamil.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan naratif bab dua hampir dikekalkan walaupun terdapat pengguguran dan penambahannya. Peringkat verbal ke visual didapati enam watak dikekalkan manakala satu watak digugurkan dan empat watak ditambahkan. Dua lokasi dikekalkan manakala dua lokasi diubah dalam filem daripada empat lokasi yang disebut dalam bab ini. Dalam peringkat enunsiasi, emosi dan perasaan semua watak ditunjukkan melalui teknik close-up dengan iringan muzik yang bersesuaian manakala masa dan waktu ditunjukkan melalui penggambaran luar. Papan tanda dan sari kata juga membawa maksud yang bersesuaian. Melalui analisis ini, didapati bahawa bab kedua novel Tamil *Lockup* ini adalah adaptasi setia dengan filem Tamil *Visaranai*.

## 4.4 Analisis Adaptasi Bab Tiga Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab tiga novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas siasatan pertama dilakukan dalam novel. Naratif bab tiga ini juga menceritakan suasana Kumar, Ravi dan Moideen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berjumpa dengan Nelson yang tidak kelihatan sejak dua hari yang lalu. Naratif ini terkandung di antara muka surat dua puluh dua hingga dua puluh tujuh dalam novel.

### 4.4.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Tiga.

Kumar disiasat semula oleh dua atau tiga orang pegawai polis yang bersikap bengis. Kumar memberitahu mereka bahawa dia tidak faham bahasa Telugu. Moideen yang tidak fasih berbahasa Telugu menerangkan sedaya upaya tentang peristiwa yang berlaku semasa pegawai polis mencarinya. Moideen menjelaskan bahawa dia tampil mengaku diri apabila polis menyebut namanya.

Pegawai polis tidak melayan lalu menarik rambut dan menolak mereka ke dalam lokap. Ravi kelihatan tidak bermaya dan melangkah ke dalam lokap itu dengan perlahan-lahan. Air mata Ravi kelihatan kering. Kumar mengenang situasi ini dengan penjara Dutch dan Perancis yang pernah dibacanya.

Lokap mereka ditahan itu bersaiz sepuluh kaki panjang dan lebar serta pintu lokap itu diperbuat daripada kayu yang kukuh dan kuat. Kumar melihat terdapat sebuah lubang yang kecil di tengah-tengah pintu itu. Kumar menganggap lubang itu bertujuan untuk memudahkan pengawasan dan berkemungkinan digunakan untuk memberi makanan dan minuman kepada tahanan di situ.

Tiba-tiba Kumar terdengar suara seorang pegawai polis yang bertanya bahawa adakah mereka ini kawan-kawannya kepada seorang lelaki yang baring tertiarap di situ. Kumar melihat beberapa orang yang berada di situ dan terkejut apabila fizikal badan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seorang yang terlantar di situ adalah seperti kenalannya. Kelihatan kaki lelaki itu lebam bercalar merah akibat dipukul dengan rotan, berambut kusam serta memakai baju dalam berwarna biru dan bersarung kotor. Kumar segera memanggil Ravi dan Moideen untuk melihat lelaki itu. Ravi telah mengejutkan lelaki yang terlantar itu.

Ravi terkejut apabila mendapati lelaki itu ialah Nelson yang tidak dijumpai sejak dua hari yang lalu. Nelson bangun terkejut dan menangis apabila berjumpa dengan Kumar, Ravi dan Moideen. Mereka menanyakan bagaimana dia boleh berada di dalam lokap. Nelson memberitahu bahawa dia telah diserahkan kepada pihak polis peronda apabila pekerja pawagam melihat Nelson tertidur di pawagam. Apabila disoal, dia telah menjawab dalam bahasa Tamil dan bahasa Telugu. Seterusnya pegawai polis peronda telah mengikat tangan dan kaki Nelson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia telah dibawa ke Balai Polis Kotta Pettai dan diserahkan kepada pegawai polis di situ. Apabila sub-inspektor menyiasat, Nelson menceritakan segala aktiviti harian mereka seperti menonton wayang, mencari tempat pelacuran dan menaiki keretapi tanpa membeli tiket. Tambahnya lagi, dia menceritakan rancangan imaginasi mereka yang bercadang untuk merompak bank untuk menjadi kaya selepas menonton beberapa filem. Pihak polis mula mengesyaki bahawa Nelson ialah ahli kumpulan perompak dan bertindak untuk menahan Kumar, Ravi dan Moideen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.4.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab tiga novel Tamil *Lockup* telah mengalami perubahan dalam filem. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa persamaan babak ini dalam novel dengan filem. Babak-babak yang penting daripada novel diadaptasikan dalam filem ini.

Berdasarkan novel, bab tiga menceritakan kisah Kumar, Ravi dan Moideen disiasat dan dimasukkan ke dalam lokap. Filem telah mengekalkan babak-babak ini tanpa sebarang perubahan kerana babak ini adalah kesinambungan daripada babak siasatan yang berlaku telebih dahulu. Babak pengenalan tahanan-tahanan lama yang diceritakan berada di dalam lokap juga diadaptasi tanpa sebarang perubahan. Babak Ravi berjumpa Nelson dalam novel dikekalkan tetapi lokasi dan masanya telah ditukarkan. Hal ini kerana Kumar, Ravi dan Moideen beranggapan Nelson masih selamat dan boleh membantu mereka. Mereka juga bersimpati terhadap Nelson yang kurus kering tidak dapat menahan kesakitan yang dialami oleh mereka bertiga. Seterusnya, penerangan Nelson dalam bab ini selepas berjumpa dengan Kumar, Ravi dan Moideen dikekalkan sama seperti novel dalam filem. Babak Kumar yang kelihatan duduk termenung dalam lokap dikekalkan dalam kedua-dua medium ini kerana keliru dengan tujuan mereka ditahan dan diseksa. Babak-babak ini diadaptasikan sepenuhnya tanpa sebarang perubahan kerana babak-babak ini membantu penonton untuk memahami situasi sebenar mereka berada dalam lokap. Walau bagaimanapun babak ini dalam novel menceritakan Kumar terkenang dengan kesengsaraan tahanan-tahanan di penjara Dutch dan Perancis yang pernah dibaca, tetapi dalam filem pula dia mengimbas kisah membantu Shanti yang mengalami gangguan fizikal daripada suami majikan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seorang pegawai polis. Tambah lagi, dalam filem Kumar menganggap isu itu yang membawa mereka ke lokap.

Beberapa babak yang terdapat dalam bab ini telah digugurkan dalam filem. Contohnya, penerangan Moideen mengenai situasi semasa dia ditahan tidak diceritakan seperti mana dalam bab ini dalam novel. Seterusnya, babak Kumar, Ravi, dan Moideen dibelasah selepas ditanggalkan pakaian sebelum dimasukkan ke dalam lokap tidak terdapat dalam novel pada bab ini. Mereka dikatakan hanya disiasat semula dan dimasukkan ke dalam lokap melalui naratif novel dalam bab ini. Mengikut filem, pakaian mereka diminta ditanggalkan pada minit ke dua belas. Babak bab ini dalam novel menceritakan Nelson tertidur di pawagam selepas menonton filem dan diserahkan kepada pegawai peronda oleh pekerja pawagam itu. Pegawai peronda membawa Nelson ke balai polis untuk siasatan lanjutan. Dia ditahan di balai polis apabila pegawai polis mengesyaki Nelson dan kawan-kawannya sebagai perompak. Hal ini kerana, Nelson menceritakan kisah imaginasi mereka yang merancang untuk merompak bank selepas menonton beberapa filem. Nelson yang berada di lokap dalam keadaan kusam, tercedera di bahagian kaki, memakai baju singlet berwarna biru dan bersarung dalam bab ini juga telah digugurkan dalam filem. Malah, Nelson kelihatan dibelasah teruk sehingga ada kesan kebiruan pada mukanya dalam filem pada minit ke sembilan belas.

Beberapa peristiwa yang tidak terdapat dalam novel telah ditambahkan dalam filem. Misalnya kisah cinta Kumar dengan Shanti diselitkan untuk memberi kepuasan kepada penonton yang biasa dengan kehadiran watak hero dan heroin. Babak-babak ini juga memberi sedikit ketenangan kepada penonton selepas menyaksikan beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


babak ganas pada permulaan filem. Seterusnya, dalam filem ditunjukkan bahawa pihak polis terpaksa menutup satu kes rompakan bersenjata yang melibatkan pemuda-pemuda Tamil selepas mendapat tekanan daripada pihak atasan. Nelson yang kebetulan dalam perjalanan selepas menonton wayang pada waktu malam itu sengaja ditahan untuk dituduh. Nelson yang ditahan hanya kelihatan semasa Kumar, Ravi dan Moideen berada di luar bilik air pada pagi hari pertahanan mereka. Justeru, babak-babak ini bukan seperti yang diceritakan dalam novel kerana durasi masa yang panjang diperlukan untuk menggambarkan peristiwa-peristiwa ini dalam filem.

Pada peringkat verbal ke visual, kebanyakan watak dan lokasi yang terdapat dalam bab ini diadaptasikan ke filem. Watak Kumar, Ravi, Moideen, Nelson, pegawai peronda dan pegawai-pegawai polis dikekalkan manakala watak sub-inspektor digugurkan dalam filem. Watak Shanti yang lemah lembut ditambahkan dalam filem sebagai kekasih Kumar. Hanya lokasi lokap diceritakan dalam bab ini. Malah lokasi seperti kawasan perumahan dan persekitaran kedai runcit ditambahkan dalam filem semasa Kumar menceritakan tentang kisah Shanti untuk memberi kesan realistik latar tempat bandar Guntur. Tambahan pula persekitaran bilik air balai polis di mana babak perjumpaan Nelson telah ditambahkan dalam filem.

Peringkat enunsiasi, menunjukkan beberapa aspek dikekalkan melalui teknik close-up seperti emosi setiap watak ditunjukkan untuk menunjukkan perasaan ketakutan mereka. Keadaan pintu lokap yang dikatakan kuat dan kukuh juga ditunjukkan dalam filem. Lubang pintu yang dikatakan berada di bahagian tengah dalam novel kelihatan berada di bahagian bawah pintu lokap. Keadaan lokap yang diterangkan dalam novel kelihatan sama di dalam filem. Keadaan lokap yang sempit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dirakamkan dari sudut pandangan atas. Imaginasi Kumar tentang penjara Dutch dan Perancis tidak ditunjukkan. Cahaya lampu di bahagian atas dinding lokap ditambahkan untuk menunjukkan bahagian tingkap itu. Tingkap itu kelihatan di bahagian atas manakala novel mengatakan tingkap itu berada di paras pertengahan bilik lokap. Hal-hal ini tidak memberi sebarang impak dan hanya diubah mengikut kesesuaian penggambaran sahaja.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan peringkat naratif diubah sebahagiannya. Peringkat verbal ke visual didapati beberapa watak dan tempat ditambahkan. Dalam peringkat enunsiasi, emosi Kumar dan kawan-kawannya ditunjukkan melalui teknik close-up. Teknik rakaman sudut atas dan pencahayaan juga digunakan untuk menunjukkan keadaan lokap melalui visual. Melalui analisis ini, didapati bahawa bab tiga novel Tamil *Lockup* adalah adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi dalam filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.5 Analisis Adaptasi Bab Empat Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab empat novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan harapan Kumar dan kawan-kawannya untuk mendapatkan bantuan daripada Tuan Mani dan Tuan Syed Karim dalam novel. Naratif bab empat ini juga menggambarkan keadaan mereka yang kurang selesa di dalam lokap. Naratif ini terkandung di antara muka surat dua puluh lapan hingga tiga puluh dalam novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.5.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Empat.

Ravi berasa berang dengan sikap Nelson yang bermulut pelepah. Moideen pula menceritakan kepintaran yang ada pada diri Nelson dalam menangani situasi ini. Kumar merasakan semua mereka akan mengalami masalah yang besar. Kumar berharap majikannya Tuan Mani akan datang untuk membantu mereka. Manakala, Ravi kurang mempercayai kata-kata Kumar kerana beranggapan Tuan Mani hanya mempergunakan Kumar untuk bekerja sahaja. Ravi pula beranggapan bahawa Tuan Syed Karim yang akan membantu mereka. Ravi meminta Kumar supaya tidak menentang pihak polis. Ravi memperingatkan Nelson supaya jangan bercakap kepada sesiapapun lagi dengan nada yang kasar. Ravi memberi amaran kepada Nelson bahawa dia akan mendapat balasan selepas keluar daripada lokap nanti. Kumar tetap khuatir bahawa mereka akan menghadapi masalah yang besar walaupun mendapat bantuan Tuan Mani dan Tuan Syed Karim. Kumar juga beranggapan dirinya boleh terselamat kerana dia boleh mengatakan yang dia tidak faham bahasa Telugu. Suasana di dalam lokap itu yang amat tegang apabila ada pelawat-pelawat menangis semasa berjumpa ahli keluarga mereka yang menjadi tahanan. Beberapa orang pelawat memberikan rokok bidi dan mancis kepada mereka. Walau bagaimanapun, tiada sesiapa yang datang melawat Kumar dan kawan-kawannya. Ravi berkata bahawa kemungkinan Tuan Mani dan Tuan Syed Karim tidak tahu di balai polis mana mereka telah ditahan. Ravi membuang air kecil melalui lubang yang terdapat pada dinding dan tempat itu berbau busuk. Semua tahanan dalam lokap itu telah tertidur tetapi Kumar berasa badannya tidak selesa dan ingin membuang air kecil dan air besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.5.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab keempat novel Tamil *Lockup* digugurkan secara hampir keseluruhan dalam filem. Didapati hanya dua babak dari novel, diadaptasikan dalam filem dalam minit ke dua puluh.

Babak Ravi yang bengang dengan tindakan Nelson setelah mendengar kisah tahanan Nelson atas sikap kecuaian diadaptasikan di dalam filem. Ravi yang dibelasah teruk tidak dapat menerima Nelson yang membawa masalah-masalah ini kepada mereka. Seterusnya babak Kumar yang sedar dan memberitahu bahawa mereka berada dalam masalah yang besar berdasarkan novel juga diadaptasikan dalam filem untuk membantu perjalanan cerita. Selepas kedua-dua babak ini diadaptasi dalam filem, jalan cerita bab ini bergerak ke arah perubahan harapan Kumar dan kawan-kawannya untuk mencari jalan keluar daripada masalah ini.

Naratif cerita seperti harapan mereka untuk mendapat bantuan daripada Tuan Mani dan Tuan Syed Karim yang dinyatakan dalam novel tidak ditunjukkan dalam filem. Babak ini telah digugurkan dan diubah naratifnya. Naratif bab ini juga menceritakan bahawa saudara-mara yang datang berjumpa tahanan lain memberikan rokok bidi dan mancis telah digugurkan dalam filem.

Mengikut verbal ke visual, didapati watak Kumar, Ravi, Moideen dan Nelson yang terkandung dalam bab empat dikekalkan dalam filem. Manakala, watak-watak pelawat telah digugurkan dalam filem kerana ingin menunjukkan persekitaran balai polis itu dalam keadaan terkawal. Mengikut novel, cerita ini berlaku di dalam lokap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


manakala diubah ke lokasi persekitaran bilik air dalam filem kerana membawa penonton ke suasana yang berlainan. Tambahan pula, lubang pada dinding yang dikatakan tempat membuang air kecil telah digugurkan dalam keseluruhan filem.

Bab 4 dari segi enunsiasi, emosi setiap watak ditunjukkan melalui pergerakan badan dan reaksi muka. Contohnya Ravi kelihatan bermasam muka setiap kali melihat Nelson. Kumar pula menunjukkan reaksi muka yang gelisah apabila mendapat tahu mereka mengalami masalah yang besar. Posisi tingkap yang dikatakan tempat tahanan bersembang dalam novel tidak ditunjukkan di dalam filem. Novel sentiasa menceritakan tempat tingkap itu sebagai tempat di mana tahanan dapat berjumpa saudara-mara, orang luar yang tidak dikenali dan tempat peredaran udara. Manakala, filem menunjukkan tingkap yang kecil itu berada di sudut atas dinding dan menunjukkan tahanan seperti terputus hubungan luar semasa mereka berada di dalam lokap.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan sebahagian peringkat naratif telah diubah. Pada peringkat verbal ke visual, didapati tempat semua watak dikekalkan dan lokasi lokap dalam novel diubah kerana peristiwa ini berlaku di luar bilik air dalam filem. Dalam peringkat enunsiasi, emosi Kumar dan kawan-kawannya ditunjukkan melalui teknik close-up. Tingkap juga dilihat di bahagian atas. Analisis ini didapati bahawa bab empat ini adalah adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.6 Analisis Adaptasi Bab Lima Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab lima novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa semua tahanan dibenarkan ke bilik air dalam novel. Naratif bab lima ini juga menggambarkan suasana mereka bersama tahanan-tahanan lain di lokap. Naratif ini terkandung di antara muka surat tiga puluh satu hingga tiga puluh tujuh dalam novel.

### 4.6.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Lima.

Seorang pegawai polis menghampiri pintu lokap dan mengira tahanan yang berada di dalam lokap pada pagi hari itu. Pegawai polis yang terserempak dengan Kumar berdekatan pintu lokap menanyakan tempat asal dan tujuannya berada di bandar Guntur. Kumar berasa kurang senang dan segan menjawab soalan pegawai polis itu. Semua tahanan meminta kebenaran pegawai polis itu untuk keluar ke bilik air. Mereka mengutuk dan memarahi pegawai itu apabila pegawai itu tidak melayan permintaan mereka. Ravi yang kelihatan ketakutan akan dipukul oleh pegawai polis tersebut cuba untuk menenteramkan mereka.

Nelson kelihatan terpaku. Kumar bersimpati terhadap Nelson kerana dia masih muda dan kemungkinan memberitahu nama mereka kepada pegawai polis dengan beranggapan boleh mendapat bantuan untuk keluar dari lokap. Setelah beberapa minit, seorang pegawai polis yang kelihatan marah membuka pintu lokap. Semua tahanan lari ke bilik air terbuka. Pegawai polis itu mengarahkan Kumar dan kawan-kawannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membuka pakaian. Semua tahanan tergesa-gesa membersihkan diri dan membuang air besar dan kecil. Kumar dan kawan-kawannya menunggu giliran mereka.

Pegawai polis mengarahkan semua tahanan duduk di atas tanah dalam barisan. Pegawai-pegawai polis yang berada di situ membincangkan tentang status beberapa tahanan lama yang masih berada di dalam lokap. Mereka semua dibelasah dengan cota dan dihantar balik ke lokap.

Kumar mendengar suara Tuan Mani dari luar tingkap lokap. Kumar bangun dan cuba melihat Tuan Mani yang berada di luar melalui tingkap. Tuan Mani kelihatan ketakutan dan gelisah tetapi tidak menunjukkannya kepada Kumar. Tuan Mani mengatakan bahawa inspektor tidak membenarkan dia berjumpa dengan mereka semalam. Tambah lagi, Tuan Mani memberitahu Kumar bahawa pihak polis menuduh Kumar dan kawan-kawannya merompak di kedai elektronik. Tuan Mani turut mengatakan bahawa Tuan Syed Karim tidak ada kenalan di balai polis Kotta Pettai ini. Kumar menyedari bahawa Tuan Mani tidak berupaya untuk membantu mereka. Seketika kemudian, makanan tengah hari telah dihantar kepada mereka.

Mereka kelaparan tetapi menyedari yang makanan tersebut tidak sedap dan kekurangan garam. Mereka menelan nasi yang tidak berkuah sebagai alas perut. Kumar pula tidak berselera untuk makan. Seorang pegawai polis menghantar rokok bidi yang diberikan oleh Tuan Mani semasa dia datang ke balai polis. Ravi mengagihkan rokok bidi itu kepada semua tahanan. Kumar tertidur keletihan walaupun hanya makan sedikit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.6.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Babak-babak dalam bab lima novel tidak mengalami perubahan yang ketara dalam filem. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengguguran dan penambahan dibuat dalam filem untuk mengekalkan naratif novel.

Naratif novel bab lima ini diadaptasikan dalam filem bermula pada minit ke sembilan belas. Babak novel yang menceritakan bahawa tahanan meminta keluar ke bilik air kerana ingin membuang air besar dan dimarahi oleh pegawai polis dikekalkan terus dalam filem. Hal ini membantu cerita dibawa dengan realiti hidup. Babak pegawai polis memukul setiap tahanan yang keluar ke bilik air dengan cota dikekalkan berdasarkan bab lima dalam novel Tamil *Lockup*. Seterusnya, babak tahanan-tahanan lama yang kelihatan merebut masuk ke bilik air terlebih dahulu dalam bab lima juga dikekalkan dalam filem. Babak ini menerangkan kekuasaan yang ditunjukkan oleh tahanan lama terhadap tahanan baharu. Begitu juga dengan babak Kumar, Ravi dan Moideen yang hanya menunduk kepala dan tidak berani bersemuka dengan pegawai-pegawai polis yang berada di situ. Babak perjalanan mereka dibawa balik ke lokap dalam barisan juga dikekalkan dalam filem seperti novel untuk membawa senario sebenar tahanan lokap. Seterusnya, babak dalam novel yang mengisahkan Tuan Mani kelihatan takut dan kurang mempercayai kata-kata Kumar semasa datang melawat mereka dikekalkan dalam filem. Babak Kumar yang terpaksa menerangkan situasi mereka kepada Tuan Mani dan memintanya membantu juga dikekalkan dalam filem. Tuan Mani yang memahami penjelasan itu, terus berjumpa dengan seorang pegawai polis Tamil dan menerangkan keadaan mereka yang tidak bersalah. Kesemua babak ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berjaya dikekalkan dalam medium filem kerana babak-babak ini penting bagi melancarkan perjalanan cerita.

Babak tahanan keluar masuk ke bilik air disebutkan beberapa kali berdasarkan novel kerana tempoh tahanan mereka adalah selama empat belas hari manakala hal itu hanya berlaku selama tiga hari dalam filem. Maka ulangan suasana yang sama tidak difilemkan setiap kali kerana tempoh perfileman adalah terbatas.

Babak pakaian Kumar dan kawan-kawan diminta ditanggalkan telah diadaptasikan terlebih dahulu di dalam bab dua. Perbincangan pegawai polis mengenai status tahanan-tahanan lama telah digugurkan kerana tidak ada babak yang khusus menunjukkan seperti itu dalam filem. Walau bagaimanapun, kelihatan perbincangan antara pegawai-pegawai polis berlaku di dalam beberapa babak filem. Babak pegawai polis memberikan rokok bidi yang dibelikan oleh Tuan Mani berdasarkan novel digugurkan dalam filem. Malah pegawai polis meminta Tuan Mani membelikan makanan untuk semua tahanan dalam filem. Hal ini terbukti dan menjustifikasikan pihak polis tidak bertimbang rasa terhadap orang awan.

Filem ditambahkan dengan babak Kumar dibantu oleh Sindhu yang bersimpati atas penahanan mereka. Sindhu telah sengaja meletakkan telefon bimbitnya di luar bilik air supaya Kumar dapat menghubungi kenalan di situ. Justeru, Kumar membuat panggilan telefon kepada Tuan Mani dan memaklumkan bahawa mereka telah ditahan di balai polis Krishna Puram. Babak-babak pertolongan ini ditambahkan dalam naratif filem agar penonton tidak salah anggap bahawa semua pegawai polis di situ bersifat tidak berperikemanusiaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mengikut verbal ke visual, didapati watak Kumar, Ravi, Moideen, Nelson, Mani, pegawai-pegawai polis, tahanan-tahanan yang terkandung dalam bab lima dikekalkan dalam filem. Manakala watak Sindhu yang membantu Kumar dan kawan-kawannya ditambahkan. Lokasi lokap dan bilik air dikekalkan seperti novel dalam filem.

Keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan peringkat naratif dikekalkan lebih sebahagiannya. Pada peringkat verbal ke visual, didapati tempat semua watak dikekalkan manakala watak Sindhu ditambahkan dalam filem. Lokasi lokap yang melibatkan perbincangan mereka dalam novel diubah dengan peristiwa itu berlaku di luar bilik air. Dalam peringkat enunsiasi, emosi setiap watak ditunjukkan melalui teknik pergerakan badan dan nada suara. Analisis ini menunjukkan bahawa bab lima ini adaptasi setia dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.7 Analisis Adaptasi Bab Enam Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai.*

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab enam novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa Kumar dan kawan-kawannya berada di dalam lokap pada hari ketiga. Naratif bab ini juga menceritakan suasana mereka bersama tahanan lain di dalam lokap itu. Naratif ini terkandung di antara muka surat tiga puluh lapan hingga empat puluh satu dalam novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.7.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Enam.

Pada lewat pagi, Ravi dan Moideen meletakkan wajah berhampiran dengan tingkap lokap. Nelson memerhatikan Kumar. Nelson kelihatan seperti seorang pengemis. Pintu lokap dibuka oleh seorang pegawai polis untuk tahanan-tahanan melaksanakan amalan pagi. Selepas balik ke lokap, Ravi bertanya kepada pegawai polis yang mengunci lokap tentang tujuan mereka ditahan dan tindakan seterusnya. Pegawai polis itu meminta mereka menunggu siasatan oleh inspektor nanti. Ravi memarahi pegawai itu sejurus dia beredar dari situ. Ravi memberi cadangan kepada Kumar supaya memberikan penjelasan kepada inspektor bahawa mereka tidak bersalah. Kumar sedar bahawa Ravi cuba untuk menenangkan diri. Pelawat-pelawat yang datang melawat tahanan-tahanan lain asyik bertanya tentang Kumar dan kawan- kawannya kepada mereka. Moideen cuba menjelaskan keadaan mereka kepada pelawat- pelawat yang berada di situ agar mendapat meraih simpati. Ravi berasa gelisah dengan memikirkan perkara yang akan berlaku kelak. Dia menunjukkan perasaannya dengan mencuba untuk menampar Nelson dengan geram sekali. Nelson mengelak lalu menyembunyikan dirinya berdekatan Kumar. Ravi kelihatan ketakutan memikirkan siasatan inspektor nanti. Seorang lelaki tua yang berumur dalam tujuh puluhan membawa bungkusan makanan tengah hari. Menurut seorang tahanan lama, lelaki tua itu merupakan bekas banduan dan kini menjadi perisik dan pembantu balai polis. Semua tahanan mula merebut untuk mendapatkan makanan masing-masing. Kesemua makanan habis dimakan dengan cermat walaupun tidak sedap. Kemudian, semua tahanan termasuk Moideen mula menyindir lelaki tua itu. Pada malam hari itu, kedengaran bunyi pintu lokap dibuka dengan kuat. Seorang tahanan dibawa keluar dan dibelasah teruk. Dia meraung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kesakitan. Semua tahanan yang berada di lokap kelihatan senyap apabila dia masuk semula ke dalam lokap dengan kesakitan.

### 4.7.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Babak-babak dalam bab enam ini mempunyai beberapa perubahan walaupun terdapat babak-babak yang dikekalkan dan ditambahkan dalam filem. Berdasarkan novel, bab enam lebih mengisahkan suasana yang berlaku di dalam lokap dalam tempoh sehari. Sebahagian babak dalam bab ini tidak diadaptasikan dalam filem. Hanya dua babak novel dikekalkan dalam filem. Antaranya ialah babak Ravi yang marah lalu hampir menampar Nelson dikekalkan pada minit ke dua puluh dan enam belas saat. Babak-babak yang mengatakan tahanan makan dengan cermat kerana hanya diberi makan sekali sehari dalam sepanjang novel juga diadaptasikan dalam filem dengan menunjukkan mereka hanya diberi makanan sekali sehari mengikut masa. Perkara itu yang memberi idea kepada Kumar supaya mereka memulakan puasa kemudiannya.

Kebanyakan babak yang terdapat dalam bab enam ini telah digugurkan dalam filem. Contohnya, keadaan Nelson seperti seorang pengemis tidak ditunjukkan dalam filem. Hal ini kerana, semua tahanan dalam filem kelihatan tidak terurus dan hanya memakai seluar pendek. Babak Ravi yang menanyakan tindakan seterusnya pihak polis terhadap mereka kepada seorang pegawai polis juga digugurkan kerana filem menunjukkan bahawa mereka memang menyedari masalah yang telah dihadapi. Babak Ravi yang dikatakan menenangkan diri dengan persediaan jawapan tentang hal yang sebenar iaitu salah sangka pihak polis terhadap mereka tidak diadaptasi dalam filem. Hal ini kerana mereka memang tidak dapat membuat sebarang andaian untuk membela

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diri kecuali menunggu bantuan Tuan Mani. Babak-babak kehadiran lelaki tua yang menjadi orang suruhan pihak polis sepanjang novel juga digugurkan kerana tidak ada keperluan ataupun kepentingan untuk watak itu dalam filem. Malah dalam filem, watak lelaki tua digantikan dengan watak seorang pegawai polis yang menghantar makanan. Beberapa peristiwa yang tidak terdapat dalam bab ini telah ditambahkan dalam filem. Contohnya, babak Kumar dan kawan-kawannya diberikan briyani semasa dipujuk untuk mengaku kesalahan pada minit ke dua puluh lima. Makanan itu tidak habis dimakan kerana mereka dipukul oleh seorang pegawai polis Tamil apabila Kumar meminta pegawai itu untuk membantu menerangkan situasi mereka kepada inspektor. Babak ini berkait dengan babak persediaan Ravi untuk memberi keterangan kepada inspektor seperti ditulis dalam bab ini dalam novel Tamil *Lockup*. Manakala, dalam filem, babak ini diubah dan ditambahkan sebagai Kumar yang meminta bantuan pegawai polis Tamil untuk menterjemahkan penerangan mereka kepada inspektor dalam bahasa Telugu. Babak seorang tahanan dipukul dalam bab ini pada waktu malam juga telah ditukarkan dan ditambahkan dengan babak lima orang tahanan yang mencuri dua buah motosikal dipukul dan dipaksa mengakui bahawa mencuri lima puluh dua buah motorsikal dalam filem. Novel menceritakan Kumar, Ravi, Moideen, Nelson dan tahanan lain terkejut dan senyap apabila seorang tahanan dipukul di luar lokap. Malah dalam filem pula, ditunjukkan Kumar dan kawan-kawannya duduk ketakutan di dalam lokap. Babak-babak ini diadaptasi atas keperluan menerangkan tipu helah pihak polis untuk menyelesaikan kes-kes mereka.

Pada peringkat verbal ke visual, keseluruhan watak serta lokasi lokap dikekalkan dalam filem untuk memberi gambaran asal novel kecuali watak orang tua dan lokasi bilik air. Bilik rehat pihak polis ditambahkan pada babak ini dalam filem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk menunjukkan lokasi khas pujukan mereka seperti mengambil berat terhadap tahanan.

Pada peringkat enunsiasi, bunyi tahanan meraung kesakitan dan perasaan ketakutan Ravi yang diceritakan dalam novel dikekalkan dalam filem. Misalnya, perasaan Ravi risau dan takut tentang perkara-perkara yang akan berlaku dikekalkan dalam beberapa babak sepanjang filem. Bunyi tahanan meraung kesakitan ditinggikan dengan nada suara berpanjangan yang mengerikan. Manakala perasaan marah lelaki tua digugurkan kerana watak lelaki tua tidak muncul dalam filem. Bayangan tahanan-tahanan dipukul di celah pintu telah ditambahkan dalam filem dengan cahaya lampu oren yang berkelip-kelipan untuk menunjukkan suasana realiti babak tersebut.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan peringkat naratif diubah lebih dari sebahagiannya. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan kecuali watak lelaki tua dan bilik air. Dalam peringkat enunsiasi pula emosi setiap watak ditunjukkan melalui teknik pergerakan badan dan nada suara. Analisis ini menunjukkan bahawa bab enam ini merupakan adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.8 Analisis Adaptasi Bab Tujuh Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab tujuh novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa siasatan dijalankan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Inspektor Sham Sunder terhadap Kumar dan kawan-kawannya pada hari keempat dalam novel. Naratif bab tujuh ini juga menggambarkan suasana mereka diseksa di lokap. Naratif ini terkandung di antara muka surat empat puluh dua hingga empat puluh sembilan dalam novel.

### 4.8.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Tujuh.

Lebih kurang pada pukul lapan atau sembilan pagi, didapati terdapat seorang tahanan membuang air besar dalam bilik lokap itu. Semua tahanan memarahi dan menuduh antara satu sama lain. Kumar mengesyaki tahanan baharu yang telah berbuat demikian. Tahanan baharu itu kelihatan tidak berani menunjukkan muka kepada mereka. Perkara tersebut dimaklumkan kepada lelaki tua. Lelaki tua itu memaki mereka dan menyampaikan perkara itu kepada seorang pegawai polis.

Pegawai polis membuka pintu dan memukul kesemua tahanan dengan cota sambil meminta mereka keluar ke bilik air. Semua tahanan menunggu di bawah pokok bersebelahan dengan bilik air sehingga lokap itu dicuci. Inspektor Sham Sunder telah sampai ke sana dan memanggil Kumar lalu meminta sesuatu dalam bahasa Telugu. Keseluruhan badan Kumar gementar kerana ketakutan. Kumar memberitahu dia tidak faham bahasa Telugu. Inspektor menyuruh mereka berempat masuk ke biliknya. Kumar dan kawan-kawannya masuk ke bilik Inspektor Sham Sunder dalam barisan. Cota dibawa bersama. Inspektor Sham Sunder memanggil Nelson dan meminta dia menceritakan perkara yang diberitahunya tempoh hari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nelson tegas dengan pendiriannya bahawa dia tidak bersalah. Inspektor Sham Sunder naik angin dengan penafian Nelson dan memukulnya bertubi-tubi. Kumar, Ravi dan Moideen merayu kepada inspektor dan memberitahu bahawa mereka tidak bersalah. Inspektor Sham Sunder tidak mendengar rayuan mereka lalu memanggil Ravi. Inspektor meminta Ravi untuk mengaku kesalahan. Ravi tidak bersedia mengaku kesalahan yang tidak dilakukannya. Inspektor Sham Sunder mula membelasah Ravi dengan teruk. Inspektor juga tidak berhenti menyoal mereka. Mereka tidak tahu apa yang perlu dijawab kerana mereka penat memberitahu bahawa mereka tidak terlibat dengan kes rompakan itu.

Keempat-empat mereka dibelasah dan dimaki dengan kata-kata kesat. Nelson dan Moideen meraung kesakitan. Inspektor Sham Sunder kelihatan letih akibat membelasah mereka tanpa berhenti. Dia meminta pegawai polis memasukkan mereka ke dalam lokap semula. Beberapa orang tahanan lama menasihati mereka supaya menggosok semua kesan calar-balar pada bahagian badan yang dipukul. Mereka memberitahu kesan lebam itu akan bengkak dan bernanah sekiranya tidak digosok. Kumar dan kawan-kawannya terpaksa menggosok kesan-kesan lebam itu walaupun teramat sakit. Moideen dibantu oleh tahanan lain untuk menggosok lebamnya. Nelson pula menangis kerana tidak dapat menahan kesakitan. Kumar dan Ravi duduk dengan ketakutan. Ravi memberitahu Kumar bahawa dia beranggapan inspektor akan melepaskannya jika menjerit dan menangis dengan kuat tetapi inspektor tidak menghiraukannya. Tahanan baharu bernama Disko meminta mereka supaya mengaku kesalahan supaya dapat dibawa ke mahkamah dan meminta dijamin. Ravi dan Moideen kelihatan memahami kepentingan mereka hadir ke mahkamah tetapi Kumar dan Nelson

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tidak tahu mengenai prosedur mahkamah. Kumar begitu ketakutan untuk mengaku kesalahan yang tidak dilakukannya.

### 4.8.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab tujuh novel Tamil *Lockup* ini juga memaparkan beberapa perubahan, pengekalan dan penambahan babak-babak yang penting dalam filem Tamil *Visaranai*.

Berdasarkan novel, bab tujuh lebih mengisahkan babak-babak tentang siasatan yang dilakukan oleh Inspektor Sham Sunder. Walau bagaimanapun, sebilangan babak siasatan dalam bab ini tidak diadaptasikan dalam filem. Enam babak yang penting daripada bab tujuh novel dikekalkan dalam filem. Bab ini mengisahkan Kumar dan kawan-kawannya dipanggil untuk disiasat oleh inspektor, manakala dalam filem ditunjukkan bahawa seorang pegawai polis Tamil membawa mereka ke bilik rehat balai polis dan berusaha untuk mendapatkan pengakuan palsu dalam kes rompakan itu. Pegawai polis Tamil dan beberapa orang polis yang kelihatan di bilik rehat itu memberikan kata-kata manis kepada Kumar dan kawan-kawannya. Babak novel yang mengatakan Kumar bercadang untuk menerangkan mereka tidak bersalah dikekalkan dalam filem. Contohnya, babak yang sama dalam filem menunjukkan Kumar meminta bantuan pegawai polis Tamil untuk menerangkan perkara sebenar kepada inspektor. Walau bagaimanapun, pegawai polis Tamil itu kecewa kerana tidak dapat pengakuan yang dikehendaki. Pegawai polis Tamil itu naik angin lalu membelasah Kumar dan kawan-kawannya. Kumar, Ravi, Moideen dan Nelson meraung kesakitan dan mengulangi bahawa mereka tidak bersalah. Babak Ravi menunjukkan kakinya yang lebam dikekalkan seperti yang diceritakan dalam novel. Seterusnya, perbincangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kumar dengan kawan-kawannya tentang penindasan pihak polis dalam novel dikekalkan dalam filem tanpa sebarang perubahan. Babak-babak ini membantu menjelaskan situasi Kumar dan kawan-kawannya yang berani kerana benar.

Beberapa babak yang terdapat dalam novel telah digugurkan dalam filem. Contohnya kisah tahanan yang membuang air besar di dalam lokap dan peristiwa-peristiwa berkaitannya tidak difokuskan dalam filem. Begitu juga babak Nelson disiasat dan dibelasah tidak diceritakan kerana digantikan dengan babak mereka berempat dipanggil berbincang di bilik rehat oleh pegawai polis Tamil. Nelson menceritakan bahawa dia terpaksa mengaku kesalahan kerana tidak tahan kesakitan semasa dibelasah. Nasihat tahanan lama meminta mereka untuk mengurut bahagian-bahagian badan yang lebam untuk mengurangkan kesakitan juga digugurkan. Watak Disko yang menceritakan pengalaman kehidupan dia dengan Kumar juga digugurkan kerana wataknya tidak muncul dalam filem. Watak ini digugurkan kerana tidak membawa sebarang kepentingan dalam naratif filem.

Babak Kumar dan kawan-kawannya diberi makan briyani ditambahkan dalam filem. Selain itu, babak pegawai polis Tamil berjanji mereka tidak akan diganggu atau dipukul sehingga dibawa ke mahkamah juga ditambahkan dalam filem. Babak-babak ini ditambahkan untuk mengurangkan durasi masa yang panjang dalam novel terhadap penerangan pihak polis untuk mendapat pengakuan mereka.

Pada peringkat verbal ke visual, watak Kumar, Ravi, Moideen, Nelson, pegawai polis dan tahanan-tahanan lain dikekalkan dalam filem. Lokasi bilik rehat balai polis dan lokap yang diceritakan pada novel juga dikekalkan dalam filem untuk membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perjalanan cerita mengenai aliran siasatan. Watak lelaki tua, Disko dan lokasi bilik air tidak ditunjukkan dalam filem kerana kekurangan kepentingannya.

Dari aspek enunsiasi, bab ini dalam novel menceritakan kisah sedih Kumar dan kawan-kawannya. Enunsiasi ini dikekalkan dengan latar muzik yang pilu semasa perbincangan dijalankan di antara mereka. Bunyi jeritan Kumar dan kawan-kawannya kekal memberi kesan yang sedih kepada penonton filem. Kesan mimpi Kumar dan keadaan cuaca panas yang diceritakan dalam novel tidak ditunjukkan dalam filem. Walau bagaimanapun, Kumar dan kawan-kawannya ditunjukkan berpeluh berkemungkinan kerana panas atau kekurangan peredaran udara di dalam lokap.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan peringkat naratif dikekalkan lebih sebahagiannya. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan kecuali watak orang tua, watak Disko dan lokasi bilik air. Dalam peringkat enunsiasi, kesan keperitan Kumar dan kawan-kawannya dirakamkan dengan muzik yang pilu dimainkan perlahan. Analisis ini didapati bahawa adaptasi bab tujuh ini bersifat setia dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.9 Analisis Adaptasi Bab Lapan Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab lapan novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan kisah Nelson dipukul dan dibawa keluar untuk siasatan lanjut. Naratif bab lapan ini juga menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di lokap selepas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nelson dibawa keluar dan dibawa masuk. Naratif ini terkandung di antara muka surat lima puluh hingga lima puluh lima dalam novel.

### 4.9.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Lapan.

Pintu lokap dibuka pada pukul lapan atau sembilan pagi. Semua tahanan bergegas ke bilik air. Kumar mencuci muka dan bermandi kerbau. Moideen kelihatan masih lemah tetapi kesan lebamnya semakin berkurangan. Pada masa yang sama, Nelson sedang membersihkan kasut pegawai polis yang berdiri di situ dengan bersungguh-sungguh. Semua tahanan dihantar balik ke dalam lokap. Seorang pegawai polis membuka pintu lokap dan memanggil Nelson supaya keluar. Nelson yang ketakutan berjalan keluar perlahan-lahan. Ravi runsing terhadap Nelson. Ravi percaya keadaan mereka tidak selamat sekiranya Nelson memberikan maklumat palsu yang dikehendaki polis. Tiba-tiba, kedengaran bunyi bising. Nelson telah dimarah. Nelson bercakap dengan bercampur aduk bahasa Telugu dan bahasa Tamil. Pada masa yang sama, kedengaran bunyi Nelson dipukul dengan semakin kuat. Kumar dan kawan-kawannya semakin ketakutan. Kumar menyedari bahawa pihak polis mahir dan mudah membuat siasatan secara berasingan walaupun dipercayai rompakan ini dibuat secara berkumpulan. Tiba-tiba, seorang pegawai polis meminta baju Nelson dari luar lokap. Kumar tidak dapat membayangkan keadaan Nelson apabila bajunya diminta. Dia menganggap Nelson dipukul sehingga mati atau pihak polis menghantar dia ke hospital. Ravi berazam membunuh Inspektor sekiranya sesuatu yang buruk berlaku kepada Nelson. Nelson dibawa keluar dari balai polis. Kumar, Ravi dan Moideen pula runsing apabila Nelson tidak dibawa balik ke lokap sehingga petang. Kumar merasakan tindakan sebegini adalah satu kaedah yang digunakan oleh pihak polis untuk membuatkan tahanan lokap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengaku kesalahan dengan cepat. Makanan telah sampai pada waktu tengah hari. Mereka menyimpan satu bungkusan makanan untuk Nelson. Nelson dihantar balik ke lokap sekitar pukul sembilan malam. Ravi dan kawan-kawannya yang lain bertanya perkara yang terjadi kepada Nelson. Nelson menceritakan semua perkara yang berlaku sehingga dia terpaksa mengaku mencuri kerana tidak ada pilihan kerana dipukul di khalayak ramai. Tambahan lagi, Nelson mengatakan bahawa pegawai polis telah membuat suatu simulasi kes rompakan ini dengan imaginasi mereka sendiri yang melibatkan Kumar, Ravi dan Moideen bersamanya. Rekaan cerita itu seolah-olah pihak polis sendiri menyaksikan rompakan itu. Ravi dan Moideen tidak berpuas hati dengan pengakuan Nelson kerana polis akan menuduh semula kesemua mereka sebagai perompak. Ravi yang marah mengesyaki Nelson melakukan rompakan ini dengan bantuan kawan-kawannya yang lain. Nelson menjelaskan bahawa dia terpaksa mengaku tuduhan kerana malu dipukul di khalayak ramai. Kumar sedia mengetahui Nelson tidak mempunyai kawan-kawan lain melainkan mereka. Kumar mengenali Nelson dengan sikapnya yang suka bergurau. Nelson juga memberitahu dia telah dibawa melalui laluan Gerai Teh Tuan Syed Karim. Tambahnya lagi, dia berpeluang minum dan makan bersama pegawai polis. Kumar dan Moideen menceritakan situasi yang berlaku selepas dia dibawa keluar dari lokap. Mereka semua bersembang lama dan tertidur.

### 4.9.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab lapan novel Tamil *Lockup* ini mempunyai beberapa penambahan dari segi perubahan jalan cerita walaupun terdapat babak-babak yang dikekalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan novel, bab lapan mengisahkan siasatan yang dilakukan oleh pihak polis terhadap Nelson. Kebanyakan babak dalam bab ini tidak diadaptasikan dalam filem sepenuhnya. Hanya satu babak sahaja dikekalkan dalam filem mengikut naratif novel. Lakonan simulasi rompakan oleh pegawai polis dikekalkan seperti dalam novel tetapi mengalami sedikit perubahan dalam filem. Lakonan pihak polis itu dilakukan oleh Inspektor Sham Sunder selepas Kumar dan kawan-kawannya membuat pengakuan paksaan dalam filem. Manakala, mengikut novel lakonan simulasi itu dibuat oleh seorang pegawai polis yang hanya membawa Nelson sahaja ke lokasi rompakan iaitu sebuah kedai elektronik.

Beberapa babak yang terdapat dalam novel telah digugurkan dalam filem. Contohnya, babak di persekitaran bilik air termasuk Nelson yang gigih membersihkan kasut seorang pegawai polis telah digugurkan dalam filem. Babak Nelson yang dibawa keluar dari balai polis untuk siasatan juga digugurkan. Babak ini ditambahkan dengan babak mereka semua dibawa ke sebuah banglo di Brintavana Koloni untuk menerangkan simulasi rompakan yang tidak dilakukan oleh mereka. Lakonan simulasi Inspektor Sham Sunder ditambahkan dalam filem untuk menunjukkan bahawa pihak polis sengaja mereka perkara yang tidak dilakukan oleh Kumar dan kawan-kawannya. Babak-babak ini diadaptasi untuk menggantikan naratif novel yang panjang semasa Nelson dibawa keluar ke lokasi rompakan.

Dari segi verbal ke visual, watak Kumar, Ravi, Moideen, Nelson dan pegawai-pegawai polis telah dikekalkan dalam filem sama seperti yang terdapat pada novel. Walau bagaimanapun, watak Inspektor Sham Sunder dan pemilik banglo ditambahkan dalam filem untuk memberi realiti atas keperluan kes rompakan itu. Lokasi balai polis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dikekalkan seperti dalam novel manakala lokasi kedai elektronik digugurkan dalam filem. Banglo Brintavana Koloni ditambahkan dalam filem untuk mengisahkan kes rompakan berlaku di situ mengikut filem. Balai Polis Lala Pettai dan Gerai Teh Tuan Syed Karim yang diceritakan dalam novel tidak ditunjukkan dalam filem atas kekurangan kepentingan lokasi itu dalam filem.

Dari aspek enunsiasi, bab ini mengekalkan emosi paksaan dan pergerakan badan Kumar dan kawan-kawannya ditambahkan semasa simulasi dibuat. Kejadian berlakunya rompakan dirakam melalui pergerakan kamera seiring dengan simulasi tersebut. Pergerakan kamera memberi gambaran yang menyeluruh tentang simulasi rompakan ini secara jelas bersama dengan iringan muzik.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan peringkat naratif digugurkan lebih dari sebahagiannya dalam filem. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan kecuali lokasi kedai elektronik digugurkan dan banglo Birintavana Koloni ditambahkan. Dalam peringkat enunsiasi, emosi dan pergerakan badan mereka dirakamkan dengan iringan muzik. Analisis ini didapati bahawa bab lapan ini adalah adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.10 Analisis Adaptasi Bab Sembilan Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab sembilan novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan siasatan lanjutan yang dilakukan terhadap Kumar dan kawan-kawannya. Naratif bab sembilan ini juga menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa dan selepas mereka dibelasah. Naratif ini terkandung di antara muka surat lima puluh lapan hingga enam puluh enam dalam novel.

### 4.10.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Sembilan.

Kumar, Ravi, Moideen dan Nelson dipanggil keluar sekitar pukul sepuluh pagi. Kumar berasa keseluruhan badannya gementar ketakutan. Mereka telah dibawa ke bilik belakang balai polis. Inspektor Sham Sunder dan seorang pencatat pengakuan menunggu kehadiran mereka. Inspektor Sham Sunder memberitahu bahawa Nelson telah mengaku kesalahan dan meminta Kumar, Ravi dan Moideen untuk membuat pengakuan. Suara inspektor yang lantang telah menambahkan denyutan jantung Kumar. Mereka menjawab bahawa mereka tidak terlibat dalam rompakan itu. Nelson berlakon seperti mengaku kesalahan kerana ketakutan. Kumar dan Nelson dibelasah bergilir-gilir dengan cota. Ravi dan Moideen pula dibelasah oleh seorang lagi pegawai polis. Inspektor menendang Moideen dan memijak bahagian pinggangnya. Inspektor mengambil keputusan untuk menggantungkan kaki mereka dengan tali. Mereka menyediakan tali berwarna putih yang panjangnya sepuluh kaki. Kaki mereka diikat dan dinaikkan ke atas seperti bentuk ‘V’. Badan mereka terlantar di atas lantai dalam bentuk ‘L’ dengan kaki tergantung ke atas manakala kepala dan bahagian belakang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


badan dibiarkan atas lantai. Nelson tidak diikat dan dia hanya memerhatikan kawan-kawannya yang dipukul dengan menggunakan cota di tapak kaki. Mereka dipukul bertubi-tubi dengan kuat tanpa berhenti. Setiap pukulan pegawai polis membuatkan keseluruhan badan Kumar, Ravi dan Moideen bergetar dan kepala mereka terhentak di atas lantai. Mereka menjerit sekuat hati, tetapi tidak dihiraukan oleh pegawai polis. Pegawai polis memukul mereka bergilir-gilir dengan ganas. Tapak kaki mereka tidak terlepas daripada setiap pukulan itu. Kumar tidak dapat mengira bilangan pukulan yang diterima. Dia tidak ada masa untuk berfikir. Pegawai polis bercadang untuk berehat sebentar kerana gagal mendapat pengakuan daripada mereka walaupun dibelasah teruk. Kumar cuba untuk melonggarkan badan tetapi tidak dapat bertindak mahupun bergerak. Kumar sedar bahawa pukulan ini adalah untuk melemahkan minda dan membuat mereka mengaku bersalah. Pihak polis memastikan tahanan mereka tidak berfikiran waras untuk memudahkan tugas mereka supaya tahanan mengaku kesalahan. Kumar, Ravi dan Moideen didera dan dipaksa berjalan keluar walaupun dibelasah dengan teruk. Mereka tidak dapat berjalan seperti biasa dan bersandar pada sebatang pokok di perkarangan balai polis. Ravi berasa ketakutan bahawa pihak polis akan membunuh mereka sekiranya tidak mengaku rompakan itu.

### 4.10.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab sembilan ini mempunyai beberapa persamaan walaupun terdapat babak-babak yang digugurkan dan ditambahkan dalam filem.

Berdasarkan novel, bab sembilan mengisahkan siasatan yang dilakukan oleh Inspektor Sham Sunder terhadap Kumar dan kawan-kawannya. Kebanyakan babak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam bab ini telah diadaptasikan dalam filem pada minit ke 21. Contohnya, babak ini dimulakan dengan babak Inspektor Sham Sunder memanggil Kumar dan kawan-kawannya untuk sesi siasatan apabila mendapati mereka tidak bersedia mengaku bersalah dalam kes rompakan itu. Kaki mereka diikat dalam bentuk 'V' dan dipukul bertubi-tubi. Mereka meraung dengan kuat kerana tidak dapat menahan sakit. Badan dan kepala mereka terhentak kuat di atas lantai. Inspektor Sham Sunder tidak menghiraukan keadaan mereka dan memukul mereka sehingga dirinya menjadi penat. Kumar, Ravi dan Moideen dipaksa berjalan oleh Inspektor Sham Sunder dan pegawai-pegawai polis untuk mengelak pembekuan darah. Babak di mana Nelson hanya dibelasah dan dia tidak diikat menurut novel telah digugurkan dalam filem. Babak itu digantikan dengan babak kaki Nelson juga diikat dan dipukul bersama. Babak Ravi dipijak di atas muka oleh Inspektor Sham Sunder juga telah ditambahkan. Babak-babak ini mengekalkan perasaan yang seram kepada penonton. Penonton juga bersimpati terhadap Kumar dan kawan-kawannya seperti pembaca novel.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak dalam bab ini dikekalkan dalam filem. Tidak ada watak yang digugurkan atau ditambahkan kerana setiap watak memainkan peranan masing-masing dalam babak ini. Lokasi bilik air dikekalkan seperti dalam novel dan lokasi mereka diikat dan dipukul di sebuah tempat lapang dalam perkarangan balai polis diubah ke bilik rehat polis. Hal ini kerana dalam filem, lokasi balai polis terletak berhampiran dengan sekolah dan kawasan perumahan. Maka, Inspektor Sham Sunder tidak mahu orang awam mengetahui penindasan yang berlaku di dalam balai polis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dari aspek enunsiasi, bunyi merotan Kumar dan kawan-kawannya memberi satu impak yang kuat kepada penonton. Pergerakan badan Inspektor Sham Sunder dan pegawai-pegawai polis yang memukul Kumar dan kawan-kawannya dirakamkan dari sudut jauh dan juga sudut dekat untuk memberikan kesan yang mendalam kepada suasana berkenaan. Kesan peluh yang terdapat pada baju dan muka inspektor serta pegawai polis menunjukkan bahawa mereka membelasah Kumar dan rakan-rakannya bagi tempoh masa yang agak lama. Muzik yang seram dimainkan dalam babak ini untuk memberi kesan cemas kepada penonton. Melalui enunsiasi ini, penonton dapat merasakan emosi dan kesengsaraan Kumar dan kawan-kawannya.

Secara kesimpulannya, analisis di atas menunjukkan peringkat naratif telah dikekalkan lebih sebahagian besar dalam filem berkenaan. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan kecuali lokasi kawasan lapang balai polis digugurkan dan bilik rehat balai polis pula ditambahkan. Dalam peringkat enunsiasi, emosi dan pergerakan badan setiap watak dirakamkan dengan muzik yang bersesuaian. Jadual dan analisis ini menjelaskan bahawa bab sembilan ini adalah adaptasi setia dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.11 Analisis Adaptasi Bab Sepuluh Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab sepuluh novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan sambungan keadaan Kumar dan kawan-kawannya selepas dibelasah. Naratif bab sepuluh ini juga menceritakan keputusan yang diambil oleh mereka untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berpuasa pada keesokan hari. Naratif ini terkandung di antara muka surat enam puluh tujuh hingga tujuh puluh tiga dalam novel.

### 4.11.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Sepuluh.

Nelson cuba membantu kawan-kawannya yang tercedera. Malangnya, dia tidak tahu cara untuk membantu mereka. Pada masa yang sama, seorang pegawai polis bermisai besar meminta mereka supaya bangun. Mereka tidak dapat berdiri. Pegawai polis itu, meminta mereka berlari supaya kaki mereka tidak lebam kebiruan. Sekali lagi, pegawai polis itu meminta Kumar dan rakan-rakannya mengaku kesalahan. Dia mengugut mereka dengan mengatakan mereka akan kehilangan kaki sekiranya dipukul lagi seperti tadi. Mereka dihantar balik ke lokap sekitar pukul tiga petang. Makanan mereka tidak diusik dan Disko meminta mereka makan. Sudah masuk hari ketujuh mereka berada di balai polis itu. Tidak ada sesiapapun yang datang membantu mereka. Kumar dan kawan-kawannya membincangkan keadaan malang mereka dalam lokap itu. Mereka tidak dapat meneka tujuan sebenar pegawai polis meminta mereka mengaku terlibat dengan kes rompakan itu. Tetapi Kumar menyedari bahawa pihak polis sedang dalam proses menutup beberapa kes rompakan dengan menindas dan menganiaya mereka. Kumar sangsi dengan tindakan pihak polis yang masih memberikan makanan kepada mereka walaupun tidak mengaku tuduhan. Kumar mencadangkan supaya mereka menolak makanan yang diberikan seperti yang berlaku dalam kehidupan Bagath Singh, salah seorang tokoh kemerdekaan India. Kumar juga sedar bahawa pihak polis hendakkan mereka terus hidup untuk menyelesaikan kes rompakan ini. Oleh hal demikian, Kumar tetap dengan pendiriannya dengan tidak akan mengaku kesalahan yang tidak dibuatnya. Kumar mengambil keputusan untuk berpuasa dengan menolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


makanan bermula keesokan hari. Ravi, Moideen dan Nelson bersetuju dengan keputusan Kumar. Walaupun sudah larut malam, Kumar tidak dapat melelapkan mata. Dia cuba tidur sambil memicit kakinya yang sakit dan lebam. Keletihan dan kesakitan yang berterusan membuatkan mereka terlelap.

### 4.11.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab sepuluh ini mempunyai beberapa persamaan walaupun terdapat babak-babak yang digugurkan dan ditambahkan dalam filem. Berdasarkan novel Tamil *Lockup*, bab sepuluh mengisahkan tentang keadaan Kumar dan kawan-kawannya selepas kaki mereka diikat dan dipukul oleh Inspektor Sham Sunder.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Kebanyakan babak dalam bab ini telah diadaptasikan dalam filem. Contohnya, babak ini dimulakan dengan kesinambungan Kumar dan kawan-kawannya dipukul dengan mengikat kaki dalam bentuk ‘V’. Di situlah pegawai polis meminta mereka berlari untuk mengelakkan darah membeku di bahagian kaki dan menggugut mereka supaya mengaku kesalahan. Babak ini yang menceritakan Kumar berbincang kepentingan mereka terus hidup kepada pihak polis telah dikekalkan dalam filem. Babak Kumar sedar tentang polis ingin menutup kes rompakan dengan menuduh mereka bersalah juga dikekalkan dalam filem. Contohnya, Kumar memberitahu Ravi bahawa nyawa mereka penting kepada pihak polis untuk menyelesaikan kes rompakan itu. Babak-babak novel ini dikekalkan sehingga keputusan Kumar dan kawan-kawannya untuk mengelakkan diri daripada makan. Dalam pada itu, mereka mengambil keputusan untuk tidak mengaku tuduhan pihak polis dalam filem seperti dalam babak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


novel. Babak Nelson yang mencuba untuk membantu Kumar, Ravi dan Moideen sahaja digugurkan kerana mengikut filem Nelson juga dipukul dalam babak ini.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak dikekalkan seperti yang terdapat dalam bab ini dalam novel. Tidak ada watak yang digugurkan atau ditambahkan. Lokasi lokap dikekalkan seperti dalam novel. Hal ini kerana, balai polis terletak berhampiran dengan sekolah dan kawasan perumahan. Walau bagaimanapun, babak Kumar dan kawan-kawannya dipaksa berlari dan diugut dirakamkan dalam bilik rehat balai polis dalam filem.

Dari aspek enunsiasi, babak Kumar menerangkan kepentingan mereka untuk mengelakkan makanan melalui dialog yang beremosi dikekalkan. Dalam filem, kelihatan pergerakan badan Kumar dan kawan-kawannya dirakamkan dari sudut dekat. Posisi badan mereka yang tidak dapat duduk dengan betul menunjukkan mereka dibelasah dengan teruk. Muzik yang dimainkan dalam babak ini juga memberikan kesan yang sedih dan meraih belas kasihan penonton. Melalui enunsiasi ini, penonton dapat memahami keadaan fizikal dan mental Kumar dan kawan-kawannya.

Secara keseluruhan, analisis di atas menunjukkan sebahagian besar peringkat naratif dikekalkan. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan, manakala bilik rehat balai polis ditambahkan. Dalam peringkat enunsiasi emosi dan pergerakan badan setiap watak dirakamkan dengan muzik latar yang bersesuaian. Analisis ini memutuskan bab sepuluh ini adalah adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.12 Analisis Adaptasi Bab Sebelas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab sebelas novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan keadaan Kumar dan kawan-kawannya selepas mengambil keputusan untuk berpuasa. Naratif bab sebelas ini juga menceritakan perasaan ketakutan dan kerisauan mereka atas keputusan itu. Naratif ini terkandung di antara muka surat tujuh puluh empat hingga lapan puluh dua dalam novel.

### 4.12.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Sebelas.

Kumar dan kawan-kawannya tidak banyak bercakap pada pagi ini. Kumar berasa semua pegawai polis memerhatikan dirinya. Lelaki tua mengira bilangan tahanan yang berada dalam lokap untuk membeli makanan. Kumar tidak memberikan sebarang maklumat tentang keputusan mereka kepada lelaki tua itu. Kumar menduga sesuatu yang buruk akan berlaku sekiranya enggan makan makanan yang diberikan. Semua tahanan termasuk Kumar mengambil makanan yang dibawa oleh lelaki tua. Kumar meletakkan bungkusan makanan di penjuru lokap. Tahanan-tahanan lama memaksa mereka supaya makan makanan itu, tetapi Kumar dan kawan-kawannya enggan makan makanan tersebut. Disko memaklumkan bahawa Kumar dan kawan-kawannya tidak makan makanan itu kepada seorang pegawai polis yang memberikan air. Kumar memberitahu bahawa mereka tidak bersalah dan tidak mahu makan kepada pegawai polis itu. Pegawai polis itu berasa marah. Beberapa orang pegawai polis kelihatan mundar-mandir selepas perkara tersebut tersebar di balai polis itu. Moideen kelihatan sedih dan berasa lapar. Mereka hanya meminum air sahaja. Seorang tahanan lama dalam lokap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


itu meminta mereka supaya makan sebelum Inspektor Sham Sundar tiba di balai polis. Tambahnya lagi, mereka tidak akan mempunyai tenaga dan tidak dapat menahan kesakitan jika dibelasah semula oleh inspektor. Tahanan itu juga menunjukkan kesan lebam yang dialaminya. Nelson amat ketakutan dan khuatir akan dibunuh oleh inspektor itu. Moideen turut takut lalu mengatakan dia akan dipukul terlebih dahulu kerana pihak polis tidak menyukainya dan menganggap dia sebagai ketua kumpulan mereka. Suasana menunjukkan waktu senja. Pegawai pencatat aduan datang dan meminta mereka makan.

### 4.12.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab sebelas novel Tamil *Lockup* ini mempunyai beberapa perbezaan walaupun terdapat babak-babak yang dikekalkan dan ditambahkan dalam filem.

Berdasarkan novel, bab sebelas mengisahkan tentang keadaan Kumar dan kawan-kawannya selepas sehari mereka mengambil keputusan untuk tidak makan. Babak-babak dalam bab ini telah diadaptasikan dalam filem pada minit ke 28. Contohnya, babak ini dimulakan dengan kesinambungan babak yang menceritakan keputusan Kumar dan kawan-kawannya untuk mengelak daripada makan. Babak seorang tahanan mengadu bahawa Kumar dan kawan-kawannya enggan makan kepada pegawai polis dikekalkan dalam filem untuk membantu perjalanan cerita. Babak Kumar memberitahu bahawa mereka tidak bersalah dan enggan makan juga dikekalkan seperti di dalam novel. Seterusnya babak Moideen kelihatan sedih dan kelaparan dikekalkan dengan menunjukkan keempat-empat mereka dalam situasi yang sama. Walau bagaimanapun, beberapa babak yang diceritakan dalam novel telah digugurkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


filem untuk mengurangkan durasi filem. Contohnya, Kumar berasa gementar apabila menganggap pegawai-pegawai polis yang mundar-mandir di depan pintu lokap memerhatikannya. Begitu juga dengan babak Kumar yang menduga sesuatu perkara buruk akan berlaku sekiranya mereka enggan makan. Berdasarkan filem, babak ini diubah kepada babak di mana mereka memang menduga pihak polis akan membuat sesuatu yang tidak diingini. Bab ini mengatakan Kumar mengambil dan meletakkan makanan di penjuru lokap manakala, dalam filem mereka tidak mengusik makanan tersebut. Babak pegawai polis berasa marah atas perbuatan mereka yang menolak makanan dikekalkan seperti dalam novel tetapi, dalam filem kelihatan pegawai polis yang marah itu menendang Nelson. Babak tahanan-tahanan lama meminta Kumar dan kawan-kawannya makan dan menunjukkan kesan lebam yang dialami oleh mereka kerana dipukul oleh pihak polis tidak diadaptasikan. Hal ini kerana, tahanan-tahanan kelihatan memang mempunyai kesan-kesan lebam dan tidak bertenaga sepanjang berada di balai polis. Perasaan Ravi, Moideen dan Nelson khuatir akan dipukul oleh pihak polis telah digugurkan dan ditambahkan dengan mereka kelihatan sebegitu sepanjang masa berada di situ.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak dikekalkan seperti dalam novel. Watak lelaki tua dan watak pegawai pencatat aduan digugurkan. Lokasi lokap dikekalkan seperti bab sebelas dalam novel.

Dari aspek enunsiasi pula, emosi Kumar dan kawan-kawannya yang takut dengan pegawai-pegawai polis dikekalkan dalam filem. Hal ini jelas kelihatan apabila mereka terkejut dan mengelak diri dari dipukul oleh pegawai polis yang menendang Nelson. Muzik yang dimainkan dalam babak ini juga memberi kesan yang menyentuh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hati penonton. Melalui enunsiasi ini, penonton dapat memahami keadaan fizikal dan mental Kumar dan kawan-kawannya.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan sebahagian peringkat naratif bab sebelas ini diubah. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan. Watak pegawai penulis pencatat aduan dan lelaki tua sengaja digugurkan kerana watak itu tidak ada keperluan dalam filem. Dalam peringkat enunsiasi, emosi dan pergerakan badan setiap watak dirakamkan dengan muzik yang bersesuaian. Analisis ini didapati bahawa bab sebelas ini menunjukkan adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.13 Analisis Adaptasi Bab Dua Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab dua belas novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan keadaan Kumar dan kawan-kawannya selepas mengambil keputusan untuk tidak makan. Naratif bab dua belas ini juga menceritakan perasaan ketakutan mereka atas keputusan itu. Naratif ini terkandung di antara muka surat lapan puluh tiga hingga sembilan puluh satu dalam novel.

### 4.13.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Dua Belas.

Balai polis beroperasi seperti biasa. Kumar masih berasa ketakutan atas tindakannya yang memberontak tanpa makan. Ravi dan Moideen bangun awal pada hari itu. Nelson

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masih menutup muka dengan sarung seperti biasa. Semua tahanan lain memerhatikan Kumar.

Disko membuang air kecil di dalam lubang yang terdapat pada dinding di lokap disusuli oleh tahanan-tahanan lain. Pegawai polis memarahi semua tahanan disebabkan bau hancing yang kuat. Semua tahanan diarahkan keluar dari lokap untuk membersihkan diri.

Kumar memerhatikan suasana di luar balai. Kelihatan orang ramai yang berjalan di luar balai polis dan di kawasan perumahan. Dia berangan-angan kalau seseorang boleh datang untuk menolong mereka. Kumar masuk balik ke lokap dengan hati yang berdebar-debar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumar dan Ravi berbincang mengenai tindakan mereka yang berpuasa. Mereka keliru inspektor tidak mempedulikan tindakan mereka ataupun pihak polis sengaja membiarkan mereka berpuasa. Kumar percaya pihak polis sudah memaklumkan perbuatan mereka kepada inspektor. Mereka beranggapan pihak polis tidak tergugat dengan tindakan mereka. Namun, Kumar menegaskan mereka terpaksa berpuasa kerana itulah satu satunya cara yang selamat untuk memberontak dan mereka tidak ada pilihan lain.

Seperti biasa, makanan mereka diletakkan di penjuru bilik lokap. Moideen pula membuka makanan yang diberi semalam dan menghidu bau makanan. Ravi menyindir tindakan Moideen. Moideen berasa serba salah lalu meletakkan makanan tersebut di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tempat asalnya. Akibat kelaparan berpanjangan, Nelson pula dapat menghidu bau puntung rokok yang terjumpa di atas lantai.

Lelaki tua datang seperti biasa untuk mengira bilangan bungkusan makanan yang perlu dibelikan. Disko meminta lelaki tua untuk membeli empat bungkusan makanan sahaja. Dia menunjukkan bungkusan makanan semalam yang tidak disentuh sejak semalam. Lelaki tua berasa bengang dan mengadu perkara itu kepada pegawai pencatat aduan. Mereka berdua kelihatan seperti bertikam lidah. Kumar dan kawan-kawannya ketakutan akan dibelasah nanti.

### 4.13.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Berdasarkan novel, bab dua belas ini mengisahkan suasana yang berlaku di dalam lokap semasa mereka memulakan puasa. Kebanyakan babak dalam bab ini tidak diadaptasikan dalam filem. Hanya babak Kumar dan kawan-kawannya kelaparan dikekalkan dalam filem. Novel mengisahkan Moideen dan Nelson kelihatan membuat beberapa tindakan untuk menunjukkan mereka kelaparan. Contohnya, babak Moideen menghidu bau masakkan dari restoran luar balai polis ditunjukkan pada tiga puluh minit dan dua saat dalam filem. Ravi membalas bahawa dia boleh mencium bau masakkan itu melalui seluruh badannya. Nelson juga memberitahu cadangannya untuk menamatkan puasa kepada Ravi. Babak-babak ini diadaptasi untuk menunjukkan keperitan Kumar dan kawan-kawannya yang berada dalam situasi yang cemas seperti dalam novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Beberapa babak yang terdapat dalam bab ini pada novel telah digugurkan dalam filem. Hal ini kerana babak-babak ini tidak mempunyai kepentingan dalam filem. Contohnya, babak kesemua tahanan yang sentiasa memerhatikan tindakan Kumar dan kawan-kawannya, terutama apabila mereka mula berpuasa digugurkan dalam filem. Seterusnya babak pegawai polis mengarahkan semua tahanan keluar ke bilik air kerana bilik lokap berbau hancing juga digugurkan dalam filem. Suasana di luar balai polis dan kesangsian Kumar yang kurang pasti sama ada perbuatan mereka diberitahu kepada inspektor atau tidak juga digugurkan untuk mengurangkan durasi filem. Babak Moideen yang membuka bungkusan makanan yang basi dan Nelson yang menghidu rokok bidi juga digugurkan kerana babak ini telah digantikan dengan babak mereka baring kelaparan pada minit ke tiga puluh dan dua saat. Babak lelaki tua marah apabila makanan yang dibelinya tidak dimakan juga tidak ditunjukkan dalam filem kerana wataknya telah digugurkan dalam filem dari awal lagi. Beberapa babak yang tidak terdapat dalam novel telah ditambahkan dalam filem. Contohnya, babak Moideen menghidu bau makanan yang masuk dari luar balai polis dan meminta supaya mereka makan. Hal ini ditambahkan dalam filem untuk menunjukkan kesan kelaparan mereka difahami oleh penonton.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak dikekalkan seperti dalam novel. Watak Disko, lelaki tua dan watak pegawai pencatat aduan digugurkan dalam filem. Lokasi lokap seperti bab dua belas dalam novel dikekalkan dalam filem.

Dari aspek enunsiasi, babak kelaparan Ravi, Moideen dan Nelson dikekalkan. Hal ini jelas kelihatan apabila Ravi, Moideen dan Nelson menghidu bau makanan dari luar balai polis. Muzik yang dimainkan dalam babak ini memberi kesan prihatin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


terhadap mereka yang berkelaparan. Melalui enunsiasi ini, penonton dapat memahami keadaan fizikal dan mental Kumar dan kawan-kawannya.

Secara keseluruhan, analisis di atas menunjukkan sebahagian peringkat naratif bab ini digugurkan dan sebahagian lagi diubah. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan. Watak Disko, lelaki tua dan pegawai pencatat aduan digugurkan kerana watak-watak itu tidak ada keperluan dalam filem. Dalam peringkat enunsiasi, emosi dan pergerakan badan setiap watak dirakamkan dengan muzik yang bersesuaian. Analisis ini didapati bahawa adaptasi bab sepuluh ini adalah adaptasi longgar dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.14 Analisis Adaptasi Bab Tiga Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab tiga belas novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan keadaan Kumar dan kawan-kawannya selepas mengambil keputusan untuk tidak makan. Naratif bab ini juga menceritakan perasaan ketakutan mereka atas keputusan itu. Naratif ini terkandung di antara muka surat sembilan puluh dua hingga sembilan puluh tujuh dalam novel.

### 4.14.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Tiga Belas.

Kedengaran bunyi kasut berdekatan pintu. Kumar dan kawan-kawannya merapatkan diri dengan dinding lokap. Pegawai pencatat aduan bertanya sama ada mereka hendak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


makanan atau tidak. Mereka tidak menjawab dan hanya membisu sahaja.

Pegawai pencatat aduan itu berpesan kepada lelaki tua supaya membeli empat bungkusan makanan sahaja untuk tahanan lain. Dalam hatinya, Ravi membuat keputusan bahawa pegawai polis tidak kisah tentang keadaan mereka. Ravi mengutuk sikap lelaki tua itu dan memastikan bahawa perkara ini masih belum disampaikan kepada inspektor oleh pegawai-pegawai polis. Mereka berbincang semula untuk memberikan balik bungkusan makanan yang disimpan sejak semalam.

Kumar berfikir panjang tentang sikap dan perkara yang dilakukan oleh inspektor. Inspektor Sham Sunder itu kelihatan seperti orang yang bengis dan berumur dalam lingkungan empat puluhan serta berbadan besar. Dia juga sentiasa menggunakan kata-kata kesat. Dia mendalami cara terperinci memukul tahanan di lokap sehingga daging dan tulang tahanan kelihatan tercedera. Kumar juga mengimbas kembali cara-cara dia diikat dan dipukul sehingga tidak dapat berjalan.

Kumar percaya orang-orang di situ tidak tahu alamat dan kampung halamannya. Dia berasa lega sekiranya mati dalam tahanan kerana berita itu tidak akan disampaikan kepada ahli keluarganya. Walau bagaimanapun, Kumar berazam untuk membunuh Inspektor Sham Sunder sekiranya dia menjadi cacat akibat didera.

Ravi memerhatikan gelagat Kumar dan berpesan agar Kumar tidak risau. Ravi meminta Kumar untuk menyampaikan segala perkara yang berlaku dalam tahanan kepada hakim sekiranya dia mati dalam lokap. Ravi juga berasa kecewa terhadap Tuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Syed Karim dan Tuan Mani yang tidak membantu mereka. Dia menyesal kerana Kumar tidak mengendahkan cadangannya untuk mereka ke Delhi. Moideen menyambung lagi dengan menyatakan hajatnya bahawa dia boleh mengikut Ravi ke Delhi. Ravi pula menolak cadangan itu. Sebenarnya Ravi cukup risau untuk berkawan semula dengan Moideen dan Nelson. Moideen berasa kecewa dan malu.

Apabila makanan tengah hari sampai ke lokap, lelaki tua merenung mereka seketika. Dia berasa pelik dengan tindakan Kumar dan rakan-rakannya. Tahanan lain juga cuba memujuk mereka. Mereka menolak dengan rasa berterima kasih. Tahanan lain memuji Kumar dan rakan-rakannya yang cukup bersemangat atas tindakan mereka.

### 4.14.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan novel, bab tiga belas ini mengisahkan suasana yang berlaku di dalam lokap selepas sehari mereka memulakan puasa. Kebanyakan babak dalam bab ini tidak diadaptasikan dalam filem.

Hanya babak Kumar yang menceritakan tentang paras rupa dan perwatakan Inspektor Sham Sunder sahaja dikekalkan dalam filem. Contohnya, Inspektor Sham Sunder dikatakan seorang yang berumur empat puluhan yang berbadan besar, kuat, kejam dan bengis dikekalkan sepanjang filem. Inspektor Sham Sunder bersifat kejam terhadap Kumar dan kawan-kawannya kerana terpaksa menyelesaikan kes rompakan itu. Walau bagaimanapun, filem mengisahkan Inspektor Sham Sunder seorang yang prihatin. Contohnya, babak inspektor tidak kesampaian hati untuk membelasah Kumar,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ravi, Moideen dan Nelson yang tidak makan. Babak-babak ini memberikan kesan yang sama terhadap naratif yang dibawa oleh Inspektor Sham Sunder kepada penonton filem.

Pada masa yang sama, beberapa babak yang terdapat dalam bab ini telah digugurkan dalam filem. Contohnya, babak yang menunjukkan Inspektor Sham Sunder sentiasa menggunakan kata-kata kesat tidak ditunjukkan dalam filem. Walaupun dia dikatakan seorang yang tidak berhati perut dalam novel, filem memaparkan dia sebagai seorang yang mengambil tahu akan kesusahan orang lain. Sebagai contohnya, dia mempunyai kepercayaan kepada tuhan dan membantu suami Sindhu untuk mendapatkan kerja. Dia juga kelihatan sentiasa berbincang tentang kes rompakan dan tidak ada pilihan lain untuk menyelesaikan kes ini melainkan menuduh Kumar dan kawan-kawannya. Babak Kumar berazam untuk membunuh Inspektor Sham Sunder dan babak Ravi meminta Kumar menyampaikan segala penindasan yang berlaku semasa dalam tahanan kepada hakim juga digugurkan dalam filem.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak dikekalkan seperti dalam novel. Watak lelaki tua dan watak pegawai pencatat aduan digugurkan seperti biasa. Manakala, lokasi lokap dikekalkan sepenuhnya sepanjang penggambaran babak ini.
Dari aspek enunsiasi, muzik yang dimainkan dalam babak-babak kehadiran Inspektor Sham Sunder bersama Kumar dan kawan-kawannya memberi tanda amaran atau buruk yang akan melanda mereka. Melalui enunsiasi ini penonton dapat memahami situasi genting di antara tahanan dan polis.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan hanya sebahagian peringkat naratif bab ini diubah. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


serta lokasi dikekalkan. Watak lelaki tua dan pegawai pencatat aduan digugurkan kerana watak-watak itu tidak ada keperluan dalam filem daripada babak-babak sebelum ini. Dalam peringkat enunsiasi emosi dan pergerakan badan Inspektor Sham Sunder dirakamkan dengan muzik yang bersesuaian. Analisis ini didapati bahawa adaptasi bab ini adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.15 Analisis Adaptasi Bab Empat Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai.*

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab empat belas novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan suasana siasatan yang dijalankan oleh Inspektor Sham Sunder terhadap Kumar dan kawan-kawannya. Naratif bab ini juga menceritakan Kumar dan kawan-kawannya tetap dengan pendirian mereka untuk tidak makan. Naratif ini terkandung di antara muka surat sembilan puluh lapan hingga seratus empat dalam novel.

### 4.15.1 Naratif Novel Tamill *Lockup* Bab Empat Belas.

Seorang tahanan baharu telah masuk ke dalam lokap. Pegawai polis menolak dia dan melontarkan cota tanpa haluan. Lontaran cota itu terkena pada tahanan-tahanan yang lain juga. Mereka semua meraung kesakitan dan ini menyebabkan mereka merasa marah pada tahanan baharu itu. Tahanan-tahanan lama termasuk Ravi dan Moideen memukul tahanan baharu itu tetapi tidak ada reaksi daripadanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Salah seorang tahanan lama memberitahu bahawa lelaki itu merupakan seorang penyeluk saku. Ibu penyeluk saku itu berjumpa anaknya memalui tingkap lokap. Ibunya membelikan rokok dan kopi kepada semua tahanan. Perempuan itu beredar dengan cepat apabila sedar akan kehadiran inspektor.

Kumar dan kawan-kawannya tidak berjumpa dengan pegawai-pegawai polis sejak sehari lalu. Nelson kelihatan kecut perut. Moideen pula kelihatan pucat. Pegawai polis membuka pintu lokap dan memanggil mereka keluar dengan nada yang perlahan. Kumar, Ravi, Moideen dan Nelson keluar dalam barisan ke perkarangan lapang di balai polis.

Inspektor Sham Sundar menyoal antara mereka siapakah yang pernah masuk lokap sebelum ini. Kumar dan kawan-kawannya menjawab bahawa mereka tidak pernah masuk lokap sebelum ini. Inspektor tidak mempercayai kata-kata mereka.

Seterusnya, dia meminta Nelson untuk menyatakan balik pengakuannya tempoh hari. Nelson pula membebel dalam ketakutan. Inspektor Sham Sundar naik marah lalu merotan mereka serentak. Dalam masa yang sama, inspektor menanyakan siapakah yang mengarah untuk tidak makan makanan yang diberikan. Kumar mengaku tindakannya, manakala inspektor mengesahkan perkara itu melalui Ravi lalu tidak berfikir panjang untuk mencucuk perut Kumar dengan rotan tebal itu.

Dalam kepedihan itu juga, Kumar memberitahu inspektor bahawa mereka rela mati kelaparan daripada mengaku perkara yang tidak pernah melakukannya sebelum ini. Inspektor Sham Sunder menarik rambut Kumar dan memukulnya sesuka hati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan penuh geram. Kepala Kumar dihentak pada dinding dan dirotan pada bahagian kaki sehinggakan Kumar menyangka bahawa kakinya patah. Kemarahan inspektor terus beralih kepada Ravi, Moideen dan Nelson. Mereka juga dibelasah sesuka hati tanpa henti.

Inspektor Sham Sunder mengugut akan membunuh mereka semua lalu menggertak akan menyambung kemudian siasatannya kepada pegawai polis yang berdiri di situ. Pegawai polis itu mengarah Kumar dan rakan-rakannya balik semula ke lokap dan berpesan supaya mereka makan.

Mereka masuk ke dalam lokap selepas minum air. Kali ini, Kumar tidak melihat sesiapapun dalam lokap. Badannya bergetar. Tahanan-tahanan lama yang berada di dalam lokap memberitahu mereka bahawa inspektor akan membunuh atau mereka akan mati bersendirian sekiranya tidak makan. Oleh iu, tahanan-tahanan lama meminta mereka mengaku sahaja kesalahan dan hadir ke mahkamah.

Kumar risau jikalau pegawai polis akan menanyakan barangan yang dicuri. Tahanan-tahanan lama pula mengatakan mereka tidak perlu risau kerana kebiasaannya pihak polis akan menyediakan barang-barang itu. Mereka juga meminta supaya Kumar dan kawan-kawannya berjaga-jaga dan menggosok badan yang lebam kebiruan. Semua tahanan dalam lokap itu bersembang sehingga larut malam.

Kumar menganggap pukulan pada kali tidak sekuat tempoh harinya. Rasanya inspektor takut mereka akan mati jika dipukul tanpa makan. Mereka mengambil keputusan untuk tetap dengan pendirian mereka dan bercadang menceritakan semua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


insiden ini kepada hakim nanti. Mereka juga berhajat untuk membunuh inspektor selepas bebas daripada tuduhan.

### 4.15.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab empat belas ini mempunyai beberapa persamaan walaupun terdapat babak-babak yang digugurkan dan ditambahkan dalam filem.

Berdasarkan novel, bab empat belas ini mengisahkan suasana siasatan yang dilakukan oleh Inspektor Sham Sunder selepas mengetahui Kumar dan kawan-kawannya tidak makan. Kebanyakan babak dalam bab ini diadaptasikan dalam filem dengan beberapa perubahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Babak pegawai polis memanggil mereka ke perkarangan balai polis dan menanyakan siapakah yang mengarah mereka untuk berpuasa dikekalkan dalam filem pada minit ke tiga puluh tiga dan lapan belas saat. Babak inspektor Sham Sundar ketakutan jika Kumar dan kawan-kawannya akan mati jika dipukul tanpa makan dalam novel juga dikekalkan. Malah dalam filem, babak Inspektor Sham Sunder berlakon bersimpati lalu meminta Kumar dan kawan-kawannya makan di Restoran Bhai di hadapan balai polis ditambahkan. Tambah lagi, inspektor berjanji akan membebaskan Kumar dan kawan-kawannya selepas mereka makan dan menurunkan tandatangan di balai polis serta mengambil wang dua ribu rupee setiap seorang sebagai hadiah. Babak inspektor merotan Kumar dan kepalanya dihentak pada dinding juga dikekalkan dalam filem dengan mengubahkan Kumar dibelasah dengan dahan pamah. Babak ini dimulakan dengan suasana pegawai-pegawai polis menyediakan dahan pamah untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


inspektor bagi membelasah Kumar. Babak-babak ini menggantikan beberapa babak yang diceritakan penindasan Kumar dan kawan-kawannya dalam novel supaya menjimatkan durasi masa.

Dalam babak seterusnya, kemarahan inspektor beralih kepada Ravi, Moideen dan Nelson. Dialog Inspektor mengugut akan membunuh mereka juga dikekalkan dalam filem seperti dalam novel. Babak Inspektor Sham Sunder mengarahkan seorang pegawai polis untuk memukul Ravi, Moideen dan Nelson dengan cota sekiranya Kumar meraung kesakitan atau jatuh semasa dipukul dengan dahan pamah ditambahkan dalam filem.

Babak tahanan lama memberitahu pihak polis akan menyediakan barang yang dikatakan dicuri sekiranya mereka mengaku bersalah dikekalkan dalam filem. Contohnya, filem menunjukkan babak Inspektor Sham Sunder mengambil beberapa tindakan untuk menyediakan barangan yang dilaporkan dicuri.

Babak seorang tahanan baharu masuk ke dalam lokap serta ibunya membelikan rokok dan kopi kepada semua tahanan digugurkan kerana ia tidak membantu pergerakan naratif filem. Begitu juga dengan babak Kumar yang merasakan pukulan pada kali ini tidak sekuat tempoh harinya digugurkan kerana mereka dibelasah sepanjang filem. Filem juga berfokus pada babak penganiyaan dan penderaan yang tidak terhingga seperti dalam novel.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak dikekalkan seperti dalam novel kecuali watak tahanan baharu dan watak ibunya. Lokasi perkarangan lapang balai polis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seperti dalam bab empat belas diubah ke lokasi kaki lima tingkat atas balai polis dalam filem.

Dari aspek enunsiasi, muzik yang mengusik nyawa dimainkan dalam babak Inspektor Sham Sunder membelasah Kumar dengan dahan pohon pamah. Enunsiasi ini cuba membuat penonton dapat merasa kekuatan pukulan dengan dahan pamah dan kesakitan Kumar bersama kawan-kawannya.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan sebahagian peringkat naratif bab ini dikekalkan dengan perubahan atas keperluan. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan. Watak tahanan baharu dan ibunya digugurkan kerana watak-watak itu tidak ada keperluan dalam filem. Dalam peringkat enunsiasi, pergerakan badan Inspektor Sham Sunder dan Kumar bersama kawan-kawannya dirakamkan dengan muzik latar yang bersesuaian. Analisis ini mendapati bahawa adaptasi bab ini setia dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.16 Analisis Adaptasi Bab Lima Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab lima belas novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan suasana Kumar mendapati kawan-kawannya hilang di lokap. Naratif bab ini juga menceritakan Kumar dikelirukan dengan nasihat tahanan-tahanan lama yang meminta dirinya mengaku kesalahan. Naratif ini terkandung di antara muka surat seratus lima hingga seratus lapan dalam novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.16.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Lima Belas.

Kumar terkejut apabila pintu lokap dibuka dengan kuat. Semua tahanan keluar kecuali Kumar yang tidak berupaya untuk bangun. Kumar terasa untuk membuang air kecil. Kumar terkejut dengan kehilangan Ravi, Moideen dan Nelson di dalam lokap. Walau bagaimanapun, Kumar keluar dan mencuci muka berdekatan tangki air. Kumar mencari Ravi, Moideen dan Nelson di situ tetapi mereka tidak kelihatan di situ. Kumar melihat beberapa orang pegawai polis sedang memerhatikan pergerakannya. Kumar tidak ingin mengetahui hal sebenar daripada sesiapapun. Kumar sedar bahawa tahanan-tahanan lain juga memerhatikannya dengan belas kasihan tetapi tidak berupaya bercakap.

Kumar masuk ke tandas walaupun tidak berniat untuk membuang air besar. Kumar berasa pelik dirinya ditinggalkan bersendirian di situ. Dia juga berfikir untuk melarikan diri dengan memanjat keluar dari dinding bilik air, tetapi menyedari bahawa dia tidak berupaya berbuat demikian. Kumar keluar dari bilik air apabila pintu diketuk kuat. Semua tahanan berbaris untuk masuk ke dalam lokap.

Kumar meminum air. Air itu menyejukkan perutnya yang kosong. Suasana dalam lokap berkeadaan baharu daripada sebelumnya. Tahanan lain mula memberitahu perkara yang berlaku malam kelmarin. Seorang tahanan mula menceritakan bahawa Ravi, Moideen dan Nelson dibawa keluar secara senyap tengah malam tadi. Mereka menasihatkan Kumar supaya mengaku kesalahan bagi mengelak daripada berlaku perkara yang tidak diingini. Kumar tidak dapat menerima pandangan dan cadangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kumar juga tidak setuju sama sekali dengan cara menuding jari kepada orang lain untuk menyelamatkan dirinya. Kumar sedar segala perkara yang telah terjadi pada dirinya kepadanya akan dilakukan kepada orang yang tidak berdosa itu nanti. Kumar mengalih perhatian dan mula berimaginasi seperti biasa. Dia berasa selesa dan berasa ringan badannya apabila berbaring di atas lantai yang sejuk.

### 4.16.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Berdasarkan novel, bab lima belas ini mengisahkan suasana Kumar dipisahkan daripada kawan-kawannya. Hanya satu babak dalam bab ini diadaptasikan dalam filem dengan beberapa perubahan. Contohnya babak Ravi, Moideen dan Nelson dipisahkan daripada Kumar dikekalkan dalam filem berdasarkan novel. Walau bagaimanapun, dalam filem, babak ini ditambahkan dengan babak Kumar dipisahkan daripada kawan-kawannya dan dibawa ke bilik air untuk mengaku kesalahan. Ravi, Moideen dan Nelson juga dibawa keluar tetapi tidak ditunjukkan ke mana mereka dibawa pergi dalam filem.

Kebanyakan peristiwa yang terdapat dalam bab ini telah digugurkan dalam filem. Contohnya, babak Kumar terkejut dengan ketiadaan Ravi, Moideen dan Nelson di lokap dan berasa pelik dirinya ditinggalkan bersendirian seperti dalam novel telah digugurkan. Babak Kumar bercadang untuk melarikan diri dengan memanjat keluar dari dinding bilik air juga digugurkan kerana keadaan badan tidak mengizinkan dia berbuat demikian. Babak tahanan-tahanan menasihatkan supaya Kumar untuk mengaku kesalahan dan Kumar tidak berniat berbuat begitu kepada orang lain seperti dalam novel juga digugurkan dalam filem. Babak-babak ini digugurkan kerana tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membawa kesan yang mendalam kepada penonton dan mengambil durasi masa yang panjang untuk difilemkan.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak dikekalkan seperti dalam novel. Lokasi bilik air tahanan dan lokap dalam novel diubah ke lokasi bilik air pegawai polis dalam filem. Hal ini kemungkinan kerana jarak bilik air pegawai polis berdekatan dengan lokap dan ruang yang mencukupi untuk membaringkan diri Kumar di atas lantai.

Dari aspek enunsiasi, kegelisahan Kumar dikekalkan semasa dia menunjukkan perasaan ketakutan apabila bersendirian. Imaginasi dia untuk melarikan diri telah digugurkan. Dalam peringkat enunsiasi, pergerakan badan Kumar, keadaan bilik air dan kesejukan air baldi yang disiram ke muka Kumar ditambahkan. Babak-babak ini dirakamkan dalam kegelapan dengan muzik latar yang bersesuaian.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan sebahagian peringkat naratif bab ini diubah. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak serta lokasi dikekalkan dan lokasi bilik air pegawai polis ditambahkan dalam filem. Imaginasi Kumar digugurkan. Analisis dan huraian ini didapati bahawa adaptasi bab ini adalah teknik adaptasi longgar dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.17 Analisis Adaptasi Bab Enam Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai.*

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab enam belas novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan suasana Kumar mendapati kawan-kawannya telah hilang di lokap sepanjang hari. Naratif bab ini juga menceritakan tentang kerisauan Kumar tentang keadaan kawan-kawannya. Tambahan lagi, Kumar dikelirukan dengan nasihat tahanan-tahanan lama yang meminta dirinya mengaku kesalahan. Naratif ini terkandung di antara muka surat seratus sembilan hingga seratus empat belas dalam novel.

### 4.17.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Enam Belas.

Bungkusan makanan dibeli untuk semua tahanan termasuk Kumar. Lelaki tua memegang bungkusan itu sambil memerhatikan Kumar. Kumar mendengar suara seorang pegawai polis yang mengatakan kawan-kawannya berada di Balai Polis Lala Pettai dan telah mengaku kesalahan. Tambahnya lagi, mereka telah makan dan meminta Kumar untuk makan makanannya. Nada suara pegawai polis itu kedengaran seperti prihatin dengan keadaan Kumar.

Pegawai polis itu meminta Disco untuk memberikan bungkusan itu kepada Kumar. Tahanan lain meminta Kumar supaya makan sambil memberikan air kepadanya. Kumar tergesa-gesa membuka bungkusan itu dan mula makan dengan gelojoh. Kumar berasa mual apabila menelan nasi bercampur lauk itu kerana perutnya berangin setelah kosong selama beberapa hari. Beberapa orang pegawai polis telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memerhatikan Kumar yang sedang makan. Lelaki tua yang turut memerhatikan Kumar berasa lega apabila makanan yang dibelinya tidak dibazirkan kali ini.

Kumar menyimpan nasi itu hingga ke malam dan makan sedikit demi sedikit. Kumar juga berasa serba salah dan risau tentang keadaan kawan-kawannya. Kumar memikirkan bagaimanakah dia mempercayai kata-kata pegawai polis itu. Kumar keliru sama ada dia takut kerana bersendirian atau kerana kelaparan. Kumar berasa malu dan kecewa atas tindakannya yang sanggup makan makanan itu. Dia mula merindui kawan-kawannya.

Kegelapan waktu malam membantu Kumar supaya tidak melihat muka-muka tahanan lain. Kumar mengimbas kembali gelagat kawan-kawannya. Moideen yang menjerit kesakitan apabila dipukul dan Nelson yang sentiasa menyebut ‘sir, sir’ seperti budak kecil apabila dipukul. Ravi pula berdiri dan menerima setiap pukulan tanpa bergerak. Kumar mempercayai Ravi kemungkinan besar tetap tidak makan kerana sikap tegasnya tetapi dia mempunyai keraguan terhadap sikap Moideen dan Nelson.

Kumar juga risau tentang keadaannya. Dia ketakutan apabila mengenang tujuan dirinya dipisahkan daripada rakan-rakannya. Tindakan dan cara siasatan yang dilakukan oleh pegawai polis kelihatan seperti Kumar dan kawan-kawannya ialah pencuri sebenar yang dicari. Pemikiran Kumar bercelaru dengan pelbagai soalan yang timbul dalam fikirannya. Walau bagaimanapun, dia tidak bersedia untuk mengaku kesalahan yang tidak dilakukan. Kumar risau pengakuan palsu itu akan membuatkan ramai yang sengsara. Terlebih dahulu Kumar inginkan pegawai polis menyiasat tentang dirinya di tempat dia bekerja. Kumar percaya bahawa polis tidak akan berbuat demikian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kerana mereka mengetahui Kumar dan kawan-kawannya tidak mempunyai saudara-mara di sini. Walau bagaimanapun, Kumar bersedia menyesuaikan diri dengan keadaannya lalu tertidur dalam keletihan Tamil *Lockup* ke Filem *Visaranai*.

### 4.17.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Berdasarkan novel, bab enam belas ini mengisahkan suasana hari kedua Kumar dipisahkan daripada kawan-kawannya. Tiga babak dalam bab ini diadaptasikan dalam filem dengan beberapa perubahan. Contohnya, babak Kumar ketakutan dikekalkan dalam filem pada minit ke tiga puluh satu dan empat puluh lapan saat. Walau bagaimanapun dalam filem, babak ini ditunjukkan semasa Kumar dipisahkan daripada kawan-kawannya dan dibawa ke bilik air untuk mengaku kesalahan. Babak pegawai polis mengatakan Ravi, Moideen dan Nelson mengaku kesalahan juga dikekalkan. Begitu juga dengan babak Kumar risau membuat pengakuan palsu dikekalkan dalam filem pada minit ke empat puluh tiga.

Beberapa babak yang terdapat dalam bab ini telah digugurkan dalam filem. Contohnya, babak tahanan lain meminta Kumar untuk makan selepas mengetahui kawan-kawannya telah makan di Balai Polis Lala Pettai digugurkan dalam filem. Hal ini kerana, naratif filem menunjukkan Kumar dan kawan-kawannya tidak dipisahkan sepanjang filem. Babak Kumar makan dengan gelojoh kerana kelaparan dan berasa serba salah apabila risau tentang keadaan kawan-kawannya seperti yang diceritakan dalam novel tidak diadaptasikan kerana filem tidak menunjukkan situasi sebegitu berlaku dalam lokap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dari aspek verbal ke visual, watak Kumar dan pegawai polis sahaja dikekalkan seperti novel manakala watak kawan-kawan, tahanan-tahanan lama dan watak lelaki tua tidak muncul dalam filem. Lokasi lokap dalam novel masih lagi dikekalkan dalam filem.

Dari aspek enunsiasi, kegelisahan Kumar dikekalkan apabila dia menunjukkan perasaan ketakutan semasa ditutup muka semasa dibawa ke bilik air. Imaginasi Kumar mengenai gelagat kawan-kawannya juga digugurkan. Dalam peringkat enunsiasi, pergerakan badan Kumar dirakamkan dengan muzik latar yang bersesuaian.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan sebahagian peringkat naratif bab ini diubah. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak Kumar dan pegawai polis dikekalkan dan watak-watak lain digugurkan. Imaginasi Kumar tentang gelagat kawan-kawannya telah digugurkan. Analisis dan huraian ini didapati bahawa adaptasi bab ini adalah adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.18 Analisis Adaptasi Bab Tujuh Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab tujuh belas novel Lockup. Bab ini menggambarkan suasana pada hari kesepuluh Kumar berada di lokap. Naratif bab ini juga menceritakan kisah Kumar dibelasah oleh Inspektor Sham Sunder untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendapatkan pengakuannya. Naratif ini terkandung di antara muka surat seratus lima belas hingga seratus dua puluh dua dalam novel.

### 4.18.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Tujuh Belas.

Tiba-tiba, Kumar dipukul di paras kakinya. Dia bangun lalu lari ke sana sini di dalam lokap kerana kesakitan. Rambutnya dipegang dan ditarik keluar. apabila kedengaran suara garang yang meminta pegawai polis itu untuk berbuat sedemikian. Dia ditolak berdekatan dengan padang yang terletak berhampiran tangki air. Kumar melihat muka Inspektor Sham Sunder dan tiga orang pegawai polis apabila disuruh bangun. Inspektor Sham Sunder memakai seluar kakki dan baju-T berlengan berwarna putih.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Inspektor Sham Sunder meminta Kumar untuk mengaku tuduhan lalu tiga orang pegawai polis lain mula memukulnya. Kumar dipukul pada seluruh bahagian badan sehingga dia tidak larat mahupun bersuara. Jawapan Kumar hanya menjerit dan dirinya bukan pencuri. Keseluruhan badan Kumar juga kelihatan lebam kebiruan selepas dibelasah lebih sejam. Kumar diugut untuk membuat pengakuan. Tangan Kumar telah diikat ke belakang dan dibelasah oleh inspektor tanpa berhenti. Cota inspektor menembusi setiap bahagian badan termasuk tulang dan saraf Kumar. Inspektor memaki Kumar dengan kata-kata kesat dan memijak kemaluan Kumar.

Kumar tidak dapat menahan kesakitan dan akhirnya tidak menyedarkan diri. Kumar dapat bangun selepas disimbah air pada muka dan badannya. Awan kelihatan mula cerah dan menunjukkan waktunya tiba senja pagi. Inspektor Sham Sunder masih memukulnya dan jawapan Kumar masih sama. Inspektor ditenangkan oleh salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seorang pegawai polis selepas melihat Kumar tidak bermaya dan takut mati. Kumar ditinggalkan berseorangan, badannya berasa lega apabila tertiarap di atas pasir.

### 4.18.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Berdasarkan novel, bab tujuh belas ini mengisahkan sesi siasatan yang dilakukan oleh Inspektor Sham Sunder terhadap Kumar setelah dipisahkan daripada kawan-kawannya. Kebanyakan babak dalam bab ini diadaptasikan dalam filem dengan beberapa perubahan. Contohnya, Kumar melihat muka Inspektor Sham Sunder yang memakai seluar kaki dan baju-T berlengan pendek berwarna putih bersama tiga orang pegawai polis seperti dalam novel dikekalkan dalam filem. Babak Inspektor Sham Sunder meminta Kumar untuk mengaku tuduhan lalu tiga orang pegawai polis mula memukulnya telah diubah pada tiga puluh lapan minit dan tiga puluh tiga saat. Babak ini ditambahkan dengan Kumar diberi amaran oleh Inspektor Sham Sunder bahawa kawan-kawannya akan dibelasah sekiranya Kumar meraung kesakitan atau mengelak pukulan. Babak Kumar dipukul merata tempat di bahagian badan sehingga dia tidak larat bersuara dikekalkan seperti pada novel dalam filem pada minit ke empat puluh. Selepas sejam lebih dibelasah, keseluruhan badan Kumar kelihatan lebam kebiruan juga dikekalkan dalam filem. Penerangan novel bahawa cota inspektor menembusi setiap bahagian badan termasuk tulang dan saraf Kumar dikekalkan dan cota tersebut diubah sebagai dahan pamah dalam filem. Babak tangan Kumar telah diikat ke belakang dan dibelasah oleh inspektor tanpa berhenti seperti yang diceritakan dalam novel dikekalkan tetapi diubah dibelasah tanpa tangannya diikat. Begitu juga babak inspektor ditenangkan oleh seorang pegawai polis selepas melihat Kumar tidak bermaya dan takut mati juga ditunjukkan dalam filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Beberapa babak yang terdapat dalam bab ini telah digugurkan dalam filem. Contohnya, babak Kumar dipukul diparas kaki dan dia lari merata dalam lokap telah digugurkan dalam filem. Begitu juga dengan babak Kumar ditolak berdekatan padang yang terletak berhampiran tangki air diubah dia dibawa ke kaki lima tingkat atas balai polis. Babak inspektor memaki Kumar dengan kata-kata kesat dengan memijak kemaluan Kumar sehingga Kumar tidak dapat menahan kesakitan dan tidak menyedarkan diri digugurkan dalam filem kerana babak tersebut terlampau ganas.

Dari aspek verbal ke visual, watak Kumar, Inspektor Sham Sunder dan pegawai polis sahaja dikekalkan seperti novel manakala watak Ravi, Moideen dan Nelson ditambahkan dalam filem. Lokasi perkarangan lapang balai polis seperti dalam novel diubah sebagai kaki lima tingkat atas balai polis dalam filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek enunsiasi, kesakitan Kumar dikekalkan apabila kesan-kesan lebam ditunjukkan melalui rakaman close-up. Dalam peringkat enunsiasi pergerakan badan Kumar dirakamkan dengan muzik latar yang bersesuaian untuk memberi kesan simpati terhadap Kumar.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan sebahagian peringkat naratif bab ini dikekalkan. Pada peringkat verbal ke visual, didapati watak Kumar, Inspektor Sham Sunder dan pegawai polis dikekalkan manakala watak Ravi, Moideen dan Nelson ditambahkan. Dari segi enunsiasi kesan-kesan lebam di seluruh badan Kumar menunjukkan kekuatan pukulan dahan pamah. Analisis ini didapati bahawa adaptasi bab ini adalah adaptasi setia dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.19 Analisis Adaptasi Bab Lapan Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai.*

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab lapan belas novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan keadaan pada hari ke sebelas Kumar berada di lokap. Kumar diceritakan tidak bermaya dan tidak dapat berjalan selepas dibelasah teruk oleh Inspektor Sham Sunder. Naratif ini terkandung di antara muka surat seratus dua puluh tiga hingga seratus tiga puluh dalam novel.

### 4.19.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Lapan Belas.

Beberapa orang pegawai polis memeriksa Kumar sama ada dia masih hidup atau tidak. Semua tahanan keluar pada pukul lapan pagi dan memerhatikan Kumar dengan belas kasihan. Seorang tahanan lama menangis mengenangkan nasib Kumar. Dia meminta kebenaran daripada pegawai polis untuk menutup Kumar yang berada dalam keadaan bogel. Pegawai polis itu mengarah mereka untuk membawa balik Kumar ke dalam lokap. Semua tahanan lain berasa lega lalu mendukung badan Kumar dan memandikannya. Mereka memicit seluruh badan Kumar walaupun dia menjerit kesakitan. Akhirnya, mereka membawa dia ke dalam lokap dan memulakan rawatan. Tahanan lama menceritakan kepada Kumar bahawa dia telah dibawa keluar pada awal pagi hari pertama dan diseksa sehingga pukul enam pagi keesokan hari. Mereka menganggap bahawa Kumar telah mati. Mereka memuji sikapnya yang tegas dengan pendiriannya. Semua tahanan dalam lokap memicit seluruh badan Kumar yang bengkak walaupun Kumar meraung kesakitan. Mereka memberi segelas teh panas kepada Kumar bagi memanaskan badannya. Kumar berasa lega apabila memegang gelas the

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang panas. Kumar juga makan makanan tengah hari kerana kelaparan. Kumar tidur sepanjang hari dan pagi keesokannya Kumar tidak dapat bangun dari tempatnya. Dia mencuba beberapa kali dan akhirnya berjaya berdiri seperti kanak-kanak yang mula berjalan. Kumar menanyakan khabar tentang kawan-kawannya kepada tahanan-tahanan lama di situ. Salah seorang daripada tahanan lama memberitahu bahawa pegawai polis mengatakan kawan-kawannya dalam keadaan baik.

Pintu lokap dibuka semula pada pukul sembilan pagi. Kumar berjalan perlahan-lahan dan ke bilik air. Mereka semua berdiri di luar sementara lokap dicuci. Kumar sambung tidur sebaik masuk ke lokap. Kumar dikejutkan oleh Disko apabila makanan tengah hari sampai. Kumar memakan makanan itu sedikit demi sedikit dengan cermat. Kini, lokap telah dipenuhi dengan kehadiran tahanan-tahanan baharu. Semua tahanan memarahi sikap pegawai-pegawai polis setelah mendengar penderaan yang dilakukan oleh Inspektor Sham Sundar dan pegawai-pegawai polis terhadap Kumar. Mereka juga bersembang panjang mengenai pengalaman masing-masing. Bau hancing dan bau rokok membuatkan Kumar berasa tidak selesa. Walau bagaimanapun, kesemua mereka tertidur dalam keadaan yang sempit di dalam lokap.

### 4.19.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Berdasarkan novel, bab lapan belas ini mengisahkan suasana keesokan pagi selepas Kumar dibelasah oleh Inspektor Sham Sunder. Naratif bab lapan belas ini tidak mempunyai sebarang pengekalan dalam filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kesemua babak yang terdapat dalam bab ini pada novel telah digugurkan dalam filem kerana sentimental yang berlebihan tidak membantu naratif ini dalam filem. Contohnya, babak-babak seperti pegawai polis memeriksa Kumar sama ada hidup atau mati dan seorang tahanan lama menangis mengenang nasib Kumar digugurkan. Babak tahanan meminta kebenaran pegawai polis untuk menutup badan Kumar yang berada dalam keadaan bogel dan memandikannya juga digugurkan dalam filem. Seterusnya, babak tahanan-tahanan lama membawa Kumar ke dalam lokap dan memulakan rawatan dengan memicit seluruh badannya tidak diadaptasikan. Babak seorang tahanan memberi segelas teh panas kepada Kumar untuk memanaskan badannya kerana dia tidak dapat bangun malah tidur sepanjang hari juga digugurkan dalam filem. Babak Kumar menanyakan khabar tentang kawan-kawannya kepada tahanan-tahanan lama juga tidak menjadi sebahagian daripada filem. Lokap yang penuh dengan kehadiran tahanan-tahanan baharu dengan bau hancing serta bau rokok digugurkan. Begitu juga babak semua tahanan tidur dalam keadaan yang sempit di dalam lokap juga tidak ditunjukkan dalam filem untuk mengurangkan durasi masa. Lebih-lebih lagi pengulangan suasana atau perbuatan yang sama pada setiap hari dalam pengisahan dielakkan dalam filem.

Dari aspek verbal ke visual, kesemua watak bab ini dalam novel seperti tahanan-tahanan lama dan baharu bersama Kumar digugurkan dalam filem. Lokasi lokap dalam novel juga digugurkan dalam filem. Dari aspek enunsiasi, tidak ada sebarang peristiwa difilemkan.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan keseluruhan peringkat naratif bab ini digugurkan. Pada peringkat verbal ke visual, didapati semua watak telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


digugurkan. Aspek enunsiasi Kumar yang ditunjukkan kesakitan dirakam dengan iringan muzik dalam babak ini. Analisis dan huraian ini didapati adaptasi bab ini adalah teknik adaptasi longgar dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.20 Analisis Adaptasi Bab Sembilan Belas Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab sembilan belas novel Lockup. Bab ini menggambarkan suasana pada hari ke tiga belas Kumar berada di lokap. Naratif bab ini juga menceritakan kisah Ravi, Moideen dan Nelson yang bertemu balik Kumar di dalam lokap. Naratif ini terkandung di antara muka surat seratus tiga puluh satu hingga seratus tiga puluh lima dalam novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.20.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Sembilan Belas.

Kumar bangun terkejut apabila mendengar bunyi orang dipukul dan mengeluarkan kata-kata kelihatan kesat. Ravi, Moideen dan Nelson berada berdekatan Kumar dalam lokap itu. Mereka semua kelihatan sedih tetapi bertenaga. Kumar menanyakan khabar mereka sambil menitiskan air mata. Suasana menunjukkan jam lebih dua belas tengah hari.

Ravi menceritakan bahawa seorang pegawai polis membawa mereka keluar seorang demi seorang. Mereka ditahan di lokap Lala Pettai secara berasingan. Mereka terlalu ketakutan kerana bersendirian. Mereka ingin menyelamatkan diri masing-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masing. Pegawai-pegawai polis Lala Pettai memukul mereka atas tindakan mereka tidak makan di lokap Kotta Pettai. Nelson menyedari keadaan dan menipu dengan imaginasi awalnya, iaitu cerita rekaan mereka mencuri. Dia mula menokoh tambah semua perkara yang tidak langsung berlaku dengan memasukkan nama Kumar, Ravi dan Moideen semula.

Proses penyiasatan ini telah menjadikan Nelson sebagai pereka cerita yang handal. Dia menceritakan jam tangan yang dicurinya dijual oleh Ravi di kaki lima kedai situ. Tambahnya lagi, Ravi yang mengayuh rickshaw untuk merompak pada waktu malam. Ravi dan Moideen pecah masuk kedai untuk merompak manakala, Kumar yang menyembunyikan barang yang dicuri dalam rickshaw. Nelson juga menceritakan mereka menghisap ganja dan melanggan pelacur daripada hasil jualan. Siasatan terhadap Nelson tidak mengambil masa yang panjang kerana jawapannya memenuhi semua kreteria siasatan polis walaupun cerita itu adalah rekaan. Nelson telah menjadi orang suruhan polis untuk membersihkan balai polis dan membeli teh. Nelson berasa ghairah apabila menceritakan tentang teh yang dibelinya di gerai Tuan Syed Karim.

Kisah Ravi dan Moideen pula sungguh pilu lagi. Mereka dipukul setelah pihak polis mendapatkan penerangan Nelson. Mereka terpaksa akur dengan semua kenyataan Nelson. Mereka diugut akan dibelasah sekiranya membantah kenyataan Nelson. Ravi dan Moideen tidak dapat berfikir lagi untuk membela diri. Suasana baharu ini telah menyebabkan mereka gelisah. Akhirnya, mereka terpaksa mengaku menjual semua jam tangan yang dikatakan dicuri oleh mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kerancakan bercerita Nelson pula menokoh tambah bahawa Moideen pernah mencuri sebuah radio. Moideen yang tidak menyangka tuduhan sebegitu terpaksa mengaku dengan mengatakan radio itu dijual kepada orang tengah yang berada di pasar. Pegawai polis membawa Moideen ke pasar untuk mengecam orang tengah itu. Moideen berasa takut untuk menuding jari kepada beberapa orang yang kelihatan garang di situ. Dia akhirnya memberanikan diri dan menuduh seorang yang kelihatan seperti orang kampung kerana tidak ada pilihan lain. Orang kampung yang tidak bersalah itu ditahan untuk siasatan. Keluarga orang kampung itu, membawa orang besar kawasan itu ke balai polis. Moideen mengulang kenyataan rekaan Nelson bahawa dia memang menjual radio itu kepada orang kampung tersebut.

### 4.20.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Naratif bab sembilan belas ini tidak mempunyai sebarang pengekalan dalam filem seperti bab lapan belas. Berdasarkan novel, bab sembilan belas ini mengisahkan suasana pagi selepas Ravi, Moideen dan Nelson dibawa balik ke Balai Polis Kotta Pettai semula.

Kesemua kisah yang terdapat dalam bab ini pada novel telah digugurkan dalam filem. Mengikut novel, babak ini dimulakan dengan Ravi, Moideen dan Nelson menceritakan perkara-perkara yang telah berlaku terhadap mereka di Balai Polis Lala Pettai kepada Kumar. Mereka ditahan di lokap Lala Pettai dan disiasat secara berasingan tanpa mengetahui satu sama lain berada di situ. Tambah lagi, pegawai polis di situ memukul mereka atas tindakan mereka yang tidak makan di lokap Kotta Pettai. Nelson pula menyedari keadaan dan mula menipu dengan bercerita seperti pada awal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


siasatan semasa penahanannya. Ravi dan Moideen terpaksa akur dengan semua kenyataan Nelson. Nelson juga menokoh tambah bahawa Moideen pernah mencuri sebuah radio. Moideen dibawa keluar untuk mengecam orang tengah itu. Moideen terpaksa menuduh seorang yang kelihatan seperti orang kampung membeli radio itu daripadanya. Pegawai polis menahan orang kampung tersebut untuk membantu kes itu. Kesemua peristiwa yang diceritakan dalam novel digugurkan kerana dianggap tidak membantu aliran cerita dalam filem.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak bab ini dalam novel seperti Ravi, Moideen dan Nelson digugurkan dalam filem dan ditambahkan dengan watak Tuan Mani, peguam, dan pegawai polis Tamil manakala watak Kumar dikekalkan. Lokasi lokap dalam novel juga digugurkan dalam filem dan ditambahkan dengan ruang legar balai polis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek enunsiasi, tidak ada sebarang babak difilemkan kecuali babak kecederaan dan emosi kekeliruan Kumar untuk mengaku kes ditunjukkan. Muzik yang nyilu dimainkan dalam babak-babak ini.

Secara keseluruhan, analisis di atas menunjukkan keseluruhan peringkat naratif bab ini digugurkan dan hanya satu babak ditambahkan. Pada peringkat verbal ke visual, didapati watak Kumar dikekalkan manakala watak Ravi, Moideen, Nelson telah digugurkan dan watak Tuan Mani, peguam dan pegawai polis Tamil ditambahkan. Aspek enunsiasi ditambahkan dengan iringan muzik dalam babak emosi Kumar terganggu semasa pujukan Tuan Mani. Analisis ini didapati bahawa adaptasi bab ini adalah adaptasi longgar dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.21 Analisis Adaptasi Bab Dua Puluh Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab dua puluh novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan sambungan suasana pada hari ke tiga belas semasa perjumpaan Kumar dengan kawan-kawannya. Naratif bab ini menceritakan sambungan pengalaman Ravi, Moideen dan Nelson di dalam lokap Lala Pettai. Naratif ini terkandung di antara muka surat seratus tiga puluh enam hingga seratus tiga puluh lapan dalam novel.

### 4.21.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Dua Puluh.

Isteri orang kampung itu tidak mempercayai kata-kata pihak polis dan Moideen. Dia tetap dengan pendiriannya kerana suaminya tidak pernah membawa radio itu ke rumahnya. Polis enggan membebaskan orang kampung itu. Isterinya terpaksa membawa radio yang baharu keesokan hari untuk membebaskan suaminya daripada tuduhan membeli barangan dicuri.

Moideen berasa amat bangga dengan dirinya yang dapat mereka cerita dengan baik. Tuan Syed Karim melawat mereka bertiga dan membelikan roti canai kepada mereka di lokap Lala Pettai. Mereka telah dibawa semula ke lokap Kotta Pettai pada pagi itu. Ravi, Moideen dan Nelson menjenguk Kumar apabila tiba di lokap Kotta Pettai. Mereka terkejut melihat keseksaan yang telah berlaku kepada Kumar.

Tahanan-tahanan lama telah menceritakan kesengsaraan yang telah dilalui oleh Kumar kepada kawan-kawannya. Ravi berasa serba salah. Dia kagum dan memuji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tindakan Kumar yang tetap dengan pendiriannya. Kumar menjelaskan keadaan dan situasi yang dihadapinya kepada mereka. Kumar menjelaskan bahawa dirinya mengalami pengalaman yang sama seperti kawan-kawannya apabila diugut akan dibunuh.

Kumar mengatakan dia berasa lega berjumpa semula kawan-kawannya. Dia tidak menyalahkan kawan-kawannya yang mengaku bersalah. Walau bagaimanapun, Kumar risau dirinya yang tidak mengaku kesalahan akan terus didera. Ravi menjelaskan kes ini telah selesai dan mereka dibawa ke lokap Kotta Pettai untuk difailkan kes dan dihadapkan ke mahkamah nanti. Mereka membawa Kumar keluar untuk memandikannya.

Nelson juga kelihatan lebih bertenaga. Mereka dapat melihat seramai sepuluh orang pegawai polis sedang memukul seramai tiga belas orang tahanan tanpa belas kasihan di situ. Inspektor Sham Sunder memerhatikan mereka tetapi Kumar tidak menghiraukan dia. Mereka telah membawa Kumar ke dalam lokap semula. Cuaca panas mula merebak di dalam lokap. Semua tahanan termasuk Kumar dan kawan-kawannya telah diberikan makanan tengah hari. Tahanan baharu seramai tiga belas orang dan lapan orang tahanan lama termasuk Kumar dan kawan-kawannya terpaksa berada dalam lokap yang semakin sempit dengan pertambahan tahanan yang ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.21.2 Analisis Adaptasi Novel ke Filem

Naratif bab dua puluh ini tidak mempunyai sebarang pengekalan dalam filem. Berdasarkan novel, bab dua puluh ini adalah sambungan daripada bab sembilan belas mengikut novel.

Kesemua babak yang terdapat dalam bab ini pada novel telah digugurkan dalam filem. Mengikut novel Tamil *Lockup*, babak ini dimulakan dengan Moideen menceritakan tentang penahanan orang kampung dan perkara-perkara yang telah berlaku kepada isteri orang itu. Dia juga menceritakan bahawa Tuan Syed Karim melawat dan membelikan roti canai kepada mereka. Tahanan-tahanan lama juga menceritakan kesengsaraan yang telah dilalui oleh Kumar. Ravi kagum dan memuji tindakan Kumar yang tetap dengan pendiriannya. Kumar berasa lega dengan kehadiran kawan-kawannya. Ravi menjelaskan bahawa kes ini telah selesai dan mereka akan dihadapkan ke mahkamah secepat mungkin. Walaupun babak-babak ini digugurkan, filem ditambahkan dengan babak Kumar dipanggil oleh peguam untuk membincangkan kepentingan Kumar mengaku kes ini untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Tuan Mani. Dalam babak tersebut dalam filem, ditunjukkan Tuan Mani memberitahu Kumar bahawa kawan-kawannya telah mengaku kesalahan. Mengikut filem juga, Tuan Mani diugut bersubahat dengan Kumar dan kawan-kawannya dan akan ditahan oleh Inspektor Sham Sunder.

Dari aspek verbal ke visual, semua watak bab ini dalam novel seperti Inspektor Sham Sunder, Ravi, Moideen dan Nelson digugurkan dalam filem dan ditambahkan dengan watak Tuan Mani, peguam, dan pegawai polis Tamil manakala watak Kumar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dikekalkan. Lokasi lokap dalam novel juga digugurkan dalam filem dan ditambahkan dengan ruang depan balai polis. Dari aspek enunsiasi, tidak ada sebarang babak difilemkan kecuali babak kecederaan dan emosi kekeliruan Kumar untuk mengaku kes tersebut.

Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan keseluruhan peringkat naratif bab ini digugurkan dan hanya satu babak ditambahkan. Pada peringkat verbal ke visual, didapati watak Kumar dikekalkan, watak lain telah digugurkan manakala watak Tuan Mani, peguam dan pegawai polis Tamil ditambahkan. Aspek enunsiasi menunjukkan emosi Kumar yang keliru dengan iringan muzik. Analisis ini didapati bahawa adaptasi bab ini adalah teknik adaptasi longgar dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.22 Analisis Adaptasi Bab Dua Puluh Satu Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

Bahagian analisis ini menceritakan naratif bab dua puluh satu novel Tamil *Lockup*. Bab ini menggambarkan sambungan suasana pada hari ke empat belas. Naratif bab ini menceritakan suasana semua tahanan dihantar ke mahkamah oleh Inspektor Sham Sunder. Pihak polis menyediakan laporan palsu terhadap Ravi, Moideen dan Nelson manakala, Inspektor Sham Sunder memuji tindakan Kumar yang tidak mengaku kesalahan. Mereka semua dihantar ke mahkamah dan Kumar meminta kes dibicarakan. Walau bagaimanapun, mereka dihantar ke penjara. Naratif bab ini terkandung di antara muka surat seratus tiga puluh sembilan hingga seratus empat puluh empat dalam novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.22.1 Naratif Novel Tamil *Lockup* Bab Dua Puluh Satu.

Keadaan lokap yang sempit itu membuatkan bilik itu dibanjiri dengan peluh. Semua tahanan terpaksa duduk di atas lantai kerana tidak ada ruang untuk berdiri atau berjalan. Kumar berasa setiap tahanan di situ adalah manusia yang berhak untuk mendapat hak asasi manusia dan tidak boleh didera sebegitu teruk. Kumar kesal dengan tindakan pegawai polis yang tidak menghiraukan perasaan dan maruah tahanan di lokap. Semua peristiwa yang berlaku di lokap memberikan pandangan yang negatif terhadap organisasi negara dan pihak polis kepada Kumar. Kumar berazam untuk menentang penindasan pihak polis. Kumar mengambil keputusan untuk menegakkan keadilan dan hak bersuara tahanan di balai polis.

Pada pukul tujuh pagi keesokan hari, mereka membersihkan diri berdekatan tangki air. Lokap pula telah dicuci oleh pekerja di situ. Inspektor Sham Sunder memanggil semua tahanan berbaris dan mengumumkan bahawa semua tahanan penyeluk saku dibebaskan. Menurutnya, penyeluk saku di stesen bas telah pun berjaya diberkas dan kini berada di balai polis yang berdekatan. Mereka semua telah dibotakkan sebelum dibebaskan sebagai tanda amaran. Tahanan lama yang lain dibenarkan dihadapkan ke mahkamah oleh Inspektor Sham Sunder. Inspektor Sham Sunder meminta Ravi, Moideen dan Nelson untuk mengaku kesalahan di mahkamah. Seterusnya inspektor menuju ke arah Kumar dan memuji tindakan Kumar yang berani dengan pendiriannya yang tidak mengaku kesalahan yang sememangnya tidak dilakukan olehnya. Walau bagaimanapun, mengikut laporan palsu pihak polis, Kumar dianggap telah berada di tempat rompakan bersama kawan-kawannya sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penunggu. Kesalahan itu telah difailkan sebagai Kumar adalah salah seorang saksi rompakan.

Akhirnya, mereka semua tidak mengaku kesalahan di mahkamah dan Kumar meminta kesnya dibicarakan sendiri. Kumar juga membuka baju lalu menunjukkan luka yang di alaminya. Dia mencuba sedaya upaya untuk menerangkan keadaannya kepada hakim. Ravi dan Moideen pula mempercayai Tuan Syed Karim akan datang ke mahkamah untuk menjamin mereka tetapi perkara itu tidak berlaku. Oleh itu, mereka semua dihantar ke penjara. Mereka diminta hadir semula ke mahkamah selepas genap lima bulan. Mereka masih tidak mengaku kesalahan. Hakim menasihati mereka supaya mengaku kesalahan dan membebaskan mereka kerana telah berada di penjara melebihi had hukuman. Mereka dibebaskan pada dua puluh tujuh hari bulan September 1983.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**4.22.2 Analisis Adaptasi**

Naratif bab dua puluh satu ini mempunyai beberapa perubahan walaupun terdapat babak-babak yang dikekalkan dan ditambahkan dalam filem. Berdasarkan novel, bab dua puluh satu ini mengisahkan suasana Kumar dan kawan-kawannya dihadapkan ke mahkamah.

Beberapa babak dalam bab ini dikekalkan dan digugurkan dalam filem dengan beberapa perubahan. Contohnya, babak Kumar berazam untuk menentang penindasan polis dikekalkan dalam filem. Babak Kumar dan kawan-kawannya tidak mengaku kesalahan di mahkamah dan Kumar meminta kesnya dibicarakan sendiri juga dikekalkan dalam filem untuk menegakkan keadilan. Kumar juga membuka baju lalu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menunjukkan luka-lukanya dikekalkan dalam filem pada minit ke empat puluh tujuh dan lima puluh tiga saat. Seterusnya babak Inspektor Sham Sunder meminta Ravi, Moideen dan Nelson untuk mengaku kesalahan di mahkamah juga dikekalkan dalam filem.

Kebanyakan babak yang terdapat dalam bab ini telah digugurkan dalam filem. Contohnya, babak semua tahanan terpaksa duduk di atas lantai kerana tidak ada ruang untuk berdiri atau berjalan digugurkan dalam filem. Babak Inspektor Sham Sunder memuji tindakan Kumar yang berani tidak mengaku salah juga tidak difilemkan. Babak mereka semua dihantar ke penjara dan hakim menasihati mereka supaya mengaku kesalahan dan membebaskan mereka kerana telah berada di dalam penjara melebihi had hukuman juga digugurkan dalam filem. Babak ini diubahkan dan ditambahkan sebagai hakim menerima Kumar membicarakan kes dengan bantuan pegawai polis Tamil Nadu Muthuvel. Filem menunjukkan Kumar dan kawan-kawannya dibebaskan di situ.

Dari aspek verbal ke visual, watak Kumar, Ravi, Moideen, Nelson, Inspektor Sham Sunder, pegawai-pegawai polis dikekalkan seperti dalam novel manakala watak Tuan Syed Karim, tahanan-tahanan lama digugurkan dan ditambahkan dengan watak Tuan Mani Muthuvel dan Sindhu, dalam filem. Lokasi lokap dan mahkamah dalam novel dikekalkan dalam filem.

Dari aspek enunsiasi, babak kecemasan Kumar dan kawan-kawannya dikekalkan semasa mereka membuka baju dan menunjukkan kesan-kesan lebam yang terdapat pada badan. Dalam peringkat enunsiasi, pergerakan badan Kumar dirakamkan dengan muzik latar yang bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara keseluruhannya, analisis di atas menunjukkan sebahagian peringkat naratif bab ini dikekalkan dan sebahagian diubah. Pada peringkat verbal ke visual, didapati watak Kumar dan pegawai polis dikekalkan dan watak-watak lain digugurkan serta watak Tuan Mani, Muthuvel dan Sindhu ditambahkan. Analisis ini didapati bahawa adaptasi bab ini adalah teknik adaptasi pertengahan dari segi peringkat naratif, verbal ke visual dan enunsiasi.

## 4.3 Menghuraikan Kepentingan Adaptasi Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*.

### 4.3.1 Budaya Membaca.

M. Chadrakumar ialah pengarang novel *Lockup*, yang mana novel ini telah diadaptasikan ke filem Tamil *Visaranai*. Filem ini ialah, sebuah filem yang diarahkan oleh Vetrimaaran. Penulis dan pengarah filem adaptasi ini adalah penggiat dalam budaya bacaan. Amalan membaca meraka telah melahirkan satu produk yang boleh dijadikan bahan ilmiah untuk genarasi muda.

‘Membaca itu jambatan ilmu’ merupakan satu kata-kata hikmat yang jelas menunjukkan kepentingan amalan membaca. Pada dasarnya, M. Chandrakumar bukanlah seorang sasterawan atau penulis yang popular. Akan tetapi, novel-novel yang ditulis oleh M. Chandrakumar mempunyai peminat-peminat yang tersendiri kerana sentiasa menegakkan keberanian dan keadilan masyarakat bawahan. M. Chandrakumar terdesak berhenti sekolah atas kemiskinan keluarganya. Akan tetapi pengalaman hidup telah menjadi guru M. Chandrakumar yang gemar mengamalkan sikap membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Novel *Lockup* ini telah diberikan kepada pengarah filem Vetrimaaran oleh salah seorang kawan M. Chandrakumar yang bekerja bersama di unit perfileman. Pengarah yang rajin membaca sastera Inggeris dan mendapat inspirasi mengarah filem daripada setiap novel yang dibaca menghubungi M. Chandrakumar. Vetrimaaran mendapatkan kebenaran M. Chandrakumar mengadaptasi novel ini ke filem Tamil dengan harapan cerita benar ini dapat disampaikan kepada orang ramai yang tidak dapat membaca novel *Lockup*.

Budaya membaca beliau telah membuka ruang karyanya diadaptasi ke filem dan novel-novel beliau mendapat sambutan yang luar biasa. Cara penulisan yang bersahaja menarik minat para pembaca zaman kini. Novel *Lockup* ini telah dicetak semula selepas filem Visaranai mendapat sambutan hangat penonton filem Tamil. Maka menghidupkan simbiosis novel dan filem suatu yang dijangka memberikan hasil yang diharapkan.

### 4.3.2 Amalan Adaptasi Novel ke Filem Meningkat.

Skrip yang diadaptasi daripada novel atau karya sastera sudah dianggap lumrah bagi penghasilan cerita untuk filem di Holywood atau di Eropah. Senario ini adalah sesuatu yang masih baharu bagi negara-negara Asia. Vetrimaaran sendiri berpendapat bahawa adaptasi ini adalah sesuatu yang rumit dan membebankan.

Pada tahun 1999, Vetrimaaran bertugas sebagai penolong pengarah kepada pengarah popular Balu Mahendra dalam rancangan '*Kadhai Neram*' di saluran '*Sun TV*'. Rancangan '*Kadhai Neram*' yang menampilkan lima puluh dua episode drama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang diadaptasi daripada cerpen. Vetrimaaran membaca kira-kira lima puluh hingga enam puluh cerpen dalam seminggu dan membentangkan sinopsis kepada Balu Mahendra, supaya membuat pilihan cerpen yang terbaik untuk diadaptasi ke drama.

Filem pertama yang diarahkan oleh Vetrimaaran ialah berjudul *Pollatavan*. Kisah filem itu diilhamkan oleh pengalaman Vetrimaaran sendiri apabila basikal kawannya Andrew yang hilang dan pelbagai masalah yang mereka berdua hadapi semasa pencariannya. Vetrimaaran menyatakan bahawa ketika menulis skrip, terpaksa membuat banyak perubahan yang bersesuaian dengan medium visual. Filem ini ditayangkan pada bulan November 2007 dan mendapat sambutan yang hangat.

Setelah novel *Lockup* berjaya diadaptasi ke filem Tamil *Visaranai* dan mendapat sambutan dan pengiktirafan, beliau sendiri mengumunkan akan mengadaptasikan sebuah lagi novel Tamil yang berjudul *Vekkai* yang ditulis oleh Poomani. Novel itu diadaptasi ke filem Tamil berjudul *Asuran* dan sekali lagi mendapat sambutan yang hangat. Novel popular *Vekkai* yang diulang cetak sebanyak sepuluh kali bermula tahun 1982 juga dicetak semula pada tahun 2018 selepas filem diterbitkan. Cetakan terbaharu novel ini ialah pada 2019 kali ke sebelas. Kini , Vetrimaaran sedang mengarah dua buah lagi filem adaptasi novel *Ajinabi* yang ditulis oleh penulis Mira Moideen dan *Vadivasal* yang ditulis oleh penulis Sellappa. Maka empat buah filem telah diarahkan oleh Vetrimaaran selepas filem Tamil *Visaranai* dan antaranya adalah tiga buah filem adaptasi novel. Hal yang demikian membuktikan bahawa Vetrimaaran merupakan seorang pengarah yang berdedikasi menerbitkan filem adaptasi novel seperti gurunya Balu Mahendra. Pengarah popular Maniratnam juga memulakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembikinan filem adaptasi novel penulis popular Kalki berjudul *Ponniyin Selvan*. Novel ini adalah novel bersiri berunsur sejarah.

Walau bagaimanapun, trend adaptasi membuahkan perkembangan sihat dan positif sejak kebelakangan ini. Hal ini kerana, adaptasi ialah promosi percuma kerana membantu dalam menyebarkan novel dengan lebih luas. Senario ini boleh menarik minat pembaca baharu kerana ramai penonton yang sebelumnya tidak membaca novel tersebut akan membacanya. Hal ini membantu industri buku untuk terus berkembang maju. Tambahan pula, persaingan novel untuk diadaptasi kian sengit dan mendorong penulis melahirkan novel terbaik mengikut cita rasa pembaca dan penonton.

Apabila novel-novel yang diadaptasi ke filem mendapat sambutan yang baik maka ini menimbulkan minat kepada pengarah-pengarah lain. Pengarah-pengarah akan mencari dan membaca novel-novel yang menarik dan melahirkan filem yang bermutu. Amalan ini memberi ruang kepada peningkatan sektor penulisan dan perfileman sesebuah negara.

### 4.3.3 Pengiktirafan kepada Penulis M. Chandrakumar dan Pengarah Vetrimaaran.

M. Chandrakumar yang lebih dikenali sebagai *Lockup* Chandran di kalangan pemandu auto Coimbatore mendapat penghormatan dan kredit dalam novel dan filem ini. Beliau disanjung oleh penduduk-penduduk tempatan dan luar negara apabila novel *Lockup* ini mendapat perhatian yang luas. Novel ini juga menerima Anugerah Dokumentari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Terbaik Hak Asasi Manusia pada bulan Jun 2006 oleh Badan Hak Asasi Manusia India. Maka novel *Lockup* yang menceritakan penindasan yang berlaku ke atas diri seorang yang dianiaya oleh organisasi perundangan mendapat balasan yang setimpal.

Malah filem Tamil *Visaranai* dipilih menerima Anugerah Filem Tamil Terbaik, Anugerah Pembantu Pelakon Lelaki Terbaik dan Filem Editing Terbaik untuk India Nasional Award 2016. Filem ini ialah, filem Tamil pertama yang telah bertanding dalam Festival Filem Antarabangsa Venice. Filem ini dipilih dan bertanding dalam anugerah berprestij *Oscar* oleh negara India pada tahun 2017. Populariti novel dan filem ini mendapat perhatian antarabangsa setelah diadaptasi.

Penerimaan pengkiftirafan sebegini memberi semangat kepada penulis dan pembikin filem yang lain untuk meneraju amalan adaptasi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.4 Sumber Pendapatan kepada Industri Perfileman dan Pencetakan.

Perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan industri kreatif adalah salah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan percambahan budaya di negara-negara maju. Pertama, ia berkait dengan masalah pasaran dan perspektif yang menganggap novel tempatan yang difilemkan tidak akan berjaya di pasaran atau memberikan keuntungan.

Industri ini ialah industri-industri yang berkaitan dengan penghasilan karya-karya seni yang bercirikan kraf, seni visual, seni muzik, seni persembahan penulisan kreatif dan fesyen dan tekstil. Pembikinan dan kejayaan filem adaptasi novel Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Lockup* ke filem Tamil *Visaranai* ialah satu langkah yang harus diteladani oleh pembikin filem baharu untuk memajukkan industry perfileman dan penulisan.

Pembikinan filem adaptasi ini membuka ruang dan memberi peluang kerjaya bagi setiap bidang perfileman dan penulisan. Hanya dengan cara ini pembangunan seni perfileman dan kesusasteraan negara dapat berkembang baik dan saling mendapat faedah. Adaptasi tidak lagi dianggap sebagai satu usaha untuk mempopularkan karya sastera kerana novel tersebut telah sedia popular.

Lantaran itu, industri penulisan dan perfileman wajar dimajukan lagi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini meliputi seni persembahan dan muzik, reka bentuk, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.5 Pemikiran yang Kreatif.

Adaptasi ini telah membuka ruang untuk sebuah novel diadaptasi perlu lalui beberapa pendekatan. Ada novel yang dipindahkan ke filem dengan berlaku setia dan kekal dengan bentuk plot dan naratifnya. Manakala pendekatan yang lain adalah adaptasi kreatif yang mengadaptasi secara kreatif dengan mengekalkan semangat dan inti pati novel tetapi plot filemnya mengambil pendekatan berbeza. Kedua-dua pendekatan ini mempunyai cabaran tersendiri dan menarik.

Pemikiran kreatif ialah unsur-unsur yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek. Dalam pada itu, kreativiti dan daya pemikiran di luar kotak perlu dicambah dan dirangsangkan seperti novel Tamil *Lockup* yang diadaptasi ke filem Tamil *Visaranai*.

Justeru, mengadaptasi novel adalah pendekatan terbaik dalam industri filem tempatan dan oleh itu pembikin lebih gemar membuat skrip berdasarkan cerita popular remaja hari ini. Hal ini juga berkait dengan perspektif dan fahaman bahawa adaptasi hanya 'merosakkan' novel asal. Kedua, tidak adanya insentif untuk menggalakkan novel diadaptasi ke filem. Salah satu kesilapan anggapan yang lazim adalah melihat adaptasi sebagai usaha untuk mempopularkan karya sastera atau novel. Hal ini jelas tidak benar kerana novel yang diadaptasi sudah sedia popular dan sebenarnya pembikin filem tertarik dengan novel untuk difilemkan dan mahukan cabaran untuk mengadaptasinya. Justeru, amat penting industri ini dibangunkan secara bersepadu dan terancang melalui satu dasar dan hala tuju yang komprehensif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.7 Sumber Dokumentasi.

Sebagai ahli kesatuan pekerja, M. Chandrakumar mempunyai pandangan yang serius mengenai pelbagai isu, terutamanya yang berkaitan dengan golongan tertindas dan kelas pekerja. Setiap insiden yang dilihat dijadikan catatan harian M. Chandrakumar.

Jalan cerita ini yang ditulis pada tahun 2006, merupakan pengalaman sebenar M. Chandrakumar semasa berusia dua puluhan dan bekerja di sebuah hotel berhampiran sebuah kampung di Guntur, Andhra Pradesh. M. Chandrakumar dan tiga orang kawannya diberkas oleh polis dan ditahan dalam lokap selama 13 hari atas kes sangsi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setiap peristiwa yang berlaku di situ telah memberi satu pengalaman yang perit kepada M. Chandrakumar.

Selepas dibebaskan, M. Chandrakumar kembali ke kampung halamannya, Coimbatore dan memutuskan untuk memandu kereta auto untuk memenuhi keperluan hidupnya. Akan tetapi, M. Chandrakumar tidak dapat melupakan pengalaman traumatik yang berlaku selama dua minggu di lokap. Setelah beberapa tahun kemudian, M. Chandrakumar menceritakan peristiwa itu kepada rakannya Nyani. Nyani pula tertarik akan hal ini dan meminta M. Chandrakumar untuk menulis peristiwa itu sebagai sebuah novel. Hasilnya pengalaman beliau berjaya dijadikan sebuah novel yang diberi judul *Lockup*. Novel seratus empat puluh empat muka surat tersebut diterbitkan pada tahun 2006, menggambarkan kekejaman pihak polis terhadap pihak bawahan dan menindas tanpa belas kasian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.8 Perindustrian Perfileman Tamil di Arena Antarabangsa.

Filem Tamil *Lockup* ini ialah, filem Tamil pertama yang telah bertanding dalam Festival Filem Antarabangsa Venice.Filem adaptasi ini memberi satu peluang bagi menyokong pembangunan industri kreatif yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan di peringkat domestik dan antarabangsa. Justeru, penghasilan filem-filem adaptasi yang kaya dengan identiti sebuah negara, kini berpeluang mengeksport hasil kreatif tempatan ke peringkat antarabangsa bagi promosi negara.

Sejak dahulu lagi di Amerika Syarikat, konsep adaptasi novel ke filem memang popular dan maju dari segi nilai komersial, mahupun estetika. Novelis Tamil dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penerbit filem Tamil tempatan harus melihat amalan ini secara lebih mendalam dengan penuh komitmen seperti filem adaptasi *Lockup*. Hal ini akan membantu kedua-dua cabang seni dari segi kemajuan komersial. Justeru, ia dapat menyumbang dari segi ekonomi negara dan perkembangan sastera sejajar dengan negara-negara barat.

### 4.3.9 Memupuk Nilai Hak Asasi Manusia.

Filem adaptasi ini bersurakan pertahanan seseorang terhadap kebenaran. Watak Kumar menyuarakan kebenaran sepanjang novel dan filem. Kumar tidak bersetuju untuk mengaku kesalahan yang direka oleh pihak polis. Kumar tidak bersetuju dengan nasihat supaya mengaku dan hadir ke mahkamah. Sekiranya kita tidak mahu mendorong manusia dalam keadaan terdesak, sebagai pilihan terakhir, memberontak mementang kezaliman serta penindasan, maka adalah penting bagi hak asasi manusia dipertahankan oleh kedaulatan undang-undang.

Hak asasi manusia adalah hak yang tidak boleh dipisahkan dan kebebasan yang layak bagi setiap insan sebagai seorang manusia. Hak-hak tersebut menjamin maruah dan harga diri insan manusia serta menggalakkan kebaikan insani. Hak asasi manusia berbentuk sejagat, tidak boleh dipisahkan dan saling bergantung. Asas bagi setiap hak asasi manusia ialah kefahaman bahawa setiap insan manusia mempunyai maruah dan harga diri.

Penulis novel M. Chandrakumar menegaskan hak asasi manusia dengan naratif beliau sepanjang novel. Pengalaman M. Chandarakumar melalui buku-buku yang dibaca memberikan keberanian bagi dirinya untuk mempertahankan hak asasi apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ditindas. M.Chandarakumar menegaskan bahawa setiap orang berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri. Semua manusia dilahirkan bebas dan samarata dari segi kemuliaan dan hak asasi. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan hati dan hendaklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan. M.Chandarakumar melalui tulisannya menegaskan sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan. Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan keseksaan adalah berhak dianggap tidak salah sehingga dibuktikan salah menurut undang-undang di dalam perbicaraan terbuka di mana dia telah diberikan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya. Sesiapa pun yang boleh dikenakan kepada sebarang gangguan sewenang-wenangnya terhadap keadaan peribadi, keluarga, rumahtangga, atau percerobohan ke atas maruah dan nama baiknya. Setiap orang berhak kepada perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau percerobohan sedemikian. Hasilnya tulisan M. Chandarakumar dan hasil filem pengarah Vetrimaaran mendapat perhatian dan pengkiktirafan yang berprestasi. Novel ini menerima anugerah 'Dokumentari Terbaik Hak Asasi Manusia' pada bulan Jun 2006 oleh Badan Hak Asasi Manusia India.

### 4.3.10 Budaya dan Identiti Kaum.

Adaptasi novel Tamil *Lockup* ini ke filem Tamil *Visaranai* telah memberikan gambaran segelintir masyarakat yang berhijrah ke tempat lain untuk mencari peluang pekerjaan. Kesengsaraan pemuda-pemuda Tamil yang berhijrah dan bekerja di Antra Pradesh yang berlainan bahasa dan budaya walaupun dalam negara sendiri dapat memberikan gambaran keperitan yang dilalui oleh setiap seorang yang berhijrah. Melalui novel dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


filem ini seorang pembaca atau penonton dapat melihat budaya tempatan yang diceritakan. Misalnya persediaan bagi perayaan Ayuta Poojai adalah satu perayaan yang penting bagi penduduk yang berbilang agama. Seterusnya, manisan diberikan kepada Kumar dan kawan-kawan selepas pegawai polis menunaikan nazar di kuil Tirupathi. Bahasa Telugu digunakan sepanjang novel bagi watak-watak tempatan di situ. Pembaca dan penonton dapat memahami dialog-dialog bahasa Telugu dengan imaginasi tersendiri. Papan tanda yang kelihatan bahasa Telugu sepanjang filem dalam menunjukkan corak penulisan dan kepentingan bahasa mesing-masing kepadapara pembaca dan penonton filem.

Walaupun berbeza dari segi etnik, nilai kemanusiaan sering kelihatan dalam novel *Lockup* dan filem *Visaranai* dimana tahanan-tahanan sentiasa bersimpati dan membantu watak-watak pemuda Tamil. Misalnya, tahanan-tahanan sentiasa menasihat Kumar dan kawan-kawannya untuk mengaku kesalahan, menyimpan makanan semasa mereka keluar unuk siasatan dan yang paling terharu semasa Kumar dibelasah teruk dan tidak sedarkan diri, tahanan-tahanan etnik Telugu memandikan, merawat Kumar dan juga seorang tahanan mengeluarkan air mata. Perkara-perkara ini menunjukkan keprihatinan dan naluri sebenar penduduk-penduduk negara India. Mereka penuh dengan emosi dan sentimental kekeluargaan. Contohnya pemuda-pemuda Tamil berhijrah dan bekerja sebagai kuli untuk mengumpulkan duit demi keluarga. Mereka juga mementingkan maruah keluarga. Contohnya mereka tidak ingin berita penahanan mereka diberitahu ke kampung halamannya.

Di sebalik persembahannya sebagai suatu bentuk visual, filem berjaya secara tidak langsung menyingkap semula sesuatu peristiwa untuk dipaparkan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penonton hari ini. Tindakan ini merupakan satu aliran dalam budaya popular dan penerbitan filem mengetengahkan fiksyen sebagai pemangkin bagi menarik perhatian penonton. Hal ini mampu memberi imbangan kepada penonton dalam aspek lain yang dipersembahkan seperti budaya, bahasa, kemasyarakatan, dan isu-isu semasa. Mencambah sumber maklumat dan mengetengahkan perlambangan budaya tempatan serta identiti kebangsaan ke peringkat global.

### 4.3.10 Peningkatan Kajian-kajian Adaptasi

Selama ini memang terdapat salah faham dan kekeliruan tentang konsep kesetiaan pada karya asal dalam membuat adaptasi yang selama ini berlaku antara penulis novel dan pembikin filem. Malah isu kesetiaan ini telah menjadi debat akademi yang berlanjutan. Meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan berterusan dalam memajukan industri penulisan dan pembikinan filem.

Menyemai apresiasi dan persepsi positif dalam kalangan masyarakat mengenai imej, potensi dan masa depan industri kreatif agar setaraf dengan bidang profesional yang lain. Banyak analisis dan perbincangan mengenai novel dan filem ini telah dibincangakan dalam media. Artikel-artikel berkaitan adaptasi novel ke filem kelihatan muncul selepas filem ini dapat sambutan. Kelihatan filem-filem terdahulu yang diadaptasi daripada novel dibincangkan dan memberikan konkulasi dan komen-komen untuk kajian-kajian berkaitan.

Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini diharap menjadi suatu input yang boleh berkongsi bersama serta menjadi perintis kepada para pengkaji lain yang ingin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


melakukan kajian terhadap unsur adaptasi. Justeru, dua bidang yang berbeza dapat memupuk amalan penulisan dan menggalakkan generasi muda menceburi diri dalam industri perfileman tanah air. Senario adaptasi adalah satu bidang yang kurang mendapat perhatian dan sambutan daripada masyarakat Tamil Malaysia. Pengkaji berharap kajian ini dapat menyumbangkan lagi bahan dokumentasi ilmu terhadap konsep adaptasi novel Tamil Malaysia dalam industri filem Tamil Malaysia. Perpindahan daripada novel kepada filem memerlukan proses adaptasi, penyesuaian atau pemadanan. Filem adaptasi tidak terhad kepada novel sahaja malah termasuklah daripada karya lukisan, cerpen, puisi dan semua karya sastera.

## 4.23 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, analisis yang dilakukan bagi setiap bab telah menunjukkan bentuk dan tahap adaptasi yang dilakukan dalam setiap babak novel Tamil *Lockup* kepada filem Tamil *Visaranai*. Analisis yang dilakukan memudahkan pembaca mengenal jenis adaptasi yang dilakukan bagi setiap bab. Peringkat-peringkat adaptasi ini menunjukkan babak-babak yang dikekalkan, ditambahkan dan digugurkan. Setiap peringkat adaptasi juga diulas secara menyeluruh. Jenis adaptasi juga diterangkan dalam dapatan kajian. Analisis ini menerangkan secara terperinci mengenai kaedah yang digunakan oleh pembikin filem semasa mengadaptasikan novel untuk tontonan dalam bentuk media filem. Kepentingan adaptasi novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai* juga dibincangkan bagi mengetahui kepentingan adaptasi dalam pelbagai aspek bagi menyokong kepentingan adaptasi dalam bidang sastera dan media.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 5

# DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.1 Pendahuluan

Bab ini mengupas keseluruhan dapatan kajian yang telah dilakukan berdasarkan data-data yang dikumpul, diklasifikasi dan dianalisis. Dapatan ini menjawab objektif kajian dengan menggunakan novel Tamil *Lockup* yang dikarya oleh M. Chandrakumar dan filem Tamil *Visaranai* oleh pengarah filem bernama Vetrimaaran. Novel dan filem tersebut telah dianalisis menerusi teori adaptasi yang mengandungi empat peringkat secara terperinci dan dilaporkan dalam bentuk jadual. Analisis dilakukan dengan melibatkan sebanyak 21 bab yang terdapat dalam novel Tamil *Lockup* serta filem Tamil *Visaranai*. Setiap bab menganalisis empat unsur adaptasi secara keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh yang demikian, jadual perbincangan serta dapatan kajian dalam bab 4 dirumuskan oleh pengkaji dalam bab ini. Bab ini juga akan menyenaraikan beberapa cadangan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin menjalankan kajian berkaitan adaptasi bahan sastera secara lebih terperinci lagi pada masa hadapan. Kajian pengkaji juga akan memberi sedikit sebanyak pengetahuan berkenaan pemilihan bidang kajian baharu bagi pengkaji lain pada masa akan datang.

## 5.2 Dapatan Kajian

Pengkaji menjalankan kajian ini dengan hasrat mencapai ketiga-tiga objektif yang disebut dalam bab pertama berpandukan teori adaptasi. Perbincangan dalam bab ini akan merumuskan hasil kajian secara keseluruhan berdasarkan objektif kajian ini. Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dikemukakan dalam bab 4, kajian ini bertumpu kepada analisis berdasarkan novel Tamil *Lockup* dan filem Tamil *Visaranai*. Melalui kajian adaptasi ke atas novel Tamil *Lockup* yang dihasilkan oleh M. Chandrakumar dan filem yang diarah oleh Vetrimaaran, didapati bahawa unsur adaptasi dilakukan melalui empat peringkat.

Jadual telah digunakan untuk menganalisis peringkat-peringkat adaptasi novel *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai*. Huraian jadual tersebut adalah untuk melihat unsur-unsur yang dikekalkan, digugurkan dan ditambahkan berdasarkan novel karya M. Chandrakumar. Malah, huraian tersebut juga menjadi penentu sama ada filem Tamil *Visaranai* ini adalah adaptasi setia, pertengahan atau longgar dengan karya asal yang ditulis oleh penulis novel Tamil *Lockup*. Kesemua analisis yang telah dijalankan ke atas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


adaptasi novel Tamil *Lockup* ke filem Tamil *Visaranai* dibincangkan secara keseluruhan. Dapatan ini selari dengan kenyataan Heru S.P. Saputra yang menjelaskan bahawa adaptasi tulisan dapat melakukan pengurangan penambahan atau perubahan bervariasi dari novel ke filem.

### 5.2.1 Peranan Adaptasi Novel ke Filem

Adaptasi merupakan suatu hasil yang membantu perkembangan dua medium berbeza. Biasanya, sesuatu adaptasi yang lengkap dan sempurna dapat menarik perhatian serta menyampaikan maklumat kepada setiap kumpulan masyarakat. Kaedah adaptasi berperanan penting dalam penghasilan karya filem yang menarik minat para penonton. Imaginasi menjadi elemen pertama kepada seseorang pembaca semasa membaca sesebuah bahan bacaan seperti puisi, cerita, cerpen, dan novel.

Teori adaptasi ialah panduan ideal untuk bidang pengajian yang sentiasa berubah dan merupakan ilmu penting bagi peminat unsur adaptasi dalam konteks kajian sastera dan media. Adaptasi dikatakan satu penemuan yang dipadankan, didasarkan, disesuaikan, dan disadur di antara dua medium berbeza. Proses ini membantu mengenal pasti sama ada jenis adaptasi yang dikaji adalah adaptasi setia, pertengahan atau longgar. Adaptasi dilihat sebagai kebolehan menyesuaikan dengan menukarkan, menyelaraskan atau mengubah sesuatu yang baharu. Adaptasi yang baik dan menarik sentiasa mendapat perhatian di kalangan pembaca dan penonton. Adaptasi juga menjadi pencetus minda dan minat serta mencungkil kebolehan penulis dan pembikin filem untuk melahirkan suatu sastera yang bermakna. Adaptasi yang sempurna dan setia dengan naratif menarik minat penonton. Pembaca dan penonton dapat membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


imaginasi di antara novel dengan filem mengikut cita rasa masing-masing. Oleh itu, adaptasi memainkan peranan penting dalam perkembangan bidang sastera. Dapatan ini disokong dengan pendapat Othman Hizairi yang membincangkan analisis definisi dan konsep serta teknik adaptasi secara mendalam.

### 5.2.2 Unsur-unsur yang dihuraikan dalam peringkat Naratif Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*

Proses adaptasi menghasilkan filem dalam tempoh yang ditentukan daripada novel yang mempunyai jalan cerita yang panjang adalah amat mencabar. Unsur naratif adalah unsur utama yang boleh dipindahkan dari novel ke filem. Peringkat ini meneliti aspek jalan cerita untuk mendapat tahu kesetiaan cerita di antara novel dan filem. Ia merupakan peristiwa yang berlaku secara urutan serta dikongsi oleh novel dan filem. Maka, filem Tamil *Visaranai* berkongsi naratif yang hampir sama dengan novel Tamil *Lockup*.

Apabila memperkatakan tentang unsur naratif dari novel ke filem melalui adaptasi, ianya sering dibincangkan mengenai kritikan umum kesetiaan cerita dua medium ini. Penelitian di peringkat ini dilakukan untuk menentukan sama ada filem Tamil *Visaranai* ini setia dengan karya asal yang ditulis oleh penulis novel Tamil *Lockup*. Aspek kesetiaan cerita di antara novel dan filem diperlihatkan dalam peringkat naratif ini.

Didapati cerita kedua-dua medium ini berkisah mengenai penindasan yang dilakukan terhadap segelintir masyarakat yang dipandang rendah atas status

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sosioekonomi mereka. Masyarakat atau pihak yang ada kuasa atau sosioekonomi yang baik tidak berasa serba salah atas penindasan yang dilakukan oleh mereka. Mereka tidak mempedulikan hak asasi yang perlu didapatkan oleh semua orang. Walau bagaimanapun, naratif novel dengan filem ini menerangkan detik-detik cemas yang diharungi oleh Kumar, Ravi, Moideen dan Nelson sehingga pada akhir ceritanya. Dapatan ini selari dengan Armes Roy yang mendedahkan bahawa unsur sosiologi yang wujud dalam sesuatu masyarakat dikatakan memainkan peranan penting dalam penggambaran realiti kehidupan sebuah masyarakat dalam filem.

Secara keseluruhannya, filem Tamil *Visaranai* berjaya mengadaptasikan novel Tamil *Lockup* walaupun ada perubahan dalam naratif di dalam filem. Hal ini disebabkan oleh pembikin filem yang berkeinginan untuk mengukuhkan cerita ini dalam kalangan penonton. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Fatimah Muhd Shukri yang berfokus pada perbandingan naratif filem-filem Melayu dan Hollywood dari segi teori dramaturgi dengan imej, bahan serta teks.

### 5.2.2.1 Unsur-unsur Naratif yang Dikekalkan

Filem Tamil *Visaranai* berjaya mengekalkan sebahagian naratif asal yang digunakan dalam novel Tamil *Lockup*. Melalui kajian yang dijalankan didapati bahawa adaptasi ini adalah adaptasi pertengahan. Judul filem *Visaranai* yang bermaksud ‘siasatan’ ini berkait rapat dengan tajuk novel Tamil *Lockup*. Cerita novel dan filem berkisah dalam suasana yang sama iaitu di dalam tahanan lokap untuk siasatan kes rompakan. Oleh itu, filem Tamil *Visaranai* mengekalkan rangka asal cerita, mengubah serba sedikit jalan cerita mengikut keperluan pembikin filem. Babak-babak penahanan Kumar bersama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kawan-kawan dan penindasan yang dilakukan terhadap mereka ditunjukkan dengan hampir keseluruhan mengikut novel. Penonton dapat mengikuti dan menghayati cerita asal novel yang memenuhi dengan imaginasi mereka.

Secara keseluruhannya, filem Tamil *Visaranai* mengekalkan idea asal yang digarapkan dalam novel Tamil *Lockup*. Dalam pada itu, kerjasama, pandangan dan perbincangan di antara pengarah filem dan penulis novel boleh dijadikan ukuran untuk naratif yang baik.

**5.2.2.2 Unsur-unsur Naratif yang Digugurkan**

Dalam peringkat naratif ini, kajian menemui beberapa peristiwa dalam cerita digugurkan oleh pembikin filem. Hal ini dilakukan atas pelbagai tujuan seperti babak yang tidak dapat dirakam atas unsur keganasan, perbelanjaan dan persekitaran yang tidak sesuai atau difikirkan tidak membantu untuk perkembangan naratif filem. Sebahagian babak-babak ini juga digugurkan kerana pembikin ingin memberi mesej, 'mood' atau idea yang berlainan dengan cerita asal.

Novel banyak menceritakan mengenai detik-detik yang dilalui oleh Kumar dan kawan-kawannya menghadapi situasi cemas dan mereka dibelasah terlalu teruk sehingga tidak dapat bergerak. Tetapi filem tidak menunjukkan babak-babak itu secara keseluruhan disebabkan unsur keganasan yang keterlaluan tidak boleh diterima oleh para penonton.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.2.2.3 Unsur-unsur Naratif yang Ditambahkan

Dalam bahagian ini, pembikin filem menambahkan beberapa babak atau peristiwa yang tidak ditulis dalam novel. Dalam filem Tamil *Visaranai*, jalan cerita ditambahkan dengan cerita Sakthivel yang membantu Kumar dan kawan-kawannya di mahkamah. Jalan cerita itu tidak ada dalam novel dan pengarah menambahkan peristiwa tersebut untuk mengurangkan emosi dan tekanan penonton yang banyak menyaksikan unsur penindasan dalam filem. Kehadiran Sakthivel dan rakan-rakannya diselitkan dalam beberapa babak yang diadaptasi daripada novel supaya tidak ada kemunculan mereka disoal dan tidak mengelirukan penonton pada bahagian pertengahan filem.

Novel berakhir dengan babak di mana Kumar dan kawan-kawannya meminta kes dibicarakan. Mereka dihantar ke penjara bagi kes dibicarakan selepas lima bulan. Dalam pembicaraan selepas lima bulan, hakim meminta Kumar dan kawan-kawannya mengaku bersalah untuk membolehkan mereka dibebaskan kerana telah berada dalam penjara melebihi tempoh hukuman. Malah, filem pula ditambah dengan babak Sakthivel yang kebetulan berada di mahkamah dipanggil oleh hakim untuk membantu menterjemahkan bahasa Tamil Kumar dan kawan-kawannya ke Bahasa Inggeris. Seterusnya, Sakthivel membawa Kumar dan kawan-kawannya ke Tamil Nadu untuk balik ke kampung halaman mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.2.3 Unsur-unsur yang dihuraikan dalam peringkat Verbal ke Visual Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*

Peringkat ini membincangkan kesan daripada transformasi verbal ke visual. Peringkat ini meneliti, watak perwatakan, bahasa dan tempat serta latar sesebuah cerita.

#### 5.2.3.1 Unsur-unsur Verbal ke Visual yang Dikekalkan

Secara keseluruhannya, filem Tamil *Visaranai* mengekalkan sebahagian besar bahasa, watak perwatakan, dan latar tempat dikekalkan kecuali semua peristiwa yang berlaku di Tamil Nadu. Filem Tamil *Visaranai* menampilkan watak-watak utama yang terdapat dalam novel Tamil *Lockup*. Watak Kumar, Ravi, Moideen, Nelson, Inspektor Sham Sunder, pegawai-pegawai polis, Tuan Mani dan hakim dikekalkan oleh pengarah. Pemilihan pelakon-pelakon yang bersesuaian dengan watak itu telah berjaya memberikan satu kepercayaan terhadap kesan novel kepada penonton. Hal ini disebabkan keperluan pembaca novel dan penonton untuk menerima setiap watak tanpa ragu-ragu dengan perwatakan mereka. Pengekalan watak-watak ini juga berjaya mendekati penonton menghayati filem ini. Hal yang sedemikian, membuatkan pengarah memilih dan mengekalkan setiap watak itu untuk menghidupkan filemnya. Contohnya, setiap watak yang dipilih dalam filem menampilkan wajah dan bentuk badan yang telah pembaca berimaginasi dalam novel. Pemilihan watak utama Kumar yang dilakonkan oleh Tinesh adalah pilihan yang tepat kerana dia memiliki rupa paras seorang pemuda Tamil dalam lingkungan umur dua puluhan. Paras rupa yang sederhana besar, berkulit hitam manis, berambut kerinting merealisasikan wataknya sebagai seorang pemuda Tamil. Pemilihan kawan-kawannya Ravi, Moideen dan Nelson juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dipilih berdasarkan umur dan saiz badan mereka. Watak Inspektor Sham Sunder juga adalah pilihan yang sesuai dengan fizikal badan yang besar dan kuat, berkepala botak dan bermata bulat. Watak itu adalah bersesuaian dengan karektor seorang inspektor yang garang dan tidak berperikemanusiaan. Watak majikan Kumar, Tuan Mani menampilkan satu watak yang bersimpati dan tidak berdaya untuk membantu Kumar dan kawan-kawannya. Watak itu juga menunjukkan perasaan yang takut dan gelisah apabila menghadapi masalah. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Hani Salwah Yaakup menceritakan bahawa kajian akan dilihat menerusi kepentingan pemaparan watak dan perwatakan serta elemen naratif.

Bahasa Tamil dan Telugu telah digunakan dalam novel dan filem. Hal ini bersesuaian dengan watak-watak pemuda Tamil dalam novel yang berhijrah dari Tamil Nadu ke Andra Pradesh untuk bekerja. Watak Kumar dan kawan-kawannya tidak fasih dalam Bahasa Telugu kecuali Moideen dalam novel dan filem. Mereka hanya bertutur dalam Bahasa Tamil dalam setiap babak novel dan filem. Inspektor Sham Sunder dan pegawai-pegawai polis pula hanya bertutur dalam Bahasa Telugu. Mak,a bahasa ini juga adalah satu titik permulaan kepada semua masalah yang berlaku.

Latar yang hampir sama dengan novel telah dipaparkan dalam filem ini. Taman Bunga Gandhi, Balai Polis, lokap yang sempit dan gelap, perkarangan bilik air balai polis dan mahkamah ditunjukkan untuk membantu pemahaman penonton filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.2.3.2 Unsur-unsur Verbal ke Visual yang Digugurkan

Dalam peringkat verbal ke visual ini, kajian menemui beberapa watak dalam novel telah digugurkan dalam filem. Watak Tamilkarar, Tuan Syed Karim, lelaki tua dan pegawai penulis aduan telah digugurkan dalam filem. Watak-watak itu telah digunakan sebagai watak sampingan oleh penulis novel dan tidak begitu membawa kepentingan kepada filem. Maka, pengarah filem tidak memberikan keutamaan untuk watak-watak itu. Pengguguran watak-watak ini dapat juga membantu durasi filem dikurangkan.

Latar gerai teh telah ditukarkan sebagai kedai runcit dalam filem ini. Ianya tidak membawa apa-apa kesan yang serius. Sama juga dengan lokasi rompakan, iaitu kedai elektronik telah ditukarkan sebagai rumah banglo orang kenamaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.2.3.3 Unsur-unsur Verbal ke Visual yang Ditambahkan

Dalam bahagian ini, pembikin filem menambahkan beberapa watak yang tidak ditulis dalam novel. Watak heroin telah ditambahkan dan kisah cinta berputik antara Kumar dan Shanti telah digambarkan dalam filem. Hal ini kemungkinan untuk menambahkan nilai komersial filem. Dua lagi watak yang ditambahkan adalah watak pegawai polis Tamil Nadu Sakthivel dan pegawai polis perempuan Sindhu. Sakthivel dan Sindhu adalah watak yang bersimpati terhadap Kumar dan kawan-kawannya dan membantu mereka dalam beberapa situasi sepanjang filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.2.4 Unsur-unsur yang dihuraikan dalam peringkat Enunsiasi Novel Tamil *Lockup* ke Filem Tamil *Visaranai*

Peringkat ini bermaksud sesuatu yang terdapat dalam medium seperti novel tidak dapat diadaptasi terus ke dalam medium lain seperti filem. Enunsiasi ini menggunakan medium yang tertentu untuk menguatkan mesej novel apabila dipindahkan ke filem. Pada peringkat enunsiasi ini, penelitian dilakukan untuk mengkaji bagaimana filem Tamil *Visaranai* membuat adaptasi terhadap sesuatu mesej yang ada pada novel Tamil *Lockup.* Enunsiasi ini dapat disampaikan melalui unsur-unsur filem tertentu seperti muzik, cahaya, warna dan pergerakan kamera, mimik muka dan teknik *close up*. Apabila novel Tamil *Lockup* ini diadaptasi ke filem, ia mempunyai signifikan yang berbeza kerana filem menggunakan medium visual berbanding novel yang menggunakan medium verbal atau bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 5.2.4.1 Unsur-unsur Enunsiasi yang Dikekalkan

Emosi Kumar dan kawan-kawannya dikekalkan sepanjang filem seperti ditulis dalam novel. Jeritan tahanan akibat kesakitan dipukul polis itu dimainkan melalui suara latar walaupun berada di luar lokap semasa siasatan. Kesengsaraan dan keperitan yang dilalui oleh Kumar dan kawan-kawannya ditunjukkan melalui emosi dan mimik muka mereka sepanjang filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.2.4.2 Unsur-unsur Enunsiasi yang Digugurkan

Salah satu perkara yang dipindahkan secara keseluruhan daripada novel ialah sudut pandangan orang pertama yang digunakan sepanjang novel ini. Kata ganti nama pertama digunakan untuk menceritakan pengalaman dan kesengsaraan yang dihadapi oleh Kumar. Fungsi penggunaan kata nama diri pertama dalam novel adalah untuk mendekatkan pengarang dengan pembaca. Tambah lagi, penggunaan kata nama ini digunakan sepanjang novel kerana ia merupakan cerita autobiografi pengarang. Imaginasi-imaginasi Kumar mengenai nasibnya sepanjang novel juga telah digugurkan dalam filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.2.4.3 Unsur-unsur Enunsiasi yang Ditambahkan

Pengarah filem Tamil *Visaranai* menambahkan unsur berdialog untuk menggantikan sudut pandangan orang pertama. Watak-watak diberi dialog yang bersesuaian dengan keperluan dan suasana persekitaran. Muzik yang dimainkan pada babak tertentu dalam filem ini mengiringi makna penulis novel. Muzik kelihatan menarik dan mengekalkan keseriusan filem ini. Walaupun filem tidak mampu menggarapkan semua bahasa dalam novel, namun gambaran melalui penggunaan waktu masa telah memberikan satu impak yang berkesan.

Tanda papan dan nama lokasi telah ditunjukkan dalam skrin. Novel terus menceritakan nama dan lokasi kepada pembaca manakala filem memaparkan nama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tempat dengan memberi beberapa tanda. Nama Taman Bunga Gandhi telah dipaparkan pada skrin dalam bentuk tulisan, lokasi penahanan Nelson diberitahu melalui penghalang jalan yang ditulis nama tempat iaitu Guntur manakala nama balai polis ditunjukkan melalui papan tanda Balai Polis Krisnha Puram.

Sari kata digunakan untuk menterjemahkan Bahasa Telugu ke Bahasa Tamil. Novel ditulis dari sudut pandangan diri pertama dan pembaca tidak menghadapi masalah pemahaman bahasa. Manakala, filem membawa situasi sebenar pada skrin dengan bantuan sari kata.

## 5.3 Perbincangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, apabila kita melihat pada keadaan masyarakat Tamil Malaysia zaman sekarang, didapati bahawa minat membaca novel telah semakin berkurangan terutamanya dalam kalangan generasi muda apatah lagi dalam kalangan murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan kajian ini dengan harapan generasi muda akan tertarik untuk mengamalkan budaya membaca dan pemikiran kreatif.

Berdasarkan perbincangan, dapatlah dikatakan bahawa novel Tamil *Lockup* yang diadaptasikan dalam filem Tamil *Visaranai* mengekalkan naratif, verbal ke visual dan enunsiasi dengan beberapa perubahan yang bersesuaian tanpa mengganggu jalan ceritanya. Analisis telah dibuat berdasarkan empat peringkat adaptasi. Peringkat pertama naratif memperlihatkan ada unsur peningkatan (improvisasi) dan transformasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepada karya asal tetapi tidak sampai satu dekonstruksi. Pada peringkat kedua, iaitu verbal ke visual, kesan landskap mental kepada penonton jelas terasa. Keadaan suasana yang gelap serta perwatakan manusia yang berhati baik dan buruk jelas ditunjukkan secara visual. Pada peringkat ketiga, iaitu enunsiasi, sudut pandangan orang pertama yang domain dalam novel telah digantikan dengan dialog, suara latar dan pergerakan kamera. Dialog yang digunakan dalam filem amat bersesuaian untuk membawa cerita ini selari dengan novel. Muzik dan emosi juga digunakan sebagai satu kaedah filem untuk memindahkan sesuatu yang tidak dapat dipindahkan terus daripada novel. Pada peringkat keempat, keseluruhan, filem Tamil *Visaranai* yang dikaji memperlihatkan satu hasil interpretasi pengarah daripada novel yang diadaptasi. Interpretasi yang dilakukan oleh pengarah dan penulis skrip tidak lari jauh berbeza dengan motif dan mesej penulis. Hal ini nyata apabila tema dan persoalan dalam novel Tamil *Lockup* dikekalkan. Terdapat sinergi yang kuat di antara pengarang novel dengan pengarah sehingga menghasilkan dan mengekalkan identiti dua buah medium seperti novel yang diadaptasi ke filem.

Meneliti kajian-kajian tadi, menjelaskan bahawa, tidak ada kajian yang sama dengan kajian pengkaji. Kajian peribahasa menggunakan bahan kajian yang sama tetapi berlainan bahasa dan bidang. Manakala, pemilihan topik kajian adalah berbeza yang merangkumi skop yang berlainan dengan kajian semasa.

## 5.4 Cadangan Kajian Masa Depan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini menyumbang suatu penemuan baharu dalam bidang adaptasi menerusi media cetak. Oleh itu, ia penting untuk penyelidik-penyelidik lain bagi meneruskan kajian dalam bentuk-bentuk yang lain seperti adaptasi cerpen, drama, puisi, kartun dan novel di Malaysia. Dengan ini, adaptasi dapat membuka ruang bagi penyelidik mencari, menaakul dan meneroka tema-tema baharu yang mencabar dan bermakna dalam bidang sastera dan media. Oleh itu, penemuan-penemuan ini perlu disemarakkan lagi kerana masih terdapat kekurangan kuantiti penulisan dan penyelidikan yang berkaitan dengan bidang adaptasi dalam karya-karya sastera.

Kajian ini juga memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan. Kajian berdasarkan adaptasi menjadi perangsang kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah untuk membanding bezakan di antara dua bahan pendidikan. Ia membantu murid untuk mengenal dan meneroka elemen-elemen yang terdapat dalam sesebuah bahan sastera secara terperinci sebelum memindahkannya ke media lain seperti filem. Murid-murid boleh mengenal pasti peringkat-peringkat adaptasi berdasarkan naratif, verbal ke visual enunsiasi dan keseluruhan sebelum menilai bahan media.

Kajian seperti ini amatlah penting bagi membuka ruang untuk penulisan artikel, jurnal dan esei berkaitan dengan adaptasi bahan-bahan sastera. Selain itu, kajian ini akan dapat mengimbangi penulisan dan penyelidikan yang lebih tertumpu kepada karya-karya yang diadaptasi dalam bidang penulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.5 Kesimpulan

Pelbagai kajian tentang adaptasi bahan cetak ke bahan media yang telah dilakukan sebelum ini, sekali gus memberi gambaran dan membuktikan bahawa adaptasi merupakan khazanah yang amat penting dan bernilai dalam budaya perkembangan sastera dunia. Berdasarkan hasil kajian ini, dapat disimpulkan bahawa unsur-unsur adaptasi membantu untuk mengenal pasti tahap pengadaptasian novel ke filem. Hal ini meliputi peringkat-peringkat teori adaptasi iaitu unsur naratif, unsur verbal ke visual, unsur enunsiasi dan unsur keseluruhan. Kesemua unsur ini menerangkan tiga langkah adaptasi seperti unsur yang dikekalkan, unsur yang digugurkan dan unsur yang ditambahkan.

Melalui kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa adaptasi adalah gabungan dua bahan media yang berlainan dan membawa gambaran yang berbeza walaupun kandungan mesejnya adalah sama. Setiap bentuk media meneroka makna tersendiri dengan cara subjek diwakili dan konteks di mana ia muncul sebagai penyokong. Adaptasi menjadi terjemahan dari linguistik ke bentuk visual.

Kesimpulan yang boleh dikatakan di sini adalah bahawa kajian ini amat penting untuk mengetahui kepentingan adaptasi bahan sastera ke bahan media. Penulisan seseorang penulis novel adalah secara panjang lebar dan mudah difahami tetapi jika diteliti dengan filem terdapat medium yang bersesuaian yang perlu diperjelaskan dengan bantuan adaptasi. Adaptasi ini mempermudah pemahaman terhadap mesej yang cuba disampaikan oleh seorang pengarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**RUJUKAN**

Abdul Razak Mohaideen. (2016). *Pembangunan Modal Insan dan Motivasi Kerja dalam Industry Perfileman di Malaysia: Satu Kajian ke Atas Industry Filem Cereka*. Universiti Utara Malaysia. (Tesis Doktor Falsafah)

Akhbar Makkal Osai. 9/8/2009.

Allen Robert Clyde & Gomery Douglas. (1985). *Film History; Theory and practice*. New York, London: McGraw-Hill.

Alun Munslow. (2008). Film and history: Robert A. Rosenstone and History on Film/Film on History. *The Journal of Theory and Practice, 11*(4): 565-575.

Amsan Kumar. (2009). *Pesum Porchithiram.* Kalachuvadu Pathippagam Nagercoil, Chennai.

Annette Insdorf. (1997). *Frencois Truffaut Rivised and Updated Edition*. Cambridge: First Cambridge University Press.

Armes Roy. (1974). *Film And Reality: A Historical Survey.* San Diago: Penguin Publications.

Ashish Rajadhyaksha & Cherchi Usai Paolo. (1997). *Indian Cinema, Origins to Independence and Survival*. Oxford, New York: Oxford University Press.

Bala Bharathi. (2012). *Tamil Cinema 80*. Chennai: Nakkheeran Publications Chennai.

Beja, Morris. (1979). *Film and Literature: An Introduction*. New York: Longman.

Berita Harian. 28 Feb 2016.

Bismi,J. (2008). *Tamil Cinema: Sila Nigalvugal Pathivugal*. Thankesh Printers, Chennai.

Bismi, J. (2008). *Tamil Cinema" Sila Nigalvugal" Pathivugal.* Chennai: Thankesh Printers.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bordwell, D & Thompson, K. (2008). *Film Art*. New York: MC Graw Hill.

Bowman-Kruhm, M. (2003). *Margaret Mead: A Biography.* London: Greenwood Press.

Brymen, A. (2008). *Social research methods*. New York: Oxford University Press.

Conrad, J. (1989). *The Nigger of the 'Narcissus'*. London: Penguin Books.

Corrine, G. (2011). *Becoming Qualitative Researcher An Introduction*. New York: Pearson.

Cowie, Peter, (2018). *The Godfather.* London: Carlton Books Ltd.

Creswell, J.W. (2009). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 3rd Edition. Los Angeles: Sage Publication.

Culler, J. (2011). *Literary Theory: A Very Short Introduction*. Oxford: OUP Oxford.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

David Forgacs. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Ketiga.

David Robinson. (1973). *World Cinema: A Short History.* London: Eyre Methuen.

Fatimah Muhd Shukri. (2014). *Dramaturgi Filem: Peletakan Produk dalam Naratif Filem-Filem Melayu dan Hollywood*. Universiti Malaysia Kelantan. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan).

Geoffey Nowell-Smith. (1996). *The History of Cinema, A Very Short Introduction*. New York: Oxford University Press.

Giddings, R, Selby, K & Wensley, C. (1990). *Screening the Novel: The Theory & Practice of Literary Dramatisation*. London: Macmillan.

Gopala Krishnan. (2004). *Cinimaavin Ulagam (Dunia Perfileman)*: Kanavuppattarai Chennai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hani Salwah Yaakup. (2018). Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Jurnal Komunikasi Malaysian, 34*(2): 323-337.

Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Heru S.P. Saputra. (2009). Transformasi Lintas Genre: Dari Novel Ke Film, Dari Film Ke Novel. *Jurnal Humaniora 21*(1): 41-55.

Ian Watt. (1967). *The Rise of the Novel*. London: Chatto Windus.

James Chapman. (2003). *Cinemas of the World : Cinemas of the World: Film and Society from 1895 to the Present.* London: Reaktion Books.

James Chapman. (2013). *Film And History*: *Theory And History*. London: Palgrave Macmillan.

Jamil Sulung. (2008): *Kaca Permata: Memior Seorang Pengarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jins Shamsudin. (2015). *Filem Melayu Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*. Kedah: UUM Press.

*Kamus Dewan*. (2015). Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kanesan, R. (2018). Tamil Naavalkalait Taluvi Uruvaakkappadum Tamil Tiraippadanggal Oor Aaivu. *MJSSH online,2.*

Kartini Anwar. (2008). *Sastera Remaja dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

S. Ramakrishnan. (2011). *Kriyavin Tarkalat Tamil Akarati*. Chennai: Fine Press, Chennai.

Lawrence Neuman William. (2003). *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Pearson Education Inc.

Linda Hutcheon. (2006). *A Theory of Adaptation (2nd Edition)*. New York: Routledge.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mahadi J Murat. (2006). *Sutradara Kontemporari Malaysia. Ampang*: Perbadanan Filem Nasional Malaysia.

Marantz Cohen & Paula. (2001). *Silent Film and The Triumph of The American Myth*. Oxford: Oxford University Press.

Mary C. Johnson. (1995). *The Scriptwriter Journal 1st Edition*. Waltham: Focal Press.

McFarlane B, (1996). Novel to filem: An Introduction to the Theory of Adaption. Oxford: Clarendon Press.

Mrinal Sen. (1980). *Cinema Oru Parvai*. Chennai: Chennai Book House Press.

Monique Hennik, Inge Hutter & Ajay Bailey. (2011). *Qualitative Research Method*. London: Sage Publication. Inc.

Naim Haji Ahmad. (1995). *Filem sebagai Alat dan Bahan Kajian.* Serdang: Penerbitan Universiti Pertanian Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Norman Blaikie. (2010). *Design Social Research (2nd Edition)*. USA: Polity Press.

Othman Hizairi. (2000). *Adaptasi Novel ke Filem: Analisis Perbandingan Antara Filem Melayu dan Filem Barat.* Universiti Malaya. (Disertasi Sarjana).

Patrick Colm Hogan. (2008). *Understanding Indian Movies: Culture, Cognition and Cinemati Imagination.* USA: University of Texas Press.

Paul Smith. (1976). Introduction. In Pul Smith (Ed.), *The Historian and Film*. Cambridge: Cambridge University Press.

Rajamorgan Veerappan, (2007). *Kalidasa's Shakuntala and The Malay Classic Movie Dewi Murni: A Comparative Study*. Universiti Malaya. (Disertasi Sarjana).

Ranjit Kumar, (2011). *Research Methodology A Step-By-Step Guide For Beginners (3rd Edition)*. London: Sage Publication, Inc.

Rasdan Ahmad. (09 Nov 2014). Utusan Online.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rencana Berita Harian. (Rabu, 8 November 2017).

Richard, H & Robert, M. (2009). *Using Visual Evidence*. UK: McGraw-Hill Education.

Richardson & Richard. (1985). *Literature and Film*. New York: Garland Publishing, Inc.

Rosenstore, A. Robert. (2007). *Epilogue: The Promise of History. In Leen Engelen & Roel Winkel (Ed), Perspectives on European Film and History.* Gent: Academia Press.

Rosmawati Mohamad Rasit. (2013). *Hubungan Penontonan Filem Da'wah dengan Pembentukan Personaliti Prososial Remaja.* Universiti Putera Malaysia. (Tesis Falsafah Kedoktoran).

Rudolf Arnheim. (1966). Art Today and the Film. *Art Journal*, *25*(3): 242-244.

Sabitha Marica. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prantice Hall.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selvaraj Velayutham. (2008).Introduction: The Cultural History and Politics of South Indian Tamil Cinema. In Selvaraj Velayutham (Ed.),*Tamil Cinema: The Cultural Politics of India's Other Film Industry.* London : Rutledge Tailor & Francis Group.

Sergei Eisenstein. (1949). *Film Form, ed. and trans*. New York.: Jan Leyda, Harcourt, Brace.

Sillalee S. Kandasamy. (2015). *Filem-Filem Tamil di Malaysia: Suatu Pemerhatian Terhadap Ketaksamaan Sosial.* Universiti Malaya. (Kajian tesis Falsafah Kedoktoran).

Sohaimi Abdul Aziz. (2016). *Teknoteks dan Transformasi Pengajian Kesusasteraan, Mensinergikan Sastera, Teknologi dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Shampa Banerjee & Srivastava. (2013). *One Hundred Indian Feature Films: An Annotated Filmography*. USA: Routlegde.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Short, K.,R.,M. (1981). *Introduction: Feature Film History. In K., R., M. Short (Ed.), Feature Films as History.* London: Croo M Helm.

Tamil Lexicon, Thiruvasagam. (2012). Madras: University of Madras, Chennai.

Temuramah Berita Harian: *Karyaseni nafi trend adaptasi drama televisyen rosakkan industri buku*:07.08.2016.

Thompson Kristin & Bordwell. (2003). *Fiml History*. New York: McGraw-Hill.

Vachel Lindsay. (2004). *The Art of The Moving Picture.* (eBook#13029).

Wan Hasmah Wan Teh. (2018). The history of film adaptation in Malaysia: The long journey of its rise and fall. *Malay Literature 31*(2): 361 – 382.

Wan Hasmah Wan Teh dan Md. Salleh Yaapar. (1997). "Pandangan S. Othman Kelantan dan U-wei Haji Shaari Terhadap Masyarakat Melayu Patani: Satu Kajian Proses Adaptasi dari Novel Juara ke Filem "Jogho" *MELAYU": Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jilid 8 Bil. 2 2015.

Youtube. Filem Visaaranai. Diakses dari https://youtu.be/Kex68dl6D1U .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi